**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin**
P.S.M., S.P.M.P., S.P.S.K., D.S.A.P., D.P.M.P., K.M.N., S.M.P., P.M.P., A.S.K., A.M.P., P.P.T., Chevalier de la Legion d'Honneur, Hon. LL.D (University of Nottingham-UK)
*Ketua Eksekutif (Ex-Officio)*

**YBhg. Dato' Ghazali bin Mohd Ali**
D.I.M.P.
(mulai 1 Januari 2014)

## PANEL PELABURAN

**Duduk dari kiri**
**YBhg. Jen. Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin**
*(Panglima Angkatan Tentera)*

**YBhg. Jen. Tan Sri Datuk Amar Mohd Ghazali bin Dato' Mohd Seth (Bersara)**
*(Pengerusi Panel Pelaburan)*

**YB. Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)**
*(Pengerusi LTAT)*

**Berdiri dari kiri**
**YBhg. Datuk Zakaria bin Sharif**
*(Timbalan Ketua Eksekutif)*

**YBhg. Dato' Abdul Aziz bin Ibrahim**

**YBhg. Dato' Fauziah binti Yaacob**
*(Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia)*

**Encik Mohd Suffian bin Haron**

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin**
*(Ketua Eksekutif)*

## PANEL PELABURAN

### Pengerusi

**YBhg. Jen. Tan Sri Datuk Amar Mohd Ghazali bin Dato' Mohd Seth (Bersara)**
P.G.A.T., P.M.N., P.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., D.A., D.H.M.S., P.N.B.S., J.M.N., P.P.C., jssc, psc.

### Ahli-ahli

**YBhg. Jen. Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin**
P.G.A.T., P.M.N., P.S.M., P.J.N., D.H.M.S., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.T.S., S.P.M.P., S.S.T.M., S.P.K.K., P.S.A.T., D.G.M.K., D.S.D.K., D.P.K.K., D.M.S.M., P.M.W., P.A.T., J.M.N., S.D.K., K.M.N., A.M.K., A.S.K.,Legion of Honor (Phil), AMIM, MSc (NDU), mpat, lmt, psc
*Panglima Angkatan Tentera*

**YBhg. Dato' Fauziah binti Yaacob**
D.P.T.J., D.A.S.P.
*Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia*

**YBhg. Dato' Abdul Aziz bin Ibrahim**
D.P.M.T., S.M.T.

**Encik Mohd Suffian bin Haron**
(mulai 1 Januari 2015)

**YBhg. Datuk Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid**
P.J.N., K.M.N.
(sehingga 31 Disember 2014)

## JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN

### Pengerusi

**YB. Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)**
P.G.A.T., P.M.N., P.S.A.T., P.S.D., S.J.M.K., S.S.A.P., S.S.I.S., S.P.T.S., D.H.M.S., D.C.S.M., D.P.M.S., D.P.T.S., P.A.T., J.S.M., J.S.D., P.M.P., K.A.T., K.M.N., B.K.T., D.P.K.T (Brunei), OLH (France), OMRI (Italy), Yudha Dharma Utama (Indonesia), White Elephant, First Class Knight Grand Cross (Thailand), PLH (Philippines), NI(M) (Pakistan), LOM (USA), P.P.S., P.P.A., MSc EBM (Warwick), jssc, psc

### Ahli-ahli

**YBhg. Dato' Sri  Abdul Rahim bin Mohamad Radzi**
S.S.A.P., D.I.M.P., A.M.N.
*Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan*
(mulai 27 Disember 2014)

**YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad**
S.S.A.P., P.G.D.K., J.S.M., A.M.P.
*Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan*
(sehingga 26 Disember 2014)

**YBhg. Dato' Fauziah binti Yaacob**
D.P.T.J., D.A.S.P.
*Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia*

**YBhg. Lt. Jen. Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi**
P.J.N., S.P.T.S., D.C.S.M., P.S.A.T., D.G.M.K., D.P.M.K., D.S.A.P., D.P.M.S., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., P.P.S., usawc, mpat, plsc (Canada), MA (Lancaster), MSS (USAWC)
*Timbalan Panglima Tentera Darat*

## JAWATANKUASA AUDIT

### Pengerusi

**YB. Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)**
P.G.A.T., P.M.N., P.S.A.T., P.S.D., S.J.M.K., S.S.A.P., S.S.I.S., S.P.T.S., D.H.M.S., D.C.S.M., D.P.M.S., D.P.T.S., P.A.T., J.S.M., J.S.D., P.M.P., K.A.T., K.M.N., B.K.T., D.P.K.T (Brunei), OLH (France), OMRI (Italy), Yudha Dharma Utama (Indonesia), White Elephant, First Class Knight Grand Cross (Thailand), PLH (Philippines), NI(M) (Pakistan), LOM (USA), P.P.S., P.P.A., MSc EBM (Warwick), jssc, psc

### Ahli-ahli

**YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi**
S.S.A.P., D.I.M.P., A.M.N.
*Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan*
(mulai 27 Disember 2014)

**YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad**
S.S.A.P., P.G.D.K., J.S.M., A.M.P.
*Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan*
(sehingga 26 Disember 2014)

**YBhg. Dato' Fauziah binti Yaacob**
D.P.T.J., D.A.S.P.
*Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia*

**YBhg. Lt. Jen. Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi**
P.J.N., S.P.T.S., D.C.S.M., P.S.A.T., D.G.M.K., D.P.M.K., D.S.A.P., D.P.M.S., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., P.P.S., usawc, mpat, plsc (Canada), MA (Lancaster), MSS (USAWC)
*Timbalan Panglima Tentera Darat*

## PENGURUSAN

Ketua Eksekutif
**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin Bin Wok Kamaruddin**
P.S.M., S.P.M.P., S.P.S.K., D.S.A.P., D.P.M.P., K.M.N., S.M.P., P.M.P., A.S.K., A.M.P., P.P.T., Chevalier de la Legion d'Honneur, Hon. LL.D (University of Nottingham-UK)

Timbalan Ketua Eksekutif
**YBhg. Datuk Zakaria Bin Sharif**
D.M.S.M., K.M.N.

Pengurus Besar (Operasi)
**Puan Rathiyah Binti Hassan**
A.M.N.

Pengurus Besar (Kewangan)
**Puan Ho Chai Suan**
A.M.N.

Pengurus Besar Pelaburan
**Puan Hajah Saira Banu Binti Chara Din**

Penolong Pengurus Besar Pelaburan (Pembangunan Pelaburan)
**Tuan Haji Khairul Anwar Bin Ismail**

Penolong Pengurus Besar (Perkhidmatan)
**Tuan Haji Mohd Yunus Bin Ahmad**
A.M.N.

Penolong Pengurus Besar (Perancangan Strategik & Pelaksanaan Kualiti)
**Encik Mohd. Saubae Bin Roslan**
A.M.N.

Penolong Pengurus Besar (Kewangan)
**Encik Musa Bin Bachik**

Penolong Pengurus Besar (Pengurusan Risiko)
**Encik Abdul Shukur Bin Aziz**

Penolong Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat & Pelanggan)
**Puan Hajah Sharifah Salmah Binti Syed Ahmad**
A.M.N.

Penolong Pengurus Besar (Audit Dalaman)
**Puan Putri Rozita Binti Abdul Rahman**
A.M.N.

Pengurus Pelaburan (Pembangunan Pelaburan)
**Tuan Haji Jasni Bin Sami**

Pengurus Kewangan
**Encik Mohamed Roslan Al-Husni Bin Mohamed**

Pengurus Tenaga Manusia & Pentadbiran
**Puan Hajah Noorlaily Binti Ibrahim**

Pengurus Hal Ehwal Korporat & Pelanggan
**Tuan Haji Zulkifli Bin Ismail**

Pengurus Kewangan
**Puan Hajah Rohaidah Binti Abdullah**

Pengurus Pelaburan (Pengurusan Aset)
**Puan Hajah Rahaya Binti Jaafar**

Pengurus Audit Dalaman
**Encik Salahuddin Bin Md Sah**

Pengurus Prosesan & Teknologi Maklumat
**Tuan Haji Ahmad Shakif Bin Mohd Nawi**

# CARTA ORGANISASI
## LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA



# PERUTUSAN PENGERUSI

Pertumbuhan ekonomi global terus berkembang secara sederhana pada kadar 3.3% bagi tahun 2014 berbanding 3.0% pada tahun 2013. Pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat (AS) pula terus bertambah baik didorong oleh permintaan swasta manakala pertumbuhan ekonomi di Kawasan Euro dan Jepun terus lembab. Di Asia, pertumbuhan ekonomi terus berkembang didorong oleh permintaan dalam negeri dan eksport yang kukuh. Bagi tahun 2014, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 6.0% berbanding 4.7% pada tahun 2013. Pertumbuhan yang baik ini disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh dan pertumbuhan penawaran oleh aktiviti perdagangan dan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan terus mencabar disebabkan oleh kejatuhan harga minyak mentah dunia dan kelapa sawit.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya, bagi pihak Lembaga, membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang keempat puluh dua dan Penyata Kewangan Kumpulan LTAT yang ketiga puluh tiga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

## LAPORAN PRESTASI

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sekali lagi mencatatkan prestasi kewangan yang cemerlang dan membanggakan dengan jumlah keuntungan yang dicatatkan lebih dari RM1 bilion buat pertama kali sejak ditubuhkan 42 tahun dahulu. Bagi tahun 2014, LTAT telah memperoleh keuntungan berjumlah RM1,015.5 juta, meningkat 5.6% berbanding RM961.4 juta pada tahun 2013.

Pendapatan dividen daripada pelaburan LTAT di dalam syarikat-syarikat pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga serta pelaburan di dalam sekuriti sedia untuk dijual merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan LTAT dengan jumlah sebanyak RM471.0 juta, walaupun turun sebanyak 0.7% berbanding RM474.4 juta bagi tahun 2013.

Pendapatan daripada keuntungan penjualan saham pula adalah sebanyak RM437.9 juta, meningkat 21.7% berbanding RM359.9 juta bagi tahun 2013. Kenaikan ini disebabkan oleh keuntungan daripada penjualan saham di dalam syarikat subsidiari dan bersekutu sebanyak RM320.5 juta.

Hasil dari sewaan bangunan-bangunan milik LTAT bagi tahun yang dilapor pula mencatatkan pendapatan sebanyak RM30.1 juta, turun sebanyak 3.2% berbanding RM31.1 juta dalam tahun 2013.

Dalam tahun yang dilapor, pelaburan LTAT dalam Nota Jangka Pertengahan, Bon Sukuk Al-Musyarakah dan pendahuluan kepada Perbadanan menghasilkan pendapatan berjumlah RM27.4 juta, meningkat sebanyak 27.4% berbanding RM21.5 juta tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh pelaburan LTAT sebanyak RM150.0 juta di dalam Junior Sukuk Al-Musyarakah yang memberi pulangan sebanyak RM4.6 juta pada tahun 2014.

Dalam tahun yang dilapor, RM25.8 juta daripada pendapatan yang diterima merupakan pendapatan daripada deposit tetap, deposit-deposit jangka pendek dan pasaran wang. Pendapatan dari sumber ini menurun 22.7% berbanding RM33.4 juta bagi tahun 2013 disebabkan simpanan LTAT di dalam bank-bank berlesen telah berkurang bagi menampung peningkatan lain-lain aktiviti pelaburan LTAT bagi tahun 2014.

Bagi tahun 2014, pendapatan daripada pelaburan yang diuruskan oleh 8 pengurus portfolio menurun 51.6% kepada RM12.1 juta berbanding RM25.0 juta bagi tahun 2013. Prestasi pasaran saham tempatan yang merosot akibat penurunan ketara harga minyak mentah dunia pada suku ketiga 2014 telah menjejaskan nilai pelaburan LTAT yang diurus oleh pengurus-pengurus portfolio tersebut.

Pendapatan-pendapatan lain LTAT termasuk pendapatan daripada faedah bayaran balik pinjaman kakitangan dan keuntungan nilai saksama daripada pelaburan harta tanah yang meningkat 9.0% kepada RM11.2 juta berbanding RM10.3 juta bagi tahun sebelumnya.

Pencapaian LTAT yang terus cemerlang adalah hasil daripada strategi LTAT yang melabur di dalam pelbagai sektor dan industri untuk menjamin pulangan pelaburan yang tinggi dan seimbang di samping memastikan pertumbuhan baik pelaburan dalam jangka masa panjang. Portfolio pelaburan LTAT telah berjaya memberi pulangan yang baik kepada LTAT dalam bentuk dividen dan keuntungan modal *(capital gains)* bagi membolehkan LTAT mencatat keuntungan yang membanggakan bagi tahun 2014.

## DIVIDEN DAN BONUS

Berasaskan pencapaian yang cemerlang ini, LTAT telah membayar dividen dan bonus pada kadar 15% berjumlah RM835.1 juta, meningkat 2.1% berbanding RM818.3 juta yang dibayar pada 2013. Dividen dan bonus sebanyak 15% ini meliputi dividen 7%, bonus 1% dan bonus khas 7% di dalam bentuk unit amanah saham untuk ahli yang aktif.

## PENGAGIHAN KEUNTUNGAN

Jumlah pendapatan yang boleh diagihkan bagi tahun 2014 ialah RM1.3 bilion. Jumlah ini meliputi untung bersih bagi tahun berjumlah RM843.2 juta dan baki keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2014 berjumlah RM417.7 juta. Pengagihan yang dibuat dalam tahun adalah seperti berikut:

| | RM JUTA | RM JUTA |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari 2014 | | **417.7** |
| Untung Bagi Tahun | | **843.2** |
| Pendapatan Komprehensif Lain Bagi Tahun | | **0.4** |
| **Jumlah Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun** | | **1,261.3** |
| **TOLAK:** | | |
| **Agihan:** | | |
| Pindahan ke Kumpulan Wang Rizab | (8.1) | |
| Dividen pada kadar 7.0% | (566.3) | |
| Bonus pada kadar 1.0% | (73.1) | |
| Faedah Unit Amanah pada kadar 7.0% | (195.7) | |
| Bayaran di bawah Skim Faedah Kematian & Hilang Upaya | (7.3) | |
| Pembayaran sumbangan *'one-off'* RM500 kepada mangsa banjir warga Kementerian Pertahanan | (1.3) | **(851.8)** |
| **Baki Keuntungan Terkumpul selepas agihan pada 31 Disember 2014** | | **409.5** |

## PELABURAN

### *Pembelian Ekuiti*

Dalam tahun yang dilapor, LTAT telah melabur di dalam beberapa buah syarikat baru dan membuat penambahan pelaburan di dalam syarikat-syarikat sedia ada dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM3.3 bilion, turun 23.3% berbanding RM4.3 bilion pada tahun sebelumnya. Pelaburan ini meliputi pelaburan ekuiti sebanyak RM289.4 juta di dalam syarikat subsidiari baru, RM812.0 juta dalam syarikat subsidiari sedia ada, RM120,000 dalam syarikat bersekutu, RM2.3 bilion dalam syarikat-syarikat yang berpotensi di bawah portfolio sekuriti sedia untuk dijual dan pelaburan dengan 8 pengurus portfolio sedia ada berjumlah RM7.0 juta. Selain daripada itu, LTAT juga membuat pelaburan di dalam Bon Junior Sukuk Al-Musyarakah berjumlah RM150.0 juta.

Pada 31 Disember 2014, jumlah keseluruhan pelaburan LTAT adalah RM8.3 bilion, meningkat 7.8% berbanding RM7.7 bilion tahun sebelumnya. LTAT melabur sebanyak RM3.9 bilion dalam syarikat subsidiari, RM219.2 juta dalam syarikat bersekutu, RM108.0 juta dalam perbadanan-perbadanan LTAT dan RM3.1 bilion dalam pelaburan-pelaburan lain yang merangkumi saham tersenarai di Bursa Malaysia, saham tidak disebut harga, saham keutamaan boleh tebus terkumpul tidak disebut harga dan deposit di bank. Di samping itu, LTAT juga membuat pelaburan dalam sektor harta tanah berjumlah RM420.4 juta, Nota Jangka Pertengahan dan Junior Sukuk Al-Musyarakah berjumlah RM421.0 juta serta pelaburan di dalam saham-saham tersenarai di Bursa Malaysia melalui pengurus portfolio dalaman LTAT dan 8 pengurus portfolio luar berjumlah RM182.0 juta.

### *Operasi Pasaran Wang*

Dalam tahun 2014, LTAT telah melabur sebanyak RM444.5 juta di dalam bil-bil dagangan konvensional, RM71.9 juta di dalam perbankan Islam atau Al-Wadiah dan dalam deposit yang dibuat oleh 8 pengurus portfolio luar berjumlah RM30.4 juta.

Dalam tahun yang dilapor, jumlah keseluruhan pelaburan LTAT di dalam deposit tetap, deposit jangka pendek dan pasaran wang berjumlah RM546.8 juta, turun sebanyak 50.3% berbanding RM1.1 bilion pada tahun 2013. Simpanan LTAT di dalam bank-bank berlesen ini berkurangan bagi menampung peningkatan pembelian saham bagi aktiviti pelaburan portfolionya pada tahun 2014.

**PELABURAN (sambungan)**

***Aset***

Pada 31 Disember 2014, jumlah aset LTAT ialah RM9.3 bilion, meningkat 1.1% berbanding RM9.2 bilion pada tahun 2013. Komponen terbesar aset LTAT adalah Akaun Caruman Ahli yang meningkat 4.8% kepada RM8.7 bilion berbanding RM8.3 bilion tahun sebelumnya. Keuntungan Terkumpul LTAT dalam tahun yang dilapor pula menurun 2.0% kepada RM409.5 juta berbanding RM417.7 juta pada tahun sebelumnya.

**PRESTASI KUMPULAN**

Di peringkat Kumpulan, jumlah keuntungan sebelum cukai dan zakat bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM1.4 bilion, menurun 30.0% berbanding RM2.0 bilion bagi tahun sebelumnya. Jumlah aset Kumpulan pula meningkat 8.3% kepada RM85.8 bilion, berbanding RM79.2 bilion tahun sebelumnya.

**AKAUN CARUMAN AHLI**

***Caruman Ahli***

Wang caruman ahli yang diterima dalam tahun 2014 berjumlah RM770.4 juta, meningkat sebanyak 3.0% berbanding RM747.7 juta pada tahun 2013. Jumlah kumulatif wang caruman ahli setakat 31 Disember 2014 pula adalah RM8.7 bilion, meningkat 4.8% berbanding RM8.3 bilion pada 31 Disember 2013.

***Pengeluaran Caruman Tamat Perkhidmatan***

Dalam tahun 2014, LTAT telah membuat pembayaran pengeluaran caruman berjumlah RM982.9 juta kepada 7,030 pencarum yang tamat perkhidmatan dengan Angkatan Tentera Malaysia, meningkat 19.1% berbanding RM825.2 juta yang dibayar kepada 5,954 pencarum dalam tahun 2013.

***Skim Pengeluaran Perumahan***

Di bawah skim pengeluaran perumahan, pencarum dibenar mengeluarkan tidak melebihi 40% daripada carumannya sahaja atau 10% dari harga harta tak alih yang mana lebih rendah, untuk membeli rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman. Dalam tahun yang dilapor, sebanyak RM18.8 juta telah dikeluarkan oleh 2,568 pencarum bagi tujuan ini, iaitu meningkat 32.4% berbanding RM14.2 juta yang dikeluarkan oleh 2,073 pencarum dalam tahun 2013.

***Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya***

Faedah kematian dibayar kepada tanggungan pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, manakala faedah hilang upaya dibayar kepada pencarum yang diberhentikan daripada perkhidmatan atas sebab kecacatan fikiran atau tubuh badan. Dalam tahun yang dilapor, LTAT membuat bayaran sebanyak RM7.3 juta kepada 244 waris/pencarum yang layak di bawah skim ini, meningkat 26.0% berbanding RM6.3 juta yang dibayar kepada 224 waris/pencarum dalam tahun 2013. Daripada jumlah ini, RM5.6 juta dibayar kepada 195 waris pencarum di bawah Skim Faedah Kematian berbanding RM4.9 juta yang dibayar kepada 182 waris pencarum bagi tahun sebelumnya manakala RM1.7 juta pula dibayar kepada 49 pencarum di bawah Skim Faedah Hilang Upaya berbanding RM1.4 juta yang dibayar kepada 42 pencarum dalam tahun 2013.

**PRESTASI PERBADANAN LTAT**

***Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)***

**PERNAMA**, sebuah perbadanan milik penuh LTAT, telah ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 23, Akta TAT 1973 (Akta 101) bagi tujuan menjalankan aktiviti perniagaan jualan peruncitan, pemborongan, pengedaran, import dan eksport, sewa beli barangan dan juga penyediaan perkhidmatan pengurusan. Rangkaian kedai runcit PERNAMA menawarkan pelbagai barangan pengguna yang sebahagiannya dijual pada harga bebas cukai kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan keluarga mereka, bekas anggota ATM (Pesara Tentera), Angkatan Tentera Komanwel dan juga sukarelawan ATM (Askar Wataniah) yang menjalani latihan sekurang-kurangnya 72 jam dalam satu masa.

Bagi tahun 2014, PERNAMA berjaya merekodkan hasil jualan tahunan tertinggi semenjak penubuhannya dengan mencatatkan jualan sebanyak RM330.0 juta, meningkat RM16.4 juta atau 5.2% berbanding RM313.6 juta pada tahun 2013, sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan penjualan barangan elektrik, barangan runcit dan peralatan rumah. Dengan pencapaian ini, PERNAMA telah berjaya menjana keuntungan sebelum cukai sebanyak

**PRESTASI PERBADANAN LTAT (sambungan)**

***Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) (sambungan)***

RM41.1 juta, meningkat 6.2% berbanding RM38.7 juta pada tahun sebelumnya.

Dalam tahun yang dilapor, PERNAMA telah membayar dividen sebanyak RM20.0 juta atau 23.5% ke atas modal berbayarnya bernilai RM85.0 juta.

***Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)***

**PPHM**, sebuah lagi perbadanan milik penuh LTAT, telah ditubuhkan dengan objektif untuk mengambil bahagian aktif dalam bidang hartanah yang merangkumi kerja-kerja memajukan skim perumahan, mengurus projek-projek pembinaan dan mengambil bahagian dalam kontrak pembinaan dengan tujuan mendapatkan pulangan yang baik supaya dapat memberikan keuntungan kepada LTAT melalui pembayaran dividen yang tinggi selain merealisasikan visi LTAT untuk menawarkan seberapa banyak rumah mampu milik kepada anggota-anggota tentera yang layak.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, PPHM telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM17.4 juta, meningkat sebanyak 155.9% berbanding RM6.8 juta pada tahun 2013. Sebahagian besar pendapatan PPHM bagi tahun 2014 diperolehi daripada Projek Perpindahan Kemudahan Pangkalan Udara Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur (PUKL) berjumlah RM9.1 juta dan projek membangunkan rumah keluarga Pegawai Kerajaan di Jalan Cochrane berjumlah RM2.1 juta.

Bagi tahun 2014, PPHM telah membayar dividen sebanyak 30.0% berjumlah RM6.9 juta, berbanding dengan 2.0% atau RM460,000 yang dibayar bagi tahun 2013.

***Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)***

**PERHEBAT** adalah perbadanan milik penuh ketiga LTAT yang ditubuhkan pada 25 Ogos 1994 untuk melaksanakan pelbagai program penggalakan pembangunan sosioekonomi bagi bakal pesara dan bekas anggota angkatan tentera melalui latihan-latihan kemahiran teknikal dan bukan teknikal. Bagi tujuan ini, PERHEBAT menerima geran tahunan sebanyak RM32.0 juta setahun daripada Kerajaan.

Pada tahun 2014, PERHEBAT telah berjaya mengendalikan program latihan penyesuaian di bawah Program Pra Latihan Peralihan Bersepadu khusus untuk 4,298 personel akan bersara berbanding 3,983 orang pada tahun sebelumnya. Bagi Program Latihan Peralihan 3-18 bulan pula, seramai 787 personel akan bersara telah berjaya dilatih berbanding 978 orang pada tahun sebelumnya dan kursus-kursus telah dijalankan di pusat-pusat latihan yang terletak di Kampus Induk PERHEBAT. Manakala, bagi Kursus Latihan Peralihan di luar PERHEBAT termasuk Kampus Wilayah Sarawak, PERHEBAT telah menaja seramai 2,026 personel akan bersara berbanding 2,761 orang pada tahun sebelumnya. PERHEBAT juga berjaya melatih seramai 1,517 personel di dalam bidang pertanian dan ternakan, latihan sambil berkerja, latihan bidang pengurusan dan latihan persendirian berbanding seramai 1,259 personel pada tahun sebelumnya. Manakala bagi kursus di bawah Program Pasca Latihan Peralihan, hanya 2 personel bersara yang telah dilatih berbanding seramai 291 personel pada tahun sebelumnya. PERHEBAT telah mengetatkan syarat-syarat untuk menyertai program ini di mana ia hanya terbuka kepada pesara tentera yang berpencen yang mendaftar di dalam bidang kemahiran dan kos latihan pula adalah terhad kepada RM5,000 seorang.

Secara keseluruhan, PERHEBAT telah berjaya melatih seramai 8,630 pelatih bagi tahun 2014 berbanding 9,272 pelatih pada tahun 2013 sama ada di Kampus Induk PERHEBAT atau di pusat-pusat latihan di luar PERHEBAT.

Bagi Program Pembangunan Sosial Ekonomi Veteran ATM (PPSEV) pula, seramai 1,271 veteran ATM tidak berpencen telah mengikuti pelbagai jenis latihan dalam bidang motivasi, keusahawanan, pengurusan dan kursus kemahiran berbanding 6,311 veteran pada tahun sebelumnya manakala seramai 52 veteran telah ditawarkan pekerjaan di bawah sektor penempatan pekerjaan berbanding seramai 714 veteran pada tahun sebelumnya.

**PEMBERIAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN FAEDAH TAMBAHAN**

Bagi tahun 2014, di samping berjaya memberikan pulangan yang tinggi kepada pencarum-pencarumnya, LTAT juga telah mengambil pelbagai langkah untuk menambah baik perkhidmatan dan kemudahan yang disampaikan kepada pencarum-pencarumnya.

***Kemudahan e-Kiosk***

Perkhidmatan e-Kiosk LTAT disediakan untuk membantu pencarum-pencarum mendapatkan maklumat dengan lebih mudah dan efisien secara *'on-line'* seperti menyemak kedudukan caruman, mendapatkan penyata caruman, menyemak status penamaan waris dan cap jari serta menyemak syarat-syarat kelayakan bagi pengeluaran caruman.

**PEMBERIAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN FAEDAH TAMBAHAN (sambungan)**

***Kemudahan e-Kiosk (sambungan)***

Sehingga tahun 2014, LTAT telah berjaya menyediakan 77 unit mesin e-Kiosk di seluruh negara untuk kemudahan pencarum-pencarumnya.

***Program Taklimat Dan Program Sehari Bersama Pelanggan***

Dalam tahun 2014, LTAT telah berjaya mengadakan sebanyak 147 program taklimat dan program Sehari Bersama Pelanggan di unit-unit di kem ATM di seluruh Malaysia berbanding dengan sasaran sebanyak 130 program bagi tujuan menyampaikan maklumat terkini dan mendapatkan maklum balas daripada pencarum-pencarum mengenai kegiatan-kegiatan LTAT.

***Persijilan ISO 9001:2008***

Pada tahun 2014, LTAT telah berjaya mengekalkan persijilan ISO 9001:2008 bagi keseluruhan aktivitinya di bawah skop Penyediaan Skim Kumpulan Wang Persaraan Untuk Anggota Angkatan Tentera Malaysia.

***Persijilan ISO/IEC 20000-1:2011***

Pada tahun 2014, LTAT telah berjaya memperbaharui persijilan ISO/IEC 20000-1:2011 di bawah skop Pengurusan Perkhidmatan Teknologi Maklumat untuk pelanggan-pelanggan dalaman LTAT.

**TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT**

LTAT terus komited untuk melaksanakan program-program tanggungjawab sosial korporatnya dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan kewangan untuk keselesaan warga tentera terutama di dalam bidang latihan, pendidikan, kebajikan, pemilikan rumah mampu milik dan pemberian biasiswa kepada anak-anak warga tentera yang layak.

***Yayasan Warisan Perajurit***

Dalam tahun 2014, Yayasan Warisan Perajurit (YWP) yang ditubuhkan dalam tahun 2000 oleh syarikat kumpulan LTAT yang diterajui oleh Boustead Holdings Berhad telah menawarkan biasiswa berjumlah RM4.7 juta kepada 4,837 anak-anak anggota ATM yang mendapat kejayaan cemerlang di dalam peperiksaan utama sekolah, mendapat tawaran di institusi pengajian tinggi awam dan mereka yang menyertai program biasiswa 'Role Model/*Tutor On-line'* LTAT serta program Mengubah Destini Anak Bangsa, UiTM.

Selain daripada itu, YWP juga telah membuat bayaran bantuan sara hidup kepada 63 orang penerima bantuan di kalangan ahli Persatuan Veteran ATM/balu/bekas isteri yang ditinggalkan dengan jumlah bantuan sebanyak RM253,000 dan sumbangan secara *'one-off'* sebanyak RM2,000 seorang kepada 2 orang bekas anggota tentera yang telah lanjut usia, uzur dan daif.

LTAT melalui YWP juga telah membiayai pembinaan sebuah bangunan asrama wakaf untuk kemudahan para pelajar di kampus UIAM, Gombak, Selangor dengan kos berjumlah RM5.0 juta. Pembinaan bangunan asrama ini telah berjaya disiapkan pada bulan Mac 2015.

Dalam tahun yang dilapor, LTAT melalui YWP telah memberi persetujuan untuk membiayai pembinaan sebuah asrama serba lengkap di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Puncak Alam dengan kos berjumlah RM6.0 juta yang bakal memberi manfaat kepada pelajar-pelajar termasuk daripada kalangan anak-anak anggota ATM.

Sehingga kini, YWP telah berjaya menyampaikan sumbangan berjumlah RM62.0 juta dalam bentuk biasiswa dan pelbagai elaun bantuan kepada 62,785 orang penerima termasuk anggota-anggota ATM dan anak-anak mereka yang layak.

***Bayaran Insentif Bagi Pencapaian Cemerlang Di Dalam Peperiksaan PT3 dan SPM***

Dalam tahun 2014, LTAT telah membuat bayaran insentif sebanyak RM958,000 kepada 879 anak-anak anggota ATM yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sehingga 31 Disember 2014, LTAT telah menyumbang sebanyak RM7.8 juta kepada 9,472 anak-anak anggota ATM yang layak di bawah program ini.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (sambungan)

***Sumbangan-Sumbangan Lain***

Dalam tahun 2014, LTAT telah membuat sumbangan sebanyak RM1.0 juta kepada Persatuan Veteran ATM sebagai sumbangannya kepada Tabung Hari Pahlawan 2014 dan RM100,000 kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera sebagai sumbangan Hari Raya untuk warga tentera yang bertugas di perbatasan semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri. LTAT dan syarikat kumpulannya juga telah menyumbang sebanyak RM828,000 kepada pelbagai badan sukan dan kebajikan di bawah Kementerian Pertahanan bagi membiayai aktiviti-aktiviti tahunan badan-badan tersebut.

Kejadian banjir besar yang melanda beberapa negeri di Malaysia terutamanya di kawasan Pantai Timur dalam bulan Disember 2014 telah memberi kesan yang cukup besar dalam kehidupan mangsa-mangsa bencana alam ini. Bagi menzahirkan rasa simpati dan keprihatinannya, LTAT telah membuat sumbangan pembayaran wang ihsan secara *'one-off'* kepada 2,500 mangsa banjir dari kalangan warga Kementerian Pertahanan yang terdiri daripada anggota ATM, kakitangan awam dan veteran ATM yang melibatkan pembayaran berjumlah RM1.25 juta.

Di bawah pelbagai program CSRnya sehingga kini, LTAT dan kumpulan syarikatnya serta YWP telah menyumbang sebanyak RM168.0 juta bagi membiayai pelbagai program biasiswa dan kebajikan lain untuk warga anggota ATM yang masih berkhidmat atau telah bersara dan ahli keluarga mereka yang layak.

***Program Perumahan Mampu Milik***

Di bawah program perumahan mampu milik, LTAT menerusi perbadanan milik penuhnya, Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) dan syarikat kumpulannya sehingga kini telah membina dan menjual sejumlah 1,650 unit rumah mampu milik kepada anggota tentera yang layak di Mutiara Rini, Johor, Mutiara Damansara, Selangor dan Taman LTAT, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pada masa ini, LTAT dan syarikat kumpulannya sedang membina sebanyak 1,068 unit rumah kos sederhana dan 580 unit rumah mampu milik PR1MA di Bukit Jalil, Kuala Lumpur serta 748 unit rumah berkembar 2 tingkat dan 307 unit rumah teres 2 tingkat di Mutiara Rini, Johor di mana sebahagiannya akan ditawarkan kepada anggota-anggota angkatan tentera yang layak.

***Penambahbaikan Faedah Pencarum***

Kementerian Pertahanan telah memberi persetujuan supaya pegawai-pegawai ATM juga diwajibkan membuat caruman bulanan kepada LTAT. Pihak pejabat peguam negara dan Kementerian Pertahanan sedang mengambil tindakan untuk meminda Akta LTAT untuk membolehkan cadangan ini dilaksanakan. Di samping itu, LTAT juga sedang menambah baik faedah-faedah yang disampaikan kepada pencarum LTAT seperti cadangan untuk membenarkan pencarum mengeluarkan caruman bagi mengerjakan fardu haji dan menambah baik syarat-syarat pengeluaran caruman untuk membeli rumah. Pelaksanaan faedah-faedah baru ini akan dilaksanakan setelah pindaan akta LTAT dilulus dan diwartakan.

## PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

LTAT telah membuat peruntukan dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memperkasakan modal insannya agar dapat membantu mempertingkatkan produktiviti melalui pelbagai program latihan yang telah diatur untuk pegawai dan kakitangannya. Di samping itu, LTAT juga menawarkan insentif dalam bentuk pemberian pendahuluan dan biasiswa kepada kakitangan yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Dalam tahun 2014, LTAT telah berjaya mencapai semua petunjuk prestasi utamanya seperti berikut:

| BIL. | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | SASARAN 2014 | PENCAPAIAN 2014 |
|---|---|---|---|
| 1. | Kadar Dividen, Bonus & Bonus Khas kepada Pencarum | 15.0% | 15.0% |
| 2. | Pulangan Pelaburan | 10.0% | 11.2% |
| 3. | Indeks Kepuasan Pelanggan | 90.0% | 95.0% |
| 4. | Memproses Pengeluaran Caruman, Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya dalam tempoh 24 Jam | 100% | 100% |
| 5. | Memproses Pengeluaran Perumahan dalam tempoh 24 Jam | 100% | 100% |
| 6. | Nisbah Kos kepada Pendapatan | Tidak melebihi 6.0% | 5.2% |
| 7. | Laporan Kewangan dan Pengurusan bagi Tahun Kewangan 2014 | Sijil Audit Bersih | Sijil Audit Bersih |

## PROSPEK DAN STRATEGI

Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan serta Pengurusan LTAT sentiasa komited untuk mengenal pasti peluang pelaburan baru yang menguntungkan dan berdaya maju untuk meningkatkan aktiviti pelaburan LTAT dan dalam masa yang sama melaksanakan dasar dan strategi yang terbaik untuk mengendalikan dana wang caruman dengan penuh amanah dan berkesan melalui perancangan korporat dan penyusunan semula pelaburan LTAT dengan penuh cekap dan efisien.

Sebagai sebuah organisasi yang banyak terlibat dalam bidang pelaburan, LTAT sentiasa meletakkan jangkaan dan matlamat yang tinggi untuk memenuhi komitmen yang ditetapkan. Pertumbuhan yang dinamik dan progresif yang dikecapi LTAT adalah hasil daripada kedudukan kewangan yang kukuh, perniagaan yang pelbagai, kelebihan bersaingan dan sentiasa berusaha untuk menjadi yang terbaik.

LTAT dan syarikat kumpulannya terus komited untuk menyumbang dengan lebih efektif bagi menjayakan misi nasional untuk mentransformasikan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi melalui pembudayaan kreativiti dan inovasi, kepantasan bertindak dan membuat keputusan serta mempertingkatkan nilai integriti warga LTAT. LTAT juga akan terus melaksanakan dan mengamalkan standard yang terbaik untuk urus tadbir korporat dan tanggungjawab sosial korporatnya serta menguruskan dana wang caruman serta aset yang dipertanggungjawabkan secara cekap dan berkesan untuk memberikan pulangan yang terbaik kepada para pencarumnya.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengalu-alukan pelantikan YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan sebagai Timbalan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Kerja Pengurusan dan ahli Jawatankuasa Audit mulai 27 Disember 2014, pelantikan YBhg. Lt. Jeneral Dato' Sri Che Akmar bin Mohd Nor TUDM, Timbalan Panglima Tentera Udara sebagai ahli Lembaga Pengarah mulai 30 Oktober 2014, pelantikan YBhg. Dato' Ghazali bin Mohd Ali sebagai ahli Lembaga Pengarah mulai 1 Januari 2014 dan pelantikan Encik Mohd Suffian bin Haron sebagai ahli Panel Pelaburan mulai 1 Januari 2015.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan yang telah tamat perkhidmatan sebagai Timbalan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Kerja Pengurusan dan ahli Jawatankuasa Audit pada 26 Disember 2014, YBhg. Lt. Jeneral Dato' Sri Haji Roslan bin Saad TUDM, Timbalan Panglima Tentera Udara yang telah tamat perkhidmatan sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 11 September 2014 dan YBhg. Datuk Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid yang telah tamat perkhidmatan sebagai ahli Panel Pelaburan pada 31 Disember 2014.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan, pihak Pengurusan serta pegawai dan kakitangan LTAT di atas dedikasi, daya usaha dan sumbangan yang berterusan dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka untuk menguruskan wang caruman anggota ATM dengan cekap dan berkesan. Setiap komitmen dan pencapaian cemerlang yang ditunjukkan bukan hanya diteruskan malah sentiasa dipertingkatkan, agar dengan kesungguhan tersebut dapat mendukung usaha LTAT ke arah meningkatkan kesejahteraan para pencarum.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan Malaysia, semua Jabatan dan Agensi Kerajaan, Badan-badan Perniagaan serta orang perseorangan di atas sokongan dan sumbangan berterusan mereka kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera.



**SENATOR LAKSAMANA TAN SRI DATO' SETIA MOHD ANWAR BIN HAJI MOHD NOR (BERSARA)**
Pengerusi

# LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

**STATISTIK PEMBAYARAN DIVIDEN DAN BONUS LTAT**
**BAGI TAHUN 1973-2014**

| TAHUN | DIVIDEN (%) | BONUS (%) | DIVIDEN + BONUS (%) | BONUS KHAS (%) | DIVIDEN + BONUS + BONUS KHAS (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1973 | 8.70 | 0.00 | 8.70 | 0.00 | 8.70 |
| 1974 | 7.00 | 0.00 | 7.00 | 0.00 | 7.00 |
| 1975 | 7.00 | 0.00 | 7.00 | 0.00 | 7.00 |
| 1976 | 7.00 | 0.00 | 7.00 | 0.00 | 7.00 |
| 1977 | 7.25 | 0.00 | 7.25 | 0.00 | 7.25 |
| 1978 | 7.25 | 0.00 | 7.25 | 0.00 | 7.25 |
| 1979 | 7.25 | 0.00 | 7.25 | 0.00 | 7.25 |
| 1980 | 8.00 | 0.00 | 8.00 | 0.00 | 8.00 |
| 1981 | 8.50 | 0.00 | 8.50 | 0.00 | 8.50 |
| 1982 | 8.50 | 0.50 | 9.00 | 0.00 | 9.00 |
| 1983 | 8.50 | 0.00 | 8.50 | 0.00 | 8.50 |
| 1984 | 8.75 | 0.00 | 8.75 | 0.00 | 8.75 |
| 1985 | 8.75 | 0.00 | 8.75 | 0.00 | 8.75 |
| 1986 | 8.00 | 0.00 | 8.00 | 0.00 | 8.00 |
| 1987 | 6.50 | 0.00 | 6.50 | 0.00 | 6.50 |
| 1988 | 6.50 | 0.00 | 6.50 | 0.00 | 6.50 |
| 1989 | 7.00 | 0.00 | 7.00 | 0.00 | 7.00 |
| 1990 | 7.00 | 0.50 | 7.50 | 0.00 | 7.50 |
| 1991 | 7.00 | 3.00 | 10.00 | 0.00 | 10.00 |
| 1992 | 7.00 | 4.00 | 11.00 | 0.00 | 11.00 |
| 1993 | 7.00 | 5.00 | 12.00 | 0.00 | 12.00 |
| 1994 | 7.00 | 6.00 | 13.00 | 0.00 | 13.00 |
| 1995 | 7.00 | 6.00 | 13.00 | 0.00 | 13.00 |
| 1996 | 7.00 | 6.25 | 13.25 | 5.00 | 18.25 |
| 1997 | 7.00 | 4.50 | 11.50 | 4.00 | 15.50 |
| 1998 | 7.00 | 3.50 | 10.50 | 3.00 | 13.50 |
| 1999 | 7.00 | 5.00 | 12.00 | 3.00 | 15.00 |
| 2000 | 7.00 | 3.00 | 10.00 | 3.00 | 13.00 |
| 2001 | 7.00 | 3.00 | 10.00 | 0.00 | 10.00 |
| 2002 | 7.00 | 3.00 | 10.00 | 0.00 | 10.00 |
| 2003 | 7.00 | 3.75 | 10.75 | 0.00 | 10.75 |
| 2004 | 7.00 | 3.75 | 10.75 | 5.00 | 15.75 |
| 2005 | 7.00 | 3.75 | 10.75 | 5.00 | 15.75 |
| 2006 | 7.00 | 3.00 | 10.00 | 5.00 | 15.00 |
| 2007 | 7.00 | 3.00 | 10.00 | 6.00 | 16.00 |
| 2008 | 7.00 | 3.00 | 10.00 | 6.00 | 16.00 |
| 2009 | 7.00 | 1.00 | 8.00 | 6.00 | 14.00 |
| 2010 | 7.00 | 1.00 | 8.00 | 6.00 | 14.00 |
| 2011 | 7.00 | 1.00 | 8.00 | 7.00 | 15.00 |
| 2012 | 7.00 | 1.00 | 8.00 | 8.00 | 16.00 |
| 2013 | 7.00 | 1.00 | 8.00 | 8.00 | 16.00 |
| 2014 | 7.00 | 1.00 | 8.00 | 7.00 | 15.00 |

# PROGRAM PEMBANGUNAN e-KIOSK

## PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

- Menyemak kedudukan caruman dan mencetak penyata caruman.
- Menyemak cap jari dan mengemaskini status penamaan waris.
- Menyemak syarat-syarat kelayakan bagi pengeluaran caruman dan permohonan biasiswa YWP.
- Mencetak penyata amanah saham.

## » KEMUDAHAN PAUTAN e-KIOSK

PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (PERNAMA)

PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)

PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (PPHM)

YAYASAN WARISAN PERAJURIT (YWP)

AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD (AHAMB)

PUSAT PUNGUTAN ZAKAT, MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (PPZ MAIWP)

## » BILANGAN PENGGUNA e-KIOSK



## » LOKASI PENEMPATAN e-KIOSK

**PERLIS**
- Taman Intan Arau

**KEDAH**
- Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani
- Kem Tok Jelai, Jitra
- Kem Bukit Kayu Hitam, Jitra
- PN 420, Kolej Tentera Udara Alor Setar
- Kem Tanjong Gerak, Langkawi

**PULAU PINANG**
- Kem Sg. Ara, Bayan Lepas
- Pangkalan Udara Butterworth

**PERAK**
- Pangkalan Hulu, Kroh
- Pangkalan TLDM, Lumut
- Kem Sangro Circle Taiping
- TUDM Ipoh
- Kompleks Mutiara Pernama, Jalan Hospital, Ipoh
- Kem Tapah
- Kem Syed Putra, Jalan Tambun, Ipoh
- KD Malaya Lumut
- Kem Grik
- KD Pelandok, TLDM Lumut

**KUALA LUMPUR & SELANGOR**
- Bangunan LTAT
- Bangunan KEMENTAH
- Kem Sungai Besi
- Pangkalan TUDM Subang
- Kem Sungai Buloh
- Kem Batu Kentonmen
- Kem Wardieburn
- Unit Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kementah
- TUDM Jugra, Banting
- UPNM Sungai Besi
- Desa Tun Hussein Onn, Jalan Jelatek
- Kem Paya Jaras, Sungai Buloh
- Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju

**NEGERI SEMBILAN**
- LATEDA Port Dickson
- Kem Rasah, Seremban
- Kem Syed Sirajuddin, Gemas
- Kem Senawang, Seremban
- Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA)
- Kem Sikamat, Seremban
- Kem Sunggala, Port Dickson

**MELAKA**
- Kem Terendak
- Kem Sungai Udang

**JOHOR**
- Kem Mahkota, Kluang
- Kem Sri Iskandar, Mersing
- Tanjung Pengelih
- PULADA Ulu Tiram
- Kem Tebrau, Johor Bharu,
- Kem Bt 3, Jln Mersing, Kluang
- Kem Batu Pahat, Johor

**TERENGGANU**
- Kem Sri Pantai, Seberang Takir
- Pangkalan Udara Gong Kedak, Jerteh

**PAHANG**
- Kem Batu 10 Kuantan
- Markas 4 Briged, Kem Batu 3, Temerloh
- Rumah Keluarga TLDM, Taman Balok Perdana, Kuantan
- Kem Ungku Nasaruddin, Kuala Lipis
- Kem Mentakab
- Kem Bentong
- Pangkalan TUDM Bt 10, Kuantan
- Skuadron 322, Bukit Ibam
- Kem Mempaga, Pahang

**KELANTAN**
- Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu
- Kem Pangkalan Chepa
- Kem Batu Melintang, Jeli
- Kem Tanah Merah

**SABAH & LABUAN**
- Kem Lok Kawi, K. Kinabalu
- Pangkalan TLDM Sepanggar, Kota Kinabalu
- Kem Sri Kinabatangan, Sandakan
- Kem Kabota, Tawau
- Pangkalan TUDM Labuan
- TLDM Kem Semporna
- Kem Paradise Kota Belud

**SARAWAK**
- Kem Penrissen, Kuching
- Kem Simanggang, Sri Aman
- Kem Miri
- Kem Semenggo, Bt 8 Jln Penrissen, Kuching
- TUDM, Kuching
- Kem Rascom, Batu 10 Sibu
- Kem Oya Batu 14 1/2, Sibu
- Kem Muara Tuang, Kuching

## » FAEDAH SKIM PENGELUARAN CARUMAN

**PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN**
Apabila pencarum berhenti atau bersara daripada perkhidmatan atau telah mencapai umur 50 tahun. Bagi pencarum wajib yang bertaraf pencen, wang sumbangan Kerajaan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP untuk bayaran pencen bulanan.

**SKIM PENGELUARAN PERUMAHAN**
Pencarum dibenar mengeluarkan tidak melebihi 40% daripada carumannya atau 10% dari harga harta tak alih yang mana lebih rendah untuk pembelian rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman di atasnya.

**SKIM FAEDAH KEMATIAN DAN HILANG UPAYA**
Skim Faedah Kematian dibayar kepada tanggungan pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dengan Angkatan Tentera Malaysia, manakala Faedah Hilang Upaya dibayar kepada pencarum yang diberhentikan perkhidmatan atas sebab-sebab kecacatan fikiran atau tubuh badan.

## » PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN




| | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| BILANGAN PENGELUARAN | 5,983 | 6,115 | 4,975 | 5,954 | 7,030 |

## » SKIM PENGELUARAN PERUMAHAN




| | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| BILANGAN PENGELUARAN | 4,297 | 4,034 | 2,531 | 2,073 | 2,568 |

## » SKIM FAEDAH KEMATIAN & HILANG UPAYA




| | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| BILANGAN PENGELUARAN | 235 | 267 | 195 | 224 | 244 |

## » PROGRAM TAKLIMAT DAN PROGRAM SEHARI BERSAMA PELANGGAN

### « OBJEKTIF

- Untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada anggota ATM.
- Meninjau secara terus tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan manfaat yang disediakan oleh LTAT untuk pencarum.
- Memastikan maklumat terkini sampai kepada pencarum.

### « IMPAK

- Anggota angkatan tentera dapat berkomunikasi dengan lebih baik melalui sesi soal jawab pada setiap program.
- LTAT dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan memberi manfaat yang lebih baik kepada anggota ATM.
- Meningkatkan kepuasan pelanggan.

## » BILANGAN PROGRAM



## » KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

### ▪ STATISTIK PENERIMAAN BORANG KEPUASAN PELANGGAN




### ▪ INDEKS KEPUASAN PELANGGAN



## » TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SUMBANGAN MELALUI LTAT DAN SYARIKAT KUMPULAN

### √ OBJEKTIF

**Untuk melaksanakan program-program tanggungjawab sosial korporatnya dengan menawarkan pelbagai kemudahan dan bantuan kewangan kepada warga tentera terutamanya di dalam bidang latihan, pendidikan, kebajikan, pemilikan rumah kediaman dan biasiswa.**

### √ PENCAPAIAN

**Dalam tahun 2014, LTAT telah menyumbang sebanyak RM4.1 juta bagi tujuan CSR. Secara kumulatif pula, LTAT telah menyalurkan pelbagai sumbangan yang melibatkan pembayaran berjumlah RM106.0 juta.**

## » TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SUMBANGAN MELALUI YAYASAN WARISAN PERAJURIT (YWP)

### √ OBJEKTIF

**Untuk melaksanakan pelbagai program tanggungjawab sosial korporat kepada anggota ATM dan bekas anggota ATM termasuk pemberian biasiswa kepada anak-anak anggota ATM yang layak.**

### √ PENCAPAIAN

**Bagi tahun 2014, YWP telah membuat pembiayaan sebanyak RM7.0 juta kepada 4,903 penerima dari kalangan anggota tentera yang masih berkhidmat dan telah bersara serta anak-anak anggota ATM. Sehingga kini, sejumlah RM62.0 juta telah disalurkan kepada 62,785 penerima bantuan yang layak menerusi pelbagai program yang telah dijalankan oleh YWP.**



# » ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

## PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN LTAT

### I. PENDAPATAN DAN JUMLAH PEMBAYARAN DIVIDEN (RM JUTA)

| | | TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| 1. | JUMLAH PENDAPATAN (termasuk pendapatan-pendapatan lain) | **1,015.5** | 961.4 | 811.6 | 795.8 | 751.5 |
| 2. | PERBELANJAAN KENDALIAN | **63.4** | 61.7 | 52.5 | 50.5 | 40.3 |
| 3. | NISBAH KOS KEPADA PENDAPATAN (%) | **5.2** | 5.3 | 5.4 | 5.0 | 4.6 |
| 4. | UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN | **843.2** | 850.9 | 751.7 | 732.6 | 694.9 |
| 5. | JUMLAH DIVIDEN, BONUS DAN BONUS KHAS KEPADA AHLI (%) | **15.0** | 16.0 | 16.0 | 15.0 | 14.0 |

### II. ASET, EKUITI DAN LIABILITI (RM JUTA)

| | | TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| 1. | **JUMLAH ASET** | **9,318.5** | **9,217.8** | **8,630.7** | **7,916.8** | **7,574.3** |
| | • *Aset Bukan Semasa* | **8,209.9** | 7,012.9 | 6,332.5 | 6,390.0 | 5,768.7 |
| | • *Aset Semasa* | **1,108.6** | 2,204.9 | 2,298.0 | 1,526.8 | 1,805.6 |
| 2. | **JUMLAH EKUITI** | **8,893.4** | **8,881.0** | **8,331.3** | **7,702.8** | **7,378.8** |
| | • *Akaun Caruman Ahli* | **8,685.4** | 8,279.8 | 7,767.2 | 7,117.8 | 6,714.9 |
| | • *Kumpulan Wang Rizab* | **173.7** | 165.6 | 155.3 | 142.4 | 134.3 |
| | • *Rizab Sekuriti Sedia Untuk Dijual* | **(385.7)** | 7.4 | (82.7) | (82.0) | 52.5 |
| | • *Rizab Penilaian Semula Aset* | **10.5** | 10.5 | 10.5 | 5.2 | - |
| | • *Rizab Pertukaran Matawang Asing* | **-** | - | - | 4.8 | - |
| | • *Keuntungan Terkumpul* | **409.5** | 417.7 | 480.8 | 514.6 | 477.1 |
| 3. | **JUMLAH LIABILITI** | **425.1** | **336.8** | **299.4** | **214.0** | **195.5** |
| 4. | **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | **9,318.5** | **9,217.8** | **8,630.7** | **7,916.8** | **7,574.3** |

## PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN

### I. PENDAPATAN (RM JUTA)

| | | TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| 1. | JUMLAH PENDAPATAN (termasuk pendapatan-pendapatan lain) | **14,839.6** | 15,283.7 | 13,613.1 | 12,241.1 | 9,346.5 |
| 2. | KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI & ZAKAT | **1,449.3** | 2,002.8 | 1,706.0 | 1,844.5 | 1,732.5 |
| 3. | UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN | **1,071.4** | 1,624.1 | 1,427.0 | 1,531.6 | 1,491.2 |

### II. ASET, EKUITI DAN LIABILITI (RM JUTA)

| | | TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| 1. | **JUMLAH ASET** | **85,837.5** | **79,172.0** | **72,573.6** | **69,329.5** | **59,321.9** |
| | • *Aset Bukan Semasa* | **30,014.5** | 24,408.7 | 23,220.8 | 21,996.1 | 19,561.1 |
| | • *Aset Semasa* | **55,823.0** | 54,763.3 | 49,352.8 | 47,333.4 | 39,760.8 |
| 2. | **JUMLAH EKUITI** | **18,549.5** | **16,901.3** | **15,358.3** | **14,240.3** | **13,311.5** |
| | • *Akaun Caruman Ahli* | **8,685.4** | 8,279.8 | 7,767.2 | 7,117.8 | 6,714.9 |
| | • *Kumpulan Wang Rizab* | **38.4** | 19.4 | 6.7 | 7.5 | 8.5 |
| | • *Rizab-Rizab* | **981.0** | 1,156.3 | 1,213.2 | 1,039.4 | 1,059.0 |
| | • *Keuntungan Terkumpul* | **1,597.0** | 2,631.6 | 2,521.3 | 2,398.1 | 2,217.4 |
| | • *Kepentingan Bukan Kawalan* | **6,252.4** | 4,135.6 | 3,849.9 | 3,677.5 | 3,311.7 |
| | • *Sukuk Kekal* | **995.3** | 678.6 | | | |
| 3. | **JUMLAH LIABILITI** | **67,288.0** | **62,270.7** | **57,215.2** | **55,089.2** | **46,010.4** |
| 4. | **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | **85,837.5** | **79,172.0** | **72,573.6** | **69,329.5** | **59,321.9** |

## PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN LTAT

**ASET**
Tahun Berakhir 31 Disember




**JUMLAH PENDAPATAN**
Tahun Berakhir 31 Disember




**AKAUN CARUMAN AHLI**
Tahun Berakhir 31 Disember




**JUMLAH DIVIDEN, BONUS & BONUS KHAS**
Tahun Berakhir 31 Disember



## PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN

**JUMLAH PENDAPATAN**
Tahun Berakhir 31 Disember




**ASET**
Tahun Berakhir 31 Disember



# LAPORAN BANTUAN KERAJAAN

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), sebuah perbadanan milik penuh LTAT yang ditubuhkan dalam tahun 1994 menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang kemahiran teknikal dan bukan teknikal untuk anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang akan dan telah bersara.

Kerajaan telah memperuntukkan geran permulaan sebanyak RM30.0 juta dan geran tahunan RM32.0 juta untuk membiayai kos operasi dan program-program PERHEBAT. Dalam tahun 2014, kerajaan melalui Kementerian Pertahanan telah menyalurkan peruntukan khas kepada PERHEBAT untuk melaksanakan Program Pembangunan Sosial Ekonomi Veteran ATM (PPSEV) berjumlah RM10.0 juta dan peruntukan *'one-off'* MinDef berjumlah RM950,000 untuk menyelenggara prasarana di pusat latihan PERHEBAT bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa dan kondusif kepada anggota ATM yang akan dan telah bersara. Ini menjadikan keseluruhan geran yang diterima bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM42.9 juta berbanding RM32.1 juta pada tahun lalu. Selain dari itu, dalam tahun yang dilapor, PERHEBAT juga telah menerima Dana Skim Pembiayaan Mikro PPP-SPM-UV-ATM berjumlah RM20.0 juta dari Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri untuk memberi bantuan modal kepada veteran ATM yang berminat dalam bidang keusahawanan.

Peranan PERHEBAT adalah untuk melengkapkan anggota-anggota tentera yang akan dan telah bersara dengan ilmu pengetahuan dan keterampilan bagi memperkukuhkan taraf sosioekonomi mereka apabila tamat perkhidmatan. PERHEBAT juga akan memperkenalkan kursus-kursus baru yang merangkumi pelbagai kemahiran vokasional, teknikal dan pentadbiran bagi membantu anggota-anggota tentera yang akan dan telah bersara untuk mempersiapkan diri menjadi lebih berdaya saing dan meningkatkan keboleh pasaran mereka. Menerusi Pelan Hala Tuju 2014-2020 yang diperkenalkan, PERHEBAT mampu menjadi sebuah pusat latihan yang melahirkan pelatih yang berkemahiran tinggi.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan yang lain.

*Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang

benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 MEI 2015

# PENYATA PENGERUSI
# DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
# AKAUN KUMPULAN

**Kami, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar Bin Haji Mohd Nor (Bersara) dan Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Angkatan Tentera dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Tabung Angkatan Tentera pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.**

**Bagi pihak Lembaga,**

**LAKSAMANA TAN SRI DATO' SRI MOHD ANWAR BIN HAJI MOHD NOR (Bersara)**

**PENGERUSI**

**TARIKH:** 19 MEI 2015
**KUALA LUMPUR**

**Bagi pihak Lembaga,**

**DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI**

**TIMBALAN PENGERUSI**

**TARIKH:** 19 MEI 2015
**KUALA LUMPUR**

## PENYATA PENGERUSI
## DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
## AKAUN INDUK

**Kami, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar Bin Haji Mohd Nor (Bersara) dan Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Angkatan Tentera dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Tabung Angkatan Tentera pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.**

**Bagi pihak Lembaga,**

**LAKSAMANA TAN SRI DATO' SRI MOHD ANWAR BIN HAJI MOHD NOR (Bersara)**

**PENGERUSI**

**TARIKH: 19 MEI 2015**
**KUALA LUMPUR**

**Bagi pihak Lembaga,**

**DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI**

**TIMBALAN PENGERUSI**

**TARIKH: 19 MEI 2015**
**KUALA LUMPUR**

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

**Saya, Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.**

**Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada** 19 MEI 2015

**TAN SRI DATO' SERI LODIN WOK KAMARUDDIN**

**Di hadapan saya**

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 678
Name: KAPT (B) AFFANDI BIN AHMAD
MALAYSIA

**PESURUHJAYA SUMPAH**

No. 86, Tingkat Bawah
Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

Lloyd's Register
LRQA

# SIJIL KELULUSAN

Ini adalah untuk mengesahkan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti:

**Lembaga Tabung Angkatan Tentera**
**12th Floor, Bangunan LTAT**
**Jalan Bukit Bintang**
**55100 Kuala Lumpur**
**Malaysia**

telah diluluskan oleh Lloyd's Register Quality Assurance kepada
Piawaian-piawaian Sistem Pengurusan Kualiti Berikut:

**ISO 9001:2008**
**EN ISO 9001:2008**
**BS EN ISO 9001:2008**
**MS ISO 9001:2008**

Sistem Pengurusan Kualiti tersebut merangkumi:

**Penyediaan skim kumpulan wang persaraan untuk anggota angkatan tentera Malaysia.**

No. Sijil
Kelulusan : KLR 0403648

Kelulusan Asal: 05 April 2002
Sijil Semasa: 05 April 2014
Sijil Tamat: 04 April 2017

Dikeluarkan Oleh: Lloyd's Register of Shipping (M) Bhd.
untuk dan bagi pihak Lloyd's Register Quality Assurance Ltd.

UKAS
MANAGEMENT
SYSTEMS
001

Suite 21-04, Level 21, Menara Tan & Tan, 207 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia. Registered Number: 111008-K
Untuk dan bagi pihak Hiramford Middlemarch Office Village, Siskin Drive, Coventry, CV3 4FJ, United Kingdom
Kelulusan ini dilakukan mengikut prosedur penilaian dan pensijilan LRQA dan diawasi oleh LRQA.
Pengunaan Lambang Akreditasi UKAS menandakan Akreditasi dari segi aktiviti-aktiviti yang dirangkumi oleh Sijil Akreditasi Nombor 001.
Macro Revision 13

Lloyd's Register Group Limited, its affiliates and subsidiaries, including Lloyd's Register Quality Assurance Limited (LRQA), and their respective officers, employees or agents are, individually and collectively, referred to in this clause as 'Lloyd's Register'. Lloyd's Register assumes no responsibility and shall not be liable to any person for any loss, damage or expense caused by reliance on the information or advice in this document or howsoever provided, unless that person has signed a contract with the relevant Lloyd's Register entity for the provision of this information or advice and in that case any responsibility or liability is exclusively on the terms and conditions set out in that contract.

# Penyata Kewangan Kumpulan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Penyata Kedudukan Kewangan | 54 |
| Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain | 56 |
| Penyata Perubahan Ekuiti | 58 |
| Penyata Aliran Tunai | 61 |
| Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan | 64 |




# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| **ASET** | | | | | |
| **Aset Bukan Semasa** | | | | | |
| Harta tanah, loji dan peralatan | 3 | **5,493,823** | 5,124,733 | **89,057** | 93,045 |
| Aset biologi | 4 | **1,261,222** | 1,239,495 | **-** | - |
| Pembangunan harta tanah | 5 | **1,020,091** | 789,754 | **529,933** | 462,091 |
| Pelaburan harta tanah | 6 | **2,110,515** | 1,879,841 | **420,372** | 411,252 |
| Sewa pajak tanah prabayaran | 7 | **62,584** | 69,010 | **-** | - |
| Prabayaran jangka panjang | 8 | **153,725** | 152,201 | **-** | - |
| Aset-aset tidak ketara | 9 | **2,141,016** | 1,465,741 | **-** | - |
| Syarikat-syarikat subsidiari | 10 | **-** | - | **3,991,855** | 3,018,226 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | 11 | **1,099,426** | 1,197,150 | **219,219** | 277,802 |
| Pelaburan dalam usaha sama | 12 | **499,578** | 246,722 | **-** | - |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 13 | **15,328,275** | 11,426,516 | **2,538,427** | 2,479,434 |
| Sekuriti dipegang hingga matang | 14 | **652,501** | 624,033 | **-** | - |
| Aset cukai tertunda | 15 | **74,175** | 81,255 | **-** | - |
| Pinjaman dan akaun belum terima | 16 | **117,590** | 112,248 | **421,000** | 271,000 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **30,014,521** | 24,408,699 | **8,209,863** | 7,012,850 |
| **Aset Semasa** | | | | | |
| Pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan | 17 | **250,103** | 100,648 | **87,150** | 64,979 |
| Inventori | 18 | **635,018** | 743,771 | **-** | - |
| Hutang daripada pelanggan dalam kontrak | 19 | **1,356,175** | 1,219,688 | **-** | - |
| Sekuriti dipegang untuk urus niaga | 20 | **364,747** | 323,509 | **181,967** | 173,934 |
| Pinjaman dan akaun belum terima | 16 | **42,679,284** | 40,069,867 | **278,071** | 848,394 |
| Aset derivatif | 21 | **170,635** | 59,014 | **-** | - |
| Deposit | 22 | **2,763,243** | 2,507,945 | **546,847** | 1,100,767 |
| Wang tunai dan baki bank | 23 | **7,603,776** | 9,738,831 | **14,598** | 16,843 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **55,822,981** | 54,763,273 | **1,108,633** | 2,204,917 |
| **JUMLAH ASET** | | **85,837,502** | 79,171,972 | **9,318,496** | 9,217,767 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (sambungan)

Pada 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | | | |
| Akaun caruman ahli | 24 | **8,685,370** | 8,279,749 | **8,685,370** | 8,279,749 |
| Kumpulan wang | 25 | **38,392** | 19,426 | **-** | - |
| Rizab-rizab | 26 | **981,042** | 1,156,344 | **(201,531)** | 183,552 |
| Keuntungan terkumpul | | **1,597,035** | 2,631,581 | **409,526** | 417,674 |
| | | **11,301,839** | 12,087,100 | **8,893,365** | 8,880,975 |
| Kepentingan bukan mengawal | | **6,252,368** | 4,135,557 | **-** | - |
| Sukuk Kekal | 27 | **995,264** | 678,605 | **-** | - |
| **Jumlah Ekuiti** | | **18,549,471** | 16,901,262 | **8,893,365** | 8,880,975 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | | | |
| Liabiliti manfaat kakitangan | 28 | **69,209** | 67,828 | **60,661** | 59,319 |
| Pinjaman | 29 | **3,168,500** | 4,038,901 | **-** | - |
| Pemiutang | 30 | **33,696** | 37,124 | **-** | - |
| Liabiliti cukai tertunda | 15 | **114,425** | 116,702 | **-** | - |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | **3,385,830** | 4,260,555 | **60,661** | 59,319 |
| **Liabiliti Semasa** | | | | | |
| Peruntukan faedah unit amanah | 31 | **195,678** | 211,411 | **195,678** | 211,411 |
| Pinjaman | 29 | **59,938,949** | 54,032,664 | **-** | - |
| Hutang kepada pelanggan dalam kontrak | 19 | **85,431** | 120,412 | **-** | - |
| Pemiutang | 30 | **3,292,749** | 3,488,986 | **168,792** | 66,062 |
| Liabiliti derivatif | 21 | **326,105** | 93,973 | **-** | - |
| Cukai | | **63,289** | 62,709 | **-** | - |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **63,902,201** | 58,010,155 | **364,470** | 277,473 |
| **Jumlah Liabiliti** | | **67,288,031** | 62,270,710 | **425,131** | 336,792 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **85,837,502** | 79,171,972 | **9,318,496** | 9,217,767 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| Pendapatan | 32 | **14,097,594** | 14,684,950 | **1,004,490** | 951,159 |
| Pendapatan-pendapatan lain | 33 | **742,054** | 598,716 | **10,975** | 10,266 |
| **Jumlah pendapatan bagi tahun** | | **14,839,648** | 15,283,666 | **1,015,465** | 961,425 |
| Perbelanjaan faedah - institusi bank | | **(1,482,464)** | (1,275,873) | **-** | - |
| (Kerugian)/Keuntungan nilai saksama bersih sekuriti dipegang untuk urus niaga | | **(23,166)** | 25,261 | **(34,324)** | 5,529 |
| Penjejasan nilai pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan saham | 34 | **(69,270)** | (56,268) | **(69,259)** | (48,685) |
| Penjejasan nilai harta tanah, loji dan peralatan dan aset biologi | | **-** | (17,119) | **-** | - |
| Perubahan inventori untuk barang siap dan kerja dalam perlaksanaan | | **(21,641)** | (32,068) | **-** | - |
| Pembelian barang siap dan kerja dalam perlaksanaan | | **(6,566,673)** | (6,595,745) | **-** | - |
| Bahan mentah dan barangan digunakan | | **(1,848,559)** | (2,500,835) | **-** | - |
| Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV) | | **(2,083)** | (11,427) | **-** | - |
| Perbelanjaan kakitangan | | **(1,374,496)** | (1,215,143) | **(40,719)** | (40,582) |
| Perbelanjaan operasi | | **(1,433,738)** | (1,171,870) | **(22,682)** | (21,083) |
| Susut nilai dan pelunasan | | **(337,428)** | (338,419) | **(5,239)** | (5,090) |
| **Untung operasi** | | **1,680,130** | 2,094,160 | **843,242** | 851,514 |
| Kos kewangan | | **(351,490)** | (304,167) | **-** | - |
| Bahagian keuntungan selepas cukai syarikat-syarikat bersekutu | | **17,422** | 186,791 | **-** | - |
| Bahagian keuntungan pelaburan dalam usaha sama | | **103,277** | 26,049 | **-** | - |
| **Untung sebelum cukai dan zakat** | 35 | **1,449,339** | 2,002,833 | **843,242** | 851,514 |
| Cukai dan Zakat | 36 | **(377,891)** | (378,783) | **(66)** | (566) |
| **Untung bersih bagi tahun** | | **1,071,448** | 1,624,050 | **843,176** | 850,948 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

## PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (sambungan)
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| **Pendapatan komprehensif lain** | | | | | |
| Item tidak akan dikelas semula ke untung atau rugi | | | | | |
| Pengukuran semula manfaat perubatan selepas persaraan | | **-** | (11,709) | **-** | (11,709) |
| Obligasi manfaat ditentukan - pelan ganjaran | | **-** | (25,774) | **-** | (25,774) |
| Pengukuran semula obligasi manfaat ditentukan - pelan ganjaran | | **410** | - | **410** | - |
| | | **410** | (37,483) | **410** | (37,483) |
| Item mungkin/akan dikelas semula ke untung atau rugi | | | | | |
| (Kerugian)/Keuntungan bersih ke atas sekuriti sedia untuk dijual | | | | | |
| - Perubahan ke atas nilai saksama | | **(307,668)** | (30,278) | **(333,554)** | 224,173 |
| - Pindah ke untung atau rugi atas jualan | | **(70,790)** | (137,573) | **(68,812)** | (134,061) |
| - Kerugian terkumpul dikelaskan semula ke untung atau rugi | | **9,170** | - | **9,170** | - |
| - Keuntungan nilai saksama ke atas pelaburan anggap dijual | | **-** | (136,796) | **-** | - |
| Bahagian (kerugian)/pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu | | **(1,160)** | 611 | **-** | - |
| Bahagian pendapatan komprehensif lain pelaburan dalam usaha sama | | **427** | 380 | **-** | - |
| Pertukaran mata wang asing | | **3,850** | (5,711) | **-** | - |
| Cukai tertunda atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual | | **(7,182)** | 30,278 | **-** | - |
| Pengiktirafan ke atas kecairan rizab turun naik pelaburan sebahagian pegangan syarikat bersekutu | | **712** | - | **-** | - |
| Pendapatan komprehensif lain | | **(372,231)** | (316,572) | **(392,786)** | 52,629 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | | **699,217** | 1,307,478 | **450,390** | 903,577 |
| **Untung diagihkan kepada:** | | | | | |
| Kumpulan/LTAT | | **510,692** | 1,098,579 | **843,176** | 850,948 |
| Kepentingan bukan mengawal | | **506,273** | 525,471 | **-** | - |
| Pemegang sukuk kekal | | **54,483** | - | **-** | - |
| **Untung bersih bagi tahun** | | **1,071,448** | 1,624,050 | **843,176** | 850,948 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif diagihkan kepada:** | | | | | |
| Kumpulan/LTAT | | **126,325** | 947,538 | **450,390** | 903,577 |
| Kepentingan bukan mengawal | | **518,409** | 359,940 | **-** | - |
| Pemegang sukuk kekal | | **54,483** | - | **-** | - |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | | **699,217** | 1,307,478 | **450,390** | 903,577 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| Kumpulan | Nota | Akaun Caruman Ahli RM'000 | Kumpulan Wang (nota 25) RM'000 | Rizab-Rizab (nota 26) RM'000 | Keuntungan Terkumpul RM'000 | Jumlah RM'000 | Kepentingan Bukan Mengawal RM'000 | Sukuk Kekal (nota 27) RM'000 | Jumlah Ekuiti RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | | | | | | |
| **Baki pada 1 Januari** | | **8,279,749** | **19,426** | **1,156,344** | **2,631,581** | **12,087,100** | **4,135,557** | **678,605** | **16,901,262** |
| Untung atau rugi bagi tahun | | - | - | - | 510,692 | 510,692 | 506,273 | 54,483 | 1,071,448 |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | - | - | (384,777) | 410 | (384,367) | 12,136 | - | (372,231) |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun | | - | - | (384,777) | 511,102 | 126,325 | 518,409 | 54,483 | 699,217 |
| **Transaksi dengan ekuiti pemilik** | | | | | | | | | |
| Perubahan kepentingan pemilikan syarikat-syarikat subsidiari/sub subsidiari tanpa perubahan kawalan | | - | - | 97,739 | (583,989) | (486,250) | 1,893,988 | - | 1,407,738 |
| Pengasingan ke akaun dormant | | (2,327) | - | - | - | (2,327) | - | - | (2,327) |
| Pembayaran kepada tentera/bekas tentera (sumbangan 'one off') | | - | - | - | (1,250) | (1,250) | - | - | (1,250) |
| Pelarasan caruman | 37 | (153) | - | - | - | (153) | - | - | (153) |
| Pelarasan unit amanah | | - | - | - | 5 | 5 | - | - | 5 |
| Caruman diterima pada tahun | | 770,358 | - | - | - | 770,358 | - | - | 770,358 |
| Pengeluaran caruman pada tahun | | (982,890) | - | - | - | (982,890) | - | - | (982,890) |
| Pengeluaran perumahan pada tahun | | (18,785) | - | - | - | (18,785) | - | - | (18,785) |
| Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran | | 566,335 | - | - | (566,335) | - | - | - | - |
| Bonus pada kadar 1% pada tahun | | 73,083 | - | - | (73,083) | - | - | - | - |
| Geran diterima pada tahun | | - | 20,329 | - | - | 20,329 | - | - | 20,329 |
| Pelunasan kumpulan wang pembangunan aset tetap | | - | (791) | - | - | (791) | - | - | (791) |
| Pelunasan Dana Skim Pembiayaan Mikro PPP-SPM-UV-ATM | | - | (138) | - | - | (138) | - | - | (138) |
| Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya | | - | - | - | (7,280) | (7,280) | - | - | (7,280) |
| Faedah unit amanah pada kadar 7% pada tahun | | - | - | - | (195,678) | (195,678) | - | - | (195,678) |
| Pindah (ke)/dari keuntungan terkumpul | | - | (434) | 111,736 | (111,302) | - | - | - | - |
| Sukuk kekal | | | | | | | | | |
| - Terbitan | | - | - | - | (2,341) | (2,341) | - | 301,000 | 298,659 |
| - Agihan | | - | - | - | - | - | - | (43,219) | (43,219) |
| - Pindah bagi tahun | | - | - | - | (4,395) | (4,395) | - | 4,395 | - |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan mengawal oleh syarikat-syarikat subsidiari | | - | - | - | - | - | (295,586) | - | (295,586) |
| **Jumlah transaksi dengan Ekuiti Pemilik** | | **405,621** | **18,966** | **209,475** | **(1,545,648)** | **(911,586)** | **1,598,402** | **262,176** | **948,992** |
| **Baki pada 31 Disember** | | **8,685,370** | **38,392** | **981,042** | **1,597,035** | **11,301,839** | **6,252,368** | **995,264** | **18,549,471** |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI (sambungan)

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| Kumpulan | Nota | Akaun Caruman Ahli RM'000 | Kumpulan Wang (nota 25) RM'000 | Rizab-Rizab (nota 26) RM'000 | Keuntungan Terkumpul RM'000 | Jumlah RM'000 | Kepentingan Bukan Mengawal RM'000 | Sukuk Kekal (nota 27) RM'000 | Jumlah Ekuiti RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2013 | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari | | 7,767,246 | 6,656 | 1,213,233 | 2,521,318 | 11,508,453 | 3,849,896 | - | 15,358,349 |
| Untung atau rugi bagi tahun | | - | - | - | 1,098,579 | 1,098,579 | 525,471 | - | 1,624,050 |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | - | - | (113,558) | (37,483) | (151,041) | (165,531) | - | (316,572) |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun | | - | - | (113,558) | 1,061,096 | 947,538 | 359,940 | - | 1,307,478 |
| Transaksi dengan Ekuiti Pemilik | | | | | | | | | |
| Perubahan kepentingan pemilikan syarikat-syarikat subsidiari/ sub subsidiari tanpa perubahan kawalan | | - | - | (36,573) | 8,563 | (28,010) | 166,553 | - | 138,543 |
| Pengasingan ke akaun dorman | | (2,963) | - | - | - | (2,963) | - | - | (2,963) |
| Pembayaran kepada bekas tentera tidak berpencen (sumbangan 'one off') | | - | - | - | (42,197) | (42,197) | - | - | (42,197) |
| Pelarasan caruman | 37 | 275 | - | - | 382 | 657 | - | - | 657 |
| Pelarasan unit amanah | | - | - | - | 80 | 80 | - | - | 80 |
| Caruman diterima pada tahun | | 747,666 | - | - | - | 747,666 | - | - | 747,666 |
| Pengeluaran caruman pada tahun | | (825,159) | - | - | - | (825,159) | - | - | (825,159) |
| Pengeluaran perumahan pada tahun | | (14,222) | - | - | - | (14,222) | - | - | (14,222) |
| Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran | | 537,357 | - | - | (537,357) | - | - | - | - |
| Bonus pada kadar 1% pada tahun | | 69,549 | - | - | (69,549) | - | - | - | - |
| Geran diterima pada tahun | | - | 13,873 | - | - | 13,873 | - | - | 13,873 |
| Pelunasan kumpulan wang pembangunan aset tetap | | - | (888) | - | - | (888) | - | - | (888) |
| Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya | | - | - | - | (6,317) | (6,317) | - | - | (6,317) |
| Faedah unit amanah pada kadar 8% pada tahun | | - | - | - | (211,411) | (211,411) | - | - | (211,411) |
| Pindah (ke)/dari keuntungan terkumpul | | - | (215) | 93,242 | (93,027) | - | - | - | - |
| Sukuk kekal - Terbitan | | - | - | - | - | - | - | 678,605 | 678,605 |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan mengawal oleh syarikat-syarikat subsidiari | | - | - | - | - | - | (240,832) | - | (240,832) |
| Jumlah transaksi dengan Ekuiti Pemilik | | 512,503 | 12,770 | 56,669 | (950,833) | (368,891) | (74,279) | 678,605 | 235,435 |
| Baki pada 31 Disember | | 8,279,749 | 19,426 | 1,156,344 | 2,631,581 | 12,087,100 | 4,135,557 | 678,605 | 16,901,262 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI (sambungan)

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| LTAT | Nota | Akaun Caruman Ahli RM'000 | Rizab-Rizab (Nota 26) RM'000 | Keuntungan Terkumpul RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | | |
| **Baki pada 1 Januari** | | **8,279,749** | **183,552** | **417,674** | **8,880,975** |
| Untung atau rugi bagi tahun | | **-** | **-** | **843,176** | **843,176** |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | **-** | **(393,196)** | **410** | **(392,786)** |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun | | **-** | **(393,196)** | **843,586** | **450,390** |
| **Transaksi dengan ekuiti pemilik** | | | | | |
| Pengasingan ke akaun dorman | | **(2,327)** | **-** | **-** | **(2,327)** |
| Pembayaran kepada tentera/bekas tentera (sumbangan 'one off') | | **-** | **-** | **(1,250)** | **(1,250)** |
| Pindah dari keuntungan terkumpul | | **-** | **8,113** | **(8,113)** | **-** |
| Pelarasan caruman | *37* | **(153)** | **-** | **-** | **(153)** |
| Pelarasan unit amanah | | **-** | **-** | **5** | **5** |
| Caruman diterima pada tahun | | **770,358** | **-** | **-** | **770,358** |
| Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran | | **566,335** | **-** | **(566,335)** | **-** |
| Bonus pada kadar 1% pada tahun | | **73,083** | **-** | **(73,083)** | **-** |
| Pengeluaran caruman pada tahun | | **(982,890)** | **-** | **-** | **(982,890)** |
| Pengeluaran perumahan pada tahun | | **(18,785)** | **-** | **-** | **(18,785)** |
| Faedah unit amanah pada kadar 7% pada tahun | | **-** | **-** | **(195,678)** | **(195,678)** |
| Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya | | **-** | **-** | **(7,280)** | **(7,280)** |
| Jumlah transaksi dengan ekuiti pemilik | | **405,621** | **8,113** | **(851,734)** | **(438,000)** |
| **Baki pada 31 Disember** | | **8,685,370** | **(201,531)** | **409,526** | **8,893,365** |
| 2013 | | | | | |
| Baki pada 1 Januari | | 7,767,246 | 83,190 | 480,827 | 8,331,263 |
| Untung atau rugi bagi tahun | | - | - | 850,948 | 850,948 |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | - | 90,112 | (37,483) | 52,629 |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun | | - | 90,112 | 813,465 | 903,577 |
| Transaksi dengan ekuiti pemilik | | | | | |
| Pengasingan ke akaun dorman | | (2,963) | - | - | (2,963) |
| Pembayaran kepada bekas tentera tidak berpencen (sumbangan 'one off') | | - | - | (42,196) | (42,196) |
| Pindah dari keuntungan terkumpul | | - | 10,250 | (10,250) | - |
| Pelarasan caruman | 37 | 275 | - | 382 | 657 |
| Pelarasan unit amanah | | - | - | 80 | 80 |
| Caruman diterima pada tahun | | 747,666 | - | - | 747,666 |
| Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran | | 537,357 | - | (537,357) | - |
| Bonus pada kadar 1% pada tahun | | 69,549 | - | (69,549) | - |
| Pengeluaran caruman pada tahun | | (825,159) | - | - | (825,159) |
| Pengeluaran perumahan pada tahun | | (14,222) | - | - | (14,222) |
| Faedah unit amanah pada kadar 8% pada tahun | | - | - | (211,411) | (211,411) |
| Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya | | - | - | (6,317) | (6,317) |
| Jumlah transaksi dengan ekuiti pemilik | | 512,503 | 10,250 | (876,618) | (353,865) |
| Baki pada 31 Disember | | 8,279,749 | 183,552 | 417,674 | 8,880,975 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Operasi** | | | | | |
| Penerimaan tunai daripada pendapatan-pendapatan lain | | **893,060** | 595,846 | **-** | - |
| Penerimaan tunai dari geran | | **62,950** | 45,646 | **62,950** | 45,646 |
| Penerimaan tunai dari pelanggan | | **13,819,551** | 13,225,369 | **4,046** | 3,927 |
| Penerimaan pendahuluan dari kerajaan untuk pembangunan Kuarters Kerajaan | | **26,048** | - | **26,048** | - |
| Penerimaan sewaan | | **4,958** | 4,223 | **734** | 744 |
| Perolehan semula pinjaman yang telah dihapus kira | | **141,901** | 128,139 | **-** | - |
| Bayaran tunai kepada kakitangan dan pembekal | | **(11,165,900)** | (11,098,698) | **(65,738)** | (61,846) |
| Penerimaan dari/(Pendahuluan) kepada PPHM | | **-** | - | **17,000** | (57,640) |
| Pembayaran balik kumpulan wang skim pinjaman kakitangan | | **434** | 215 | **-** | - |
| Pembayaran untuk Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV) | | **(1,581)** | (10,838) | **-** | - |
| Pembayaran pinjaman Tekun | | **(6,260)** | (6,192) | **-** | - |
| **(Penambahan)/Pengurangan dalam aset operasi:** | | | | | |
| Pendahuluan kumpulan wang kepada pelanggan | | **(3,290,258)** | (2,808,640) | **-** | - |
| Sekuriti dipegang untuk urus niaga | | **270,902** | 20,069 | **-** | - |
| Penghutang perdagangan | | **161,098** | 37,045 | **-** | - |
| Penghutang-penghutang lain | | **(83,265)** | (32,494) | **-** | - |
| **Pengurangan/(Penambahan) dalam liabiliti operasi:** | | | | | |
| Deposit daripada pelanggan | | **2,372,486** | 4,706,384 | **-** | - |
| Deposit dan penempatan daripada bank-bank dan institusi kewangan lain | | **(292,175)** | (604,297) | **-** | - |
| Timbal balik pembelian semula perjanjian dengan institusi kewangan | | **-** | 20,057 | **-** | - |
| Bil dan penerimaan jurubank | | **4,100** | (62,192) | **-** | - |
| Liabiliti-liabiliti lain | | **190,241** | 127,106 | **-** | - |
| Jumlah terhutang kepada Cagamas | | **(258,643)** | (15,759) | **-** | - |
| Pemiutang perdagangan | | **(32,165)** | (34,612) | **-** | - |
| Tunai janaan dari/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi | | **2,817,482** | 4,236,377 | **45,040** | (69,169) |
| Bayaran faedah | | **(1,530,700)** | (1,309,985) | **-** | - |
| Bayaran cukai pendapatan | | **(397,590)** | (389,002) | **-** | - |
| Bayaran faedah unit amanah | | **(211,411)** | (196,928) | **(211,411)** | (196,928) |
| Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya | | **(7,109)** | (6,100) | **(7,109)** | (6,100) |
| Bayaran geran kepada PERHEBAT | | **-** | - | **(62,950)** | (45,646) |
| Bayaran manfaat kakitangan | | **(4,534)** | (997) | **(4,534)** | (608) |
| Bayaran kepada bekas tentera tidak berpencen (sumbangan *one off*) | | **-** | (42,197) | **-** | (42,197) |
| Bayaran pendahuluan kepada PPHM untuk pembangunan Kuarters Kerajaan | | **-** | - | **(21,307)** | - |
| Bayaran zakat | | **(378)** | (2,044) | **(378)** | (2,044) |
| Tunai bersih dari/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi | | **665,760** | 2,289,124 | **(262,649)** | (362,692) |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Pelaburan** | | | | | |
| Pembelian harta tanah, loji dan peralatan | | **(680,994)** | (493,932) | **(1,647)** | (5,155) |
| Pembelian pembangunan harta tanah | | **(65,267)** | (327,243) | **(65,267)** | (327,243) |
| Pelaburan harta tanah | | **(228,208)** | (126,181) | **(401)** | (144) |
| Pengambilalihan syarikat sub subsidiari | 48 | **(382,753)** | 21,500 | **-** | - |
| Pembelian syarikat-syarikat subsidiari | | **-** | - | **(289,403)** | - |
| Pelaburan tambahan dalam syarikat-syarikat subsidiari | | **(1,871,667)** | (70,601) | **(811,967)** | (74,656) |
| Pembelian/pelaburan tambahan dalam syarikat-syarikat bersekutu | | **(5,062)** | (259) | **(120)** | (175) |
| Pembelian sekuriti sedia untuk dijual | | **(4,624,255)** | (4,209,553) | **(2,308,836)** | (4,187,853) |
| Pemulangan modal saham sekuriti sedia untuk dijual | | **83** | 5,824 | **83** | 5,824 |
| Pelaburan dalam sekuriti dipegang untuk urus niaga | | **(7,022)** | (13,825) | **(7,022)** | (13,825) |
| Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan | | **(17,910)** | (12,935) | **(17,910)** | (12,935) |
| Penerimaan faedah dan keuntungan | | **383,986** | 321,054 | **51,954** | 49,668 |
| Penjualan harta tanah, loji dan peralatan | | **50,514** | 54,793 | **26** | - |
| Penjualan pembangunan harta tanah | | **139,823** | 157,653 | **278,923** | 258,082 |
| Penerimaan dari jualan harta tanah lelongan | | **10,055** | 21,961 | **-** | - |
| Pembelian aset-aset tidak ketara | | **(58,278)** | (37,713) | **-** | - |
| Penjualan syarikat-syarikat subsidiari | | **158,700** | 166,516 | **530,474** | 166,517 |
| Penjualan syarikat-syarikat bersekutu | | **851** | 1,814 | **-** | 114 |
| Penjualan sekuriti sedia untuk dijual | | **2,217,326** | 4,680,608 | **2,202,126** | 4,062,222 |
| Jualan/Belian bersih saham sekuriti dipegang hingga matang | | **280,726** | (68,541) | **-** | - |
| Dividen diterima daripada syarikat-syarikat subsidiari | | **34,903** | - | **336,100** | 312,774 |
| Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu | | **46,895** | 31,401 | **46,895** | 31,044 |
| Dividen diterima daripada sekuriti sedia untuk dijual | | **187,429** | 166,049 | **68,467** | 71,891 |
| Dividen diterima daripada sekuriti dipegang hingga matang | | **1,791** | - | **-** | - |
| Pembelian Junior Sukuk Musharakah | | **-** | - | **(150,000)** | - |
| Pendapatan lain dari syarikat-syarikat bersekutu | | **267** | 39 | **267** | 39 |
| Penerimaan sewaan dari pelaburan harta tanah | | **21,525** | 23,373 | **22,365** | 24,175 |
| Penerimaan dari penjualan pelaburan harta tanah | | **-** | 113,900 | **-** | - |
| Bayaran balik kredit cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri | | **59,915** | - | **59,854** | - |
| Tunai bersih (digunakan untuk)/dari aktiviti-aktiviti pelaburan | | **(4,346,627)** | 405,702 | **(55,039)** | 360,364 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan** | | | | | |
| Penerimaan caruman ahli | | **770,698** | 748,026 | **770,698** | 748,026 |
| Pengeluaran caruman ahli | | **(1,009,175)** | (842,552) | **(1,009,175)** | (842,552) |
| Penambahan/(Pengurangan) bersih daripada pinjaman lain | | **1,127,967** | (456,211) | **-** | - |
| Bayaran faedah | | **(395,753)** | (355,749) | **-** | - |
| Terbitan saham kepada kepentingan bukan mengawal | | **2,144,809** | 200 | **-** | - |
| Terbitan sukuk kekal | | **298,700** | 678,600 | **-** | - |
| Agihan sukuk kekal | | **(43,225)** | - | **-** | - |
| Bayaran dividen kepada kepentingan bukan mengawal | | **(390,805)** | (263,538) | **-** | - |
| Penerimaan daripada pinjaman jangka panjang | | **324,900** | 488,200 | **-** | - |
| Bayaran balik pinjaman jangka panjang | | **(1,027,400)** | (164,170) | **-** | - |
| Tunai bersih dari/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti pembiayaan | | **1,800,716** | (167,194) | **(238,477)** | (94,526) |
| **(Pengurangan)/Penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai** | | **(1,880,151)** | 2,527,632 | **(556,165)** | (96,854) |
| Turun naik pertukaran mata wang | | **(300)** | (1,100) | **-** | - |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari** | | **12,215,749** | 9,689,217 | **1,117,610** | 1,214,464 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember** | 38 | **10,335,298** | 12,215,749 | **561,445** | 1,117,610 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen. Pejabat berdaftar adalah di Tingkat 12, Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, Peti Surat 11542, 50748 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengikut Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) adalah bagi mentadbir dan melabur kumpulan wang caruman anggota-anggota Angkatan Tentera Lain-Lain Pangkat yang mencarum secara wajib dan Pegawai Angkatan Tentera dan Anggota Kerahan Angkatan Sukarela yang mencarum secara sukarela. Aktiviti ini meliputi proses mengumpul, mengurus dan melabur dana wang caruman dalam pembangunan harta tanah (nota 5), pelaburan harta tanah (nota 6), sewa pajak tanah pra bayaran (nota 7), syarikat-syarikat subsidiari (nota 10), syarikat-syarikat bersekutu (nota 11), sekuriti sedia untuk dijual (nota 13), sekuriti dipegang hingga matang (nota 14), sekuriti dipegang untuk urus niaga (nota 20) aset derivatif (nota 21) dan deposit (nota 22).

LTAT juga melaksanakan program-program latihan peralihan bagi anggota Angkatan Tentera yang akan atau yang telah bersara.

Penyata Kewangan Kumpulan dan LTAT dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 yan telah diaudit telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk pengeluaran berdasarkan resolusi pengarah pada 19 Mei 2015.

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

### 2.1 Asas Penyediaan

#### (a) Pernyataan Pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan LTAT adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) yang diluluskan dan diterima pakai di Malaysia bagi entiti selain daripada entiti swasta yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Pada 19 November 2011, MASB telah mengumumkan rangka kerja perakaunan baharu yang diluluskan iaitu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja MFRS).

Pada 2 September 2014, MASB telah mengumumkan *Transitioning Entities* dikehendaki untuk menerima pakai Rangka Kerja Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) bagi tahun kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. *Transitioning Entities* terdiri daripada entiti-entiti yang berada di bawah skop MFRS 141: Pertanian dan/atau *IC Interpretation 15*: Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah termasuk syarikat induk, pelabur utama dan syarikat usaha sama. Secara amnya, *Transitioning Entities* adalah entiti yang terlibat di dalam industri perladangan dan pertanian yang telah diberi pilihan untuk terus menerima pakai Rangka Kerja Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS).

Kumpulan dan LTAT yang berada di bawah skop *transitioning entities* memilih untuk menerima pakai rangka kerja MFRS bagi tahun kewangan mulai pada 1 Januari 2017. Apabila Kumpulan dan LTAT membentangkan penyata kewangan MFRS kali pertama pada 1 Januari 2017, Kumpulan dan LTAT dikehendaki menyatakan semula penyata kewangan perbandingan bagi menunjukkan kesan menerima pakai rangka kerja MFRS. Pelarasan semasa peralihan perlu dibuat secara retrospektif ke atas baki mula keuntungan terkumpul.

Walau bagaimanapun, empat (4) buah syarikat subsidiari dan dua (2) perbadanan telah memilih untuk menerima pakai rangka kerja MFRS bagi tahun kewangan mulai 1 Januari 2012 dan 1 Januari 2014. Pemilihan menerima pakai rangka kerja perakaunan yang berbeza dengan LTAT tidak memberi kesan yang signifikan kepada penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan LTAT kerana syarikat-syarikat subsidiari dan perbadanan tersebut tidak berada di bawah skop MFRS 141 dan IC 15. Syarikat-syarikat subsidiari dan Perbadanan tersebut adalah seperti berikut:

i. Affin Holdings Berhad.
ii. Power Cables Sdn Bhd.
iii. Boustead Reit Managers Sdn Bhd.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

#### (a) Pernyataan Pematuhan (sambungan)

iv. Irat Properties Sdn Bhd.
v. Perwira Niaga Malaysia.
vi. Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan LTAT dalam penyata kewangan ini adalah konsisten dengan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kecuali penerimaan pakai FRS baharu dan pindaan yang berkuat kuasa bagi penyata kewangan mulai 1 Januari 2014 seperti berikut:

- Pindaan kepada FRS 10 Penyata Kewangan Yang Disatukan - Entiti-Entiti Pelaburan.
- Pindaan kepada FRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti-Entiti Lain.
- Pindaan kepada FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan - Entiti-Entiti Pelaburan.
- Pindaan kepada FRS 132 Pembentangan Instrumen Kewangan - Imbangan Aset Kewangan Dan Liabiliti Kewangan.
- Pindaan kepada FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan - Tarikh Mandatori FRS 9 Dan Peralihan Pendedahan.
- Pindaan kepada FRS 136 Penjejasan Nilai Aset: Pendedahan Jumlah Yang Boleh Diperolehi Untuk Aset Bukan Kewangan.
- Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan Dan Pengukuran: Pembaharuan Derivatif Dan Penerusan Perakaunan Lindung Nilai.
- Tafsiran IC 21: Levi

Penerimaan pakai FRS baharu atau pindaan tidak memberi kesan kepada prestasi kewangan atau kedudukan penyata kewangan Kumpulan dan LTAT.

#### (b) Piawaian yang Dikeluarkan Tapi Belum Berkuat Kuasa

Kumpulan dan LTAT tidak menerima pakai FRS baharu dan pindaan yang belum berkuat kuasa:

**Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014**

- Pindaan kepada FRS 2 Pembayaran Berasaskan Saham (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2010-2012).
- Pindaan kepada FRS 3 Penggabungan Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2010-2012 dan 2011-2013).
- Pindaan kepada FRS 8 Segmen Operasi (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2010-2012).
- FRS 13 Pengukuran Nilai Saksama (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2011-2013).
- Pindaan kepada FRS 116 Harta Tanah, Loji dan Peralatan (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2010-2012).
- Pindaan kepada FRS 119 Manfaat Kakitangan-Pelan Manfaat: Sumbangan Kakitangan.
- Pindaan kepada FRS 124 Pendedahan Pihak Yang Berkaitan (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2010-2012).
- Pindaan kepada FRS 138 Aset-Aset Tidak Ketara (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2010-2012).
- Pindaan kepada FRS 140 Pelaburan Harta Tanah (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2011-2013).

**Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016**

- Pindaan kepada FRS 5 Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Dijual dan Dihentikan Operasi (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2012-2014).
- Pindaan kepada FRS 7 Pendedahan Instrumen Kewangan (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2012-2014).
- Pindaan kepada FRS 119 Manfaat Kakitangan (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2012-2014).

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

**(b) Piawaian yang Dikeluarkan Tapi Belum Berkuat Kuasa (sambungan)**

- Pindaan kepada FRS 134 Laporan Kewangan Interim (Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRSs 2012-2014).
- Pindaan kepada FRS 10 Penyata Kewangan Yang Disatukan, FRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti-Entiti Lain dan FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (2011) - Entiti-Entiti Pelaburan memohon pengecualian penyatuan.
- Pindaan kepada FRS 10 Penyata Kewangan Yang Disatukan dan FRS 128 Pelaburan dalam Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama (2011) - Jualan atau Sumbangan Aset di Antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama.
- Pindaan kepada FRS 11 Pengaturan Bersama - Perakaunan Bagi Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama.
- FRS 14 Peraturan Penundaan Akaun.
- FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan-Pendedahan Inisiatif (Pindaan kepada MFRS 101).
- Pindaan kepada FRS 116 Harta Tanah Loji dan Peralatan dan FRS 138 Aset-Aset Tidak Ketara - Penjelasan Kaedah Yang Diterima Pakai Bagi Susut Nilai Dan Pelunasan.
- Pindaan kepada FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan (2011) - Kaedah Ekuiti Dalam Penyata Kewangan Berasingan.

**Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017**

- FRS 15 Hasil Daripada Kontrak Dengan Pelanggan.

**Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018**

- FRS 9 Instrumen Kewangan (2014).
- Pindaan kepada FRS 7 Pendedahan Penyata Kewangan - Tarikh Mandatori FRS 9 dan Peralihan Pendedahan.

**(c) Asas Pengukuran**

Penyata Kewangan Kumpulan dan LTAT telah disediakan mengikut kelaziman kos kecuali untuk harta tanah tertentu dan instrumen kewangan yang diukur pada amaun penilaian semula atau nilai saksama pada akhir setiap tempoh pelaporan seperti yang dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

**(d) Penggunaan Pertimbangan Dan Anggaran**

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LTAT memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Andaian utama berkaitan dengan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang seperti di bawah:

**(i) Penjejasan Nilai Aset-Aset Tidak Ketara**

Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai aset tidak ketara pada setiap tarikh pelaporan. Aset tidak ketara diuji untuk penjejasan nilai setiap tahun dan pada masa lain apabila terdapat petunjuk yang wujud bahawa amaun dibawa mungkin melebihi jumlah yang boleh diperolehi. Apabila pengiraan nilai kegunaan dilaksanakan, pengurusan menganggarkan aliran tunai masa hadapan yang dijangka daripada aset atau unit janaan tunai dan memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai semasa aliran tunai tersebut. Penyediaan anggaran aliran tunai masa hadapan melibatkan pertimbangan dan anggaran yang signifikan. Walaupun Kumpulan percaya bahawa andaian itu adalah wajar dan munasabah, perubahan signifikan dalam andaian boleh memberi kesan penilaian jumlah yang boleh diperolehi dan boleh membawa kepada caj penjejasan nilai masa hadapan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

#### (d) Penggunaan Pertimbangan Dan Anggaran (sambungan)

**(ii) Penjejasan Nilai Aset Biologi dan Harta Tanah, Loji Dan Peralatan**

Kumpulan mengkaji semula amaun dibawa bagi aset biologi dan harta tanah, loji dan peralatan pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, jumlah aset boleh diperolehi semula atau nilai kegunaan dianggarkan. Penentuan nilai kegunaan bagi aset biologi dan harta tanah, loji dan peralatan memerlukan penentuan aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana daripada penggunaan berterusan dan pelupusan aset tersebut. Penyediaan anggaran aliran tunai masa hadapan yang melibatkan pertimbangan dan anggaran yang signifikan. Walaupun Kumpulan percaya bahawa andaian adalah wajar dan munasabah, perubahan signifikan dalam andaian boleh memberi kesan ke atas penilaian jumlah yang boleh diperolehi dan boleh membawa kepada caj penjejasan nilai masa hadapan. Sebarang penjejasan nilai yang timbul mungkin memberi kesan buruk ke atas kedudukan kewangan dan operasi Kumpulan.

**(iii) Penjejasan Nilai Pinjaman Dan Akaun Belum Terima**

Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti nyata bahawa aset kewangan telah terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti nyata penjejasan nilai, Kumpulan menganggap faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang dan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti nyata penjejasan nilai, jumlah dan aliran tunai masa hadapan dianggar berdasarkan kerugian masa lalu untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang sama.

**(iv) Pembangunan Harta Tanah**

Kumpulan mengiktiraf pendapatan dan perbelanjaan pembangunan harta tanah dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah peringkat kesiapan. Peringkat kesiapan diukur merujuk kepada pembahagian kos pembangunan harta tanah yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah kos pembangunan harta tanah yang dianggarkan.

Pertimbangan signifikan diperlukan dalam menentukan peringkat kesiapan, tahap kos pembangunan harta tanah yang ditanggung, jumlah pendapatan pembangunan harta tanah dan kos yang dianggarkan, dan juga pulangan bagi kos pembangunan harta tanah. Dalam membuat pertimbangan, Kumpulan menilai berdasarkan pengalaman lepas dan juga bergantung kepada kerja pakar.

**(v) Penjejasan Nilai Pelaburan Ekuiti**

Untuk pelaburan ekuiti, penurunan dalam nilai saksama daripada kos yang signifikan dan berlanjutan adalah petunjuk nyata penjejasan nilai. Pertimbangan pengurusan diperlukan untuk menilai tempoh dan jangka masa selagi nilai saksama pelaburan ekuiti adalah di bawah kos.

**(vi) Anggaran Nilai Saksama Aset Kewangan**

Untuk aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, yang nilai saksama tidak boleh diperoleh daripada pasaran aktif, nilai saksama ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Kumpulan secara amnya menggunakan teknik penilaian yang diiktiraf secara meluas dengan input yang dapat dilihat di pasaran, pertimbangan diperlukan sekiranya data dapat dilihat di pasaran tidak diperolehi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

#### (a) Asas Penyatuan

##### (i) Syarikat-Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat (termasuk entiti berstruktur) di mana Kumpulan dan LTAT mempunyai kawalan. Kawalan dicapai apabila Kumpulan dan LTAT mempunyai kuasa ke atas syarikat penerima pelaburan, terdedah kepada, atau berhak, atas pulangan boleh ubah daripada penglibatan dengan syarikat penerima pelaburan dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan terhadap pulangan menerusi kuasanya ke atas syarikat penerima pelaburan.

Kumpulan dan LTAT menilai semula sama ada ia mengawal syarikat penerima pelaburan sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan yang dinyatakan.

Apabila Kumpulan dan LTAT mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi tetapi mempunyai hak yang mencukupi untuk memberikannya keupayaan yang praktikal untuk mengarahkan aktiviti berkenaan secara unilateral, Kumpulan dan LTAT mempertimbangkan semua fakta dan keadaan dalam menilai sama ada hak mengundi Kumpulan dan LTAT memberikan kuasa, termasuk:

- saiz pegangan hak mengundi Kumpulan dan LTAT berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain;
- potensi hak mengundi yang dipegang oleh Kumpulan dan LTAT, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- hak yang timbul daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- sebarang fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Kumpulan dan LTAT mempunyai atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti berkaitan pada ketika keputusan perlu dibuat, termasuk corak pengundian pada mesyuarat pemegang saham yang lepas.

Syarikat subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan memperolehi kawalan ke atas syarikat subsidiari dan tamat apabila Kumpulan hilang kawalan. Aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan syarikat subsidiari yang diperolehi atau dilupus dalam tahun, diambil kira dalam untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan mulai tarikh kawalan diperolehi sehingga kawalan ditamatkan.

Kepentingan bukan mengawal pada tarikh pelaporan, bahagian aset bersih syarikat subsidiari yang diagihkan kepada kepentingan equiti yang bukan milikan Kumpulan, sama ada secara terus atau sebaliknya melalui syarikat subsidiari, adalah dipaparkan dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata perubahan ekuiti di bawah ekuiti, berasingan dari ekuiti diagihkan kepada Kumpulan. Untung atau rugi dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain diagihkan kepada Kumpulan dan kepada kepentingan bukan mengawal, walaupun keputusan dalam kepentingan bukan mengawal mengalami defisit.

Pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari diakaunkan mengikut kaedah perakaunan pengambilalihan. Aset-aset boleh dikenal pasti dan liabiliti-liabiliti dianggap diambil alih adalah diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kos-kos berkaitan pengambilalihan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dicaj sebagai perbelanjaan pengurusan. Perbezaan nilai saksama ini dengan nilai saksama pertimbangan belian (termasuk nilai saksama pelaburan sedia ada) adalah muhibah atau diskaun atas pengambilalihan. Diskaun atas pengambilalihan mewakili muhibah negatif diiktiraf serta-merta sebagai pendapatan dalam untung atau rugi. Polisi perakaunan muhibah ke atas pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 2.2(e)(i).

Jika penggabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti sedia ada yang dipegang diukur semula pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang untung atau rugi yang timbul diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai tersebut seterusnya diambil kira dalam penentuan muhibah.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (a) Asas Penyatuan (sambungan)

##### (i) Syarikat-Syarikat Subsidiari (sambungan)

Bagi setiap penggabungan perniagaan, Kumpulan memilih untuk mengukur kepentingan bukan mengawal syarikat subsidiari diambil alih pada tarikh pengambilalihan sama ada pada nilai saksama atau bahagian setara aset bersih yang dikenal pasti syarikat subsidiari yang diambil alih.

Perubahan dalam kepentingan ekuiti Kumpulan dalam syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diakaunkan sebagai transaksi ekuiti. Dalam keadaan tersebut, amaun dibawa kepentingan mengawal dan kepentingan bukan mengawal dipelaraskan untuk memaparkan perubahan dalam kepentingan masing-masing dalam syarikat subsidiari. Perbezaan di antara amaun kepentingan bukan mengawal dipelaraskan dan nilai saksama ke atas pertimbangan belian dibayar atau diterima diiktiraf ke ekuiti.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak penjejasan nilai.

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari disenaraikan di Nota 10.

##### (ii) Syarikat-Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu ditakrifkan sebagai syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dalam penyata kewangan Kumpulan mengikut kaedah perakaunan ekuiti. Mengikut kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan di dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan pada kos campur perubahan selepas pengambilalihan di dalam pegangan Kumpulan ke atas aset bersih syarikat bersekutu, tolak pengagihan diterima dan tolak penjejasan nilai ke atas sesuatu pelaburan.

Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan memaparkan bahagian keuntungan syarikat bersekutu selepas cukai. Bila terdapat perubahan dikenal pasti secara terus di dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan akan mengiktiraf bahagiannya mengikut perubahan tersebut. Keuntungan atau kerugian belum direalisasi ke atas urus niaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan mengikut tahap kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Bila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya di dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak perlu mengiktiraf kerugian tambahan melainkan ke satu tahap Kumpulan menanggung obligasi konstruktif atau sah atau pembayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu.

Penyata kewangan syarikat bersekutu terkini digunakan oleh Kumpulan bagi mengakaunkan kaedah ekuiti. Apabila tarikh penyata kewangan yang telah diaudit digunakan tidak selari dengan Kumpulan, bahagian keuntungan diambil kira dari penyata kewangan yang telah diaudit dan penyata kewangan pengurusan sehingga akhir tempoh perakaunan. Pelarasan perlu dibuat ke atas penyata kewangan syarikat bersekutu untuk memastikan polisi perakaunan digunakan dalam Kumpulan adalah konsisten.

Bagi Kumpulan dan LTAT, pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos setelah ditolak penjejasan nilai. Bagi syarikat bersekutu yang telah dilupuskan, perbezaan antara terimaan jualan bersih dan amaun dibawa dicaj atau dikredit ke untung atau rugi.

Butir-butir syarikat-syarikat bersekutu disenaraikan di Nota 11.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (a) Asas Penyatuan (sambungan)

##### (iii) Pelaburan Dalam Usaha Sama

Pelaburan dalam usaha sama adalah perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain yang mana terdapatnya perkongsian kuasa yang telah dipersetujui secara kontraktual oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan operasi strategik berkaitan entiti tersebut memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berkongsi kuasa.

Pelaburan dalam usaha sama diakaunkan dalam penyata kewangan Kumpulan mengikut kaedah perakaunan ekuiti dan pada mulanya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam usaha sama termasuk muhibah yang boleh dikenal pasti semasa pembelian setelah ditolak penjejasan nilai terkumpul.

Apabila bahagian kerugian pelaburan dalam usaha sama kumpulan, meyamai atau melebihi kepentingannya di dalam pelaburan dalam usaha sama tersebut, termasuk sebarang belum terima yang tidak dijamin, kepentingan Kumpulan akan dikurangkan kepada sifar dan pengikitirafan kerugian selanjutnya akan dihentikan kecuali setakat obligasi undang-undang atau konstruktif yang ditanggung oleh Kumpulan atau pembayaran yang dibuat bagi pihak pelaburan dalam usaha sama.

Bahagian keuntungan atau kerugian pelaburan dalam usaha sama kumpulan selepas pengambilalihan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi dan pergerakan di dalam rizab bahagian Kumpulan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan dengan amaun dibawa pelaburan.

#### (b) Instrumen Kewangan

Instrumen Kewangan adalah dikategorikan dan diukur berdasarkan polisi perakaunan seperti berikut:

##### (i) Pengiktirafan Awal Dan Pengukuran

Instrumen kewangan adalah diiktiraf pada penyata kedudukan kewangan apabila, dan apabila sahaja Kumpulan dan LTAT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Instrumen kewangan pada permulaan diiktiraf pada nilai saksama campur kos transaksi kecuali aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi, yang diiktirafkan pada nilai saksama.

Pembelian dan penjualan pelaburan adalah diiktiraf atau dinyah iktiraf pada tarikh urus niaga, tarikh Kumpulan dan LTAT membeli atau menjual aset tersebut.

##### (ii) Kategori Dan Pengukuran

Instrumen kewangan Kumpulan dan LTAT adalah dikategorikan seperti berikut:

**Aset Kewangan**

**1) Aset kewangan Pada Nilai Saksama ke Untung atau Rugi**

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi sekiranya ia dipegang untuk urus niaga atau ditentukan pada pengiktirafan awal.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dinyatakan pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

**2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)**

**(b) Instrumen Kewangan (sambungan)**

**(ii) Kategori Dan Pengukuran (sambungan)**

**Aset Kewangan (sambungan)**

**2) Pinjaman Dan Akaun Belum Terima**

Pinjaman dan akaun belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Aset kewangan yang dikelaskan dalam kategori ini termasuk tunai dan baki dengan bank-bank, pinjaman dan pendahuluan.

Pinjaman dan akaun belum terima diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif, ditolak penjejasan nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan akaun belum terima tidak lagi diiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan akaun belum terima dikelaskan sebagai aset semasa, kecuali yang mempunyai tarikh matang melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan dikelaskan sebagai aset bukan semasa.

**3) Sekuriti Sedia Untuk Dijual**

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual dan tidak diklasifikasikan ke dalam mana-mana kategori lain aset kewangan.

Aset kewangan di bawah kategori sedia untuk dijual diukur pada nilai saksama dan keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Sekuriti sedia untuk dijual dinyatakan pada nilai saksama kecuali apabila tiada harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak dapat diukur dengan tepat adalah diukur pada kos. Dalam ketiadaan harga pasaran yang boleh dilihat, teknik penilaian akan digunakan.

**4) Sekuriti Dipegang Hingga Matang**

Sekuriti dipegang hingga matang adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau berjadual dan tarikh matang yang telah ditetapkan dan Kumpulan mempunyai tujuan dan keupayaan positif untuk memegangnya sehingga tarikh matang.

Sekuriti dipegang hingga matang awalnya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos transaksi, kemudian diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila mana sekuriti dinyah iktiraf atau ditolak dengan penjejasan nilai dan melalui proses pelunasan.

Sekiranya, sebagai hasil daripada perubahan dalam niat dan keupayaan, ia tidak lagi sesuai untuk diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang, pelaburan tersebut diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual dan diukur semula pada nilai saksama, dan perbezaan di antara amaun dibawa dan nilai saksama akan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali untuk penjejasan nilai dan keuntungan atau kerugian pertukaran asing.

Sebarang jualan atau pengklasifikasian semula amaun yang signifikan bagi sekuriti dipegang hingga matang, sebelum matang pada tahun kewangan semasa atau dua tahun kewangan yang sebelumnya, akan mencemarkan keseluruhan kategori dan mengakibatkan sekuriti dipegang hingga matang yang selebihnya diklasifikasikan semula kepada sedia untuk dijual kecuali untuk jualan atau pengklasifikasian semula yang berikut:

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (b) Instrumen Kewangan (sambungan)

##### (ii) Kategori Dan Pengukuran (sambungan)

**Aset Kewangan (sambungan)**

**4) Sekuriti Dipegang Hingga Matang (sambungan)**

(i) amat dekat dengan kematangan atau tarikh panggilan di mana perubahan kadar faedah tidak akan memberi kesan yang signifikan ke atas nilai saksama aset kewangan.
(ii) berlaku selepas Kumpulan dapat mengutip sebahagian nilai asal aset-aset kewangan; atau
(iii) dianggap sebagai peristiwa terpencil yang di luar kawalan Kumpulan, tidak berulang dan tidak dapat dijangkakan oleh Kumpulan.

Semua aset kewangan kecuali sekuriti dipegang untuk urus niaga adalah tertakluk kepada ujian penilaian penjejasan nilai.

**Liabiliti Kewangan**

Semua liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi adalah dinilai berikutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

##### (iii) Amalan Biasa Pembelian Atau Penjualan Aset Kewangan

Amalan biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak di mana terma memerlukan penghantaran aset dalam tempoh masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran tersebut.

Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan adalah diiktiraf atau dinyahiktirafkan, di mana yang sesuai dengan perakaunan tarikh niaga. Perakaunan tarikh niaga merujuk kepada:

a) Pengiktirafan aset belum diterima dan liabiliti belum dibayar pada tarikh niaga; dan
b) Aset yang dijual, pengiktirafan untung atau rugi, pelupusan dan pengiktirafan penerima daripada pembeli untuk pembayaran pada tarikh niaga.

##### (iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tidak lagi wujud atau aset kewangan tersebut telah dipindahkan kepada pihak yang lain tanpa memegang kawalan atau risiko dan pampasan hak milik telah dipindah sejumlah yang signifikan. Apabila aset kewangan telah dinyah iktiraf keseluruhannya, perbezaan di antara amaun dibawa dengan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang diiktirafkan ke ekuiti akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### (c) Pengukuran Nilai Saksama

Kumpulan dan LTAT mengukur instrumen kewangan dan aset bukan kewangan seperti pelaburan harta tanah, pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan. Nilai-nilai saksama instrumen kewangan diukur pada kos dilunaskan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima dari penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (c) Pengukuran Nilai Saksama (sambungan)

Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi penjualan aset tersebut atau memindahkan liabiliti sama ada:

- di pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- jika tiada pasaran yang utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau paling menguntungkan mestilah boleh diakses oleh Kumpulan dan LTAT.

Peserta pasaran akan menggunakan nilai saksama bagi aset atau liabiliti bagi menetapkan harga aset atau liabiliti, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset dengan baik atau menjual kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara terbaik.

Kumpulan dan LTAT menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan di mana data adalah mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak dapat dilihat.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan seperti berikut:

- Tahap 1: Harga pasaran disebut harga tidak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- Tahap 2: Input selain daripada harga pasaran disebut harga yang dilihat sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: Input yang tidak dapat dilihat untuk aset dan liabiliti.

Bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Kumpulan dan LTAT menentukan sama ada pemindahan telah berlaku antara tahap dalam hierarki dengan pengkategorian nilai semula (berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

#### (d) Instrumen Kewangan Derivatif

Instrumen kewangan derivatif pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimasuki dan kemudiannya dinilai semula pada nilai saksamanya. Nilai saksama diperolehi daripada harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran yang aktif, termasuk urus niaga pasaran terkini, serta teknik penilaian, termasuk model aliran tunai yang didiskaunkan dan model harga pilihan, yang mana sesuai. Semua derivatif dikelaskan sebagai aset apabila mempunyai nilai saksama yang positif manakala sebagai liabiliti apabila nilai saksamanya adalah negatif.

Bukti terbaik nilai saksama derivatif yang direkod pada permulaan pengiktirafan ialah dengan mengunakan harga traknsaksi (nilai transaksi saksama semasa diberi atau diterima) melainkan nilai saksama instrumen dapat dibuktikan melalui perbandingan dengan transaksi dalam pasaran semasa yang dapat diperlihatkan menggunakan instrumen yang sama (tanpa sebarang perubahan atau modifikasi) atau berdasarkan teknik penilaian di mana pembolehubah termasuk data daripada pasaran yang dapat dilihat. Apabila terdapat bukti sedemikian, Kumpulan akan mengiktiraf keuntungan atau kerugian nilai saksama dengan serta-merta.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (e) Aset-Aset Tidak Ketara

##### (i) Muhibah

Muhibah diukur pada kos ditolak sebarang penjejasan nilai terkumpul. Muhibah tidak dilunaskan sebaliknya, ia dikaji semula untuk penjejasan nilai sekurang-kurangnya secara tahunan dan sekiranya peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan amaun dibawa mungkin dibuat penjejasan nilai.

Untuk tujuan ujian penilaian penjejasan nilai, muhibah adalah diperuntukkan ke atas unit janaan tunai syarikat subsidiari. Sekiranya jumlah boleh diperolehi unit janaan tunai adalah kurang daripada amaun dibawa termasuk muhibah, penjejasan amaun dibawa akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penjejasan nilai atas muhibah yang telah diiktiraf tidak boleh dipelaraskan semula pada tempoh akan datang.

Apabila muhibah membentuk sebahagian daripada unit janaan tunai dan sebahagian daripada operasi unit janaan tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan dengan operasi yang dilupuskan itu dimasukkan sebagai amaun dibawa operasi apabila menentukan keuntungan atau kerugian pelupusan operasi. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan tersebut diukur berdasarkan nilai saksama relatif operasi yang dilupuskan dan bahagian lebihan unit janaan tunai dipegang.

##### (ii) Perisian Komputer

Perisian komputer yang diperolehi dipermodalkan berdasarkan kos yang ditanggung untuk memperolehi dan menggunakan perisian khusus tersebut. Kos-kos ini dilunaskan sepanjang usia guna anggarannya iaitu tiga hingga lima tahun dan dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul serta penjejasan nilai terkumpul, jika ada.

##### (iii) Hak Konsesi

Sebuah sub-subsidiari Kumpulan telah diberikan konsesi yang berkaitan dengan penswastaan makmal perubatan dan Stor Kementerian Kesihatan bagi pengagihan produk perubatan terpilih kepada hospital milik Kerajaan selama 11 tahun sejak 1998. Konsesi ini telah dilanjutkan lagi bagi tempoh 10 tahun bermula 1 Disember 2009. Hak untuk konsesi ini diambil alih merupakan sebahagian daripada penyatuan perniagaan dan pengiktirafan permulaan diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Nilai saksama hak konsesi dikira dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai masa hadapan yang akan dijana dari tarikh pengambilalihan sehingga tempoh hak konsesi berakhir pada 30 November 2019.

Nilai saksama konsesi dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang baki tempoh kontrak konsesi.

##### (iv) Pembangunan Dan Penyelidikan

Kos penyelidikan dibelanjakan apabila ditanggung. Perbelanjaan pembangunan bagi projek individu diiktiraf sebagai aset tidak ketara apabila Kumpulan dapat menunjukkan kebolehlaksanaan teknikal dalam menyempurnakan aset tidak ketara supaya ia tersedia untuk digunakan atau dijual, niat untuk melengkapkan dan keupayaan untuk menggunakan atau menjual aset tersebut, bagaimana aset tersebut dapat menjana manfaat ekonomi masa hadapan, ketersediaan sumber untuk menyempurnakan serta keberkesanan untuk mengukur dengan pasti perbelanjaan semasa ia dibangunkan.

Berikutan pengiktirafan awal perbelanjaan pembangunan sebagai aset, aset yang dinyatakan pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ianya dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa hadapan yang dijangkakan. Sepanjang tempoh pembangunan, aset diuji untuk penjejasan nilai pada setiap tahun.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (e) Aset-Aset Tidak Ketara (sambungan)

##### (v) Hak Untuk Membekal

Perbelanjaan yang ditanggung dalam menyedia dan membekalkan perkakasan dan perisian tertentu kepada Kerajaan Malaysia menjadi sebahagian daripada obligasi kontrak biasa di bawah perjanjian konsesi. Perbelanjaan ini dipermodalkan dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang penjejasan nilai terkumpul. Perbelanjaan ini dilunaskan sepanjang tempoh konsesi 10 tahun. Hak konsesi perkakasan dan perisian ini adalah milik Kerajaan Malaysia.

Sekiranya terdapat tanda penjejasan nilai, hak amaun dibawa untuk membekal produk farmaseutikal dinilai dan dikurangkan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula.

##### (vi) Lesen Pengilang Farmasi Dan Nama Dagangan

Lesen pengilang farmasi dan nama dagangan diperolehi semasa penggabungan perniagaan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Lesen pengilang farmasi mewakili hak untuk mengilang produk farmaseutikal di Indonesia dan ianya mempunyai jangka hayat yang terhad dan dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Pelunasan adalah dikira menggunakan kaedah garis lurus bagi memperuntukkan kos lesen mengilang farmasi dalam tempoh 9 tahun.

Nama dagangan mewakili produk tempatan yang berjenama dan mempunyai jangka hayat yang terhad dan dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Pelunasan adalah dikira menggunakan kaedah garis lurus bagi memperuntukkan kos nama dagangan dalam tempoh 15 tahun.

#### (f) Harta Tanah, Loji Dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua butiran harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos. Kos-kos berikutnya adalah dimasukkan dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, seperti sewajarnya, hanya apabila kemungkinan manfaat-manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan butiran tersebut akan masuk ke dalam Kumpulan dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj ke untung atau rugi apabila ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan awal, harta tanah, loji dan peralatan selain daripada tanah milik bebas dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang penjejasan nilai terkumpul.

Kumpulan dan LTAT tidak menerima pakai polisi penilaian tetap dan telah menggunakan peruntukan peralihan IAS 16 (semakan) harta tanah, loji dan peralatan yang membenarkan aset-aset dinyatakan pada penilaian semasa tolak susut nilai terkumpul. Penilaian yang telah ditentukan oleh penilai profesional bebas adalah berdasarkan pasaran terbuka.

Sebarang lebihan daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan diambil kira di dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula aset kecuali, sekiranya ia merupakan pembalikan kepada lebihan penilaian bagi aset yang sama yang telah dicaj ke untung atau rugi sebelumnya.

Susut nilai terkumpul akan dihapuskan daripada amaun dibawa dan dinyatakan pada nilai saksama. Lebihan daripada penilaian semula sesuatu aset yang diambil kira di dalam rizab penilaian semula aset akan dipindahkan ke dalam keuntungan terkumpul sekiranya aset tersebut dilupus atau dijual.

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat kegunaan yang tidak terhad dan tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajak jangka panjang dilunaskan sepanjang jangka masa pajakan. Bangunan dalam binaan tidak disusutnilaikan memandangkan aset tersebut belum sedia untuk diguna. Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada baki nilai sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (f) Harta Tanah, Loji Dan Peralatan dan Susut Nilai (sambungan)

| | |
|---|---|
| Bangunan | |
| - Milik bebas | 1.25% - 5.6% |
| - Pegangan pajak jangka panjang | 1.25% - 20% |
| Kapal dan Pesawat | 4.0% - 16.7% |
| Loji dan peralatan lain | 6.0% - 33.3% |

Amaun dibawa, jangka hayat kegunaan dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran sebelum ini dan jangkaan corak penggunaan manfaat-manfaat ekonomi masa hadapan yang terangkum dalam butiran harta tanah, loji dan peralatan tersebut.

Sesuatu butiran harta tanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi pada masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih jika ada, dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### (g) Pembangunan Harta Tanah

Pembangunan harta tanah dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos ditolak sebarang penjejasan nilai terkumpul. Pembangunan harta tanah termasuk tanah di mana tiada aktiviti dilaksanakan.

Polisi bagi pengiktirafan pengukuran nilai adalah berdasarkan kepada nota 2.2(l)(ii). Pembangunan harta tanah meliputi tabungan tanah yang di dalam proses untuk dipersiapkan bagi dibangunkan telah disediakan untuk pembangunan tetapi tidak dijangka akan dibuka untuk jualan. Kos adalah termasuk tanah, bahan-bahan, tenaga kerja, yuran professional, kos pinjaman dan lain-lain kos pembangunan serta overhed berkaitan.

#### (h) Pelaburan Harta Tanah

Pelaburan harta tanah adalah harta tanah yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau bagi modal tambah nilai atau kedua-duanya. Harta tanah yang disewakan kepada syarikat-syarikat subsidiari LTAT untuk menjalankan operasi perniagaan diambil kira sebagai diduduki oleh pemilik dan bukan pelaburan harta tanah.

Sejajar dengan MFRS 140, pelaburan harta tanah boleh diukur sama ada menggunakan kaedah kos atau kaedah nilai saksama. Kumpulan dan LTAT telah menerima pakai kaedah nilai saksama dalam mengukur pelaburan harta tanah. Pelaburan harta tanah diukur pada permulaannya pada kos, termasuk kos urus niaga. Lanjutan daripada pengiktirafan permulaan, semua harta tanah diukur pada nilai saksama, dengan apa-apa perubahan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dipindahkan kepada pelaburan harta tanah berikutan perubahan dalam penggunaannya, apa-apa perbezaan yang timbul dari tarikh pindahan antara amaun dibawa sesuatu harta tanah, loji dan peralatan berkenaan sejurus sebelum pindahan dan nilai saksamanya diiktiraf terus ke ekuiti sebagai rizab penilaian semula. Sekiranya lebihan nilai saksama menterbalikkan penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini, lebihan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai saksama ini adalah berdasarkan nilai pasaran, iaitu jumlah anggaran harta tanah tersebut yang boleh ditukar pada tarikh penilaian antara pembeli yang sanggup membeli dan penjual yang sanggup menjual dalam urus niaga tulus. Nilai saksama pelaburan harta tanah ditentukan oleh penilai profesional bebas.

Harta tanah dinyah iktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila pelaburan harta tanah tersebut ditarik balik penggunaannya selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusan berkenaan. Apa-apa keuntungan atau kerugian pada penamatan atau pelupusan sesuatu pelaburan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

**(h) Pelaburan Harta Tanah (sambungan)**

Pelaburan tanah dalam binaan adalah diklasifikasikan sebagai pelaburan harta tanah. Jika nilai saksama harta tanah dalam pembinaan tidak dapat ditentukan dengan tepat, pelaburan harta tanah adalah diukur pada kos sehingga nilai saksama dapat ditentukan atau pembinaan selesai, yang mana yang terdahulu.

**(i) Pajakan**

**(i) Pajakan Kewangan**

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika terdapat perpindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan kepada Kumpulan. Pajakan kewangan adalah dipermodalkan di permulaan pajakan pada nilai saksama aset pajakan atau, yang rendah, pada nilai semasa pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos langsung permulaan adalah ditambah kepada amaun dipermodalkan. Bayaran pajakan adalah diperuntukkan di antara caj kewangan dan pengurangan ke atas liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah yang malar bagi baki liabiliti. Caj kewangan dicaj ke untung atau rugi. Sewaan luar jangka dicaj ke perbelanjaan dalam tempoh ia ditanggung, jika ada.

Aset pajakan disusut nilai sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya. Walau bagaimanapun, jika terdapat ketidakpastian bahawa Kumpulan tidak akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut akan disusut nilai ke atas baki tempoh anggaran jangka hayat kegunaan dan tempoh pajakan.

**(ii) Pajakan Operasi**

Pajakan aset-aset yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajak adalah dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan ke dalam untung atau rugi menggunakan asas kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Faedah insentif agregrat yang diperuntukkan oleh pemberi pajakan diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewaan sepanjang tempoh pajakan menggunakan asas kaedah garis lurus.

**(j) Pembangunan Harta Tanah Dalam Pelaksanaan**

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan terdiri daripada kos tanah dalam pembangunan berserta kos pembangunan yang berkaitan untuk keseluruhan projek dan kos langsung bangunan.

Hasil dan perbelanjaan daripada pembangunan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan kaedah peringkat kesiapan, apabila keputusan kewangan terhadap aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan sempurna. Peringkat kesiapan dikira menggunakan peratusan pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan yang telah ditanggung di atas kerja yang telah dijalankan setakat tarikh berkaitan terhadap jumlah anggaran pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan.

Apabila keputusan kewangan tidak dapat dianggarkan menggunakan dasar yang munasabah, hasil diiktiraf hanya setakat di mana kos yang dijangka dapat diperolehi semula dan kos atas harta tanah yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka di atas projek pembangunan, termasuk kos yang akan ditanggung sepanjang tempoh kecacatan dibayar, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan serta-merta.

Lebihan atau kurangan hasil yang diiktiraf dalam untung atau rugi daripada bil kepada pembeli adalah dikelaskan sebagai bil terakru dalam penghutang atau bil dalam pelaksanaan dalam pemiutang.

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset, di mana ianya diukur mengikut kos dan nilai bersih.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

**(k) Kontrak Pembinaan**

Apabila hasil kontrak dapat dianggarkan secara munasabah, hasil dan kos kontrak akan diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan berdasarkan kaedah peringkat kesiapan. Peringkat kesiapan diukur dengan merujuk kepada jumlah kos kontrak yang dibelanjakan bagi pelaksanaan kerja bagi sesuatu tempoh dan dibahagikan dengan anggaran jumlah kos bagi keseluruhan kontrak.

Apabila hasil kontrak tidak dapat dianggarkan secara munasabah, hasil kontrak diiktiraf hanya terhad kepada kos kontrak yang telah dibelanjakan dan boleh diperolehi semula. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Apabila dianggarkan jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka hendaklah diiktiraf serta-merta sebagai perbelanjaan.

Hasil kontrak terdiri daripada amaun permulaan yang dipersetujui di dalam kontrak dan kontrak kerja tambahan, tuntutan dan bayaran insentif setakat mana yang dianggar akan memberi kesan kepada hasil dan dapat diukur dengan tepat.

Apabila jumlah kos yang dibelanjakan ke atas kontrak dan keuntungan yang diiktiraf (ditolak kerugian yang telah diiktiraf) telah melebihi tuntutan kemajuan, baki tersebut dikategorikan sebagai amaun terhutang daripada pelanggan kontrak. Sekiranya tuntutan kemajuan melebihi kos yang dibelanjakan, dicampur keuntungan yang diiktiraf (ditolak kerugian yang telah diiktiraf), bakinya hendaklah dikategorikan sebagai amaun terhutang kepada pelanggan kontrak.

**(l) Penjejasan Nilai**

**(i) Aset Kewangan**

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai sekuriti dipegang untuk urus niaga, syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu) adalah dinilai pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk nyata penjejasan nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang ada impak ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut.

Kerugian yang dijangkakan akibat daripada peristiwa masa hadapan, walau bagaimana berlaku, adalah tidak diiktiraf.

Untuk pelaburan ekuiti, penurunan dalam nilai saksama daripada kos yang signifikan atau berlanjutan adalah petunjuk nyata penjejasan nilai.

Penjejasan nilai bagi pinjaman dan akaun belum terima, sekuriti dipegang hingga matang adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur dengan mengambil kira perbezaan di antara nilai bawaan aset tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset tersebut. Amaun dibawa aset tersebut dikurangkan dengan menggunakan akaun elaun.

Penjejasan nilai aset kewangan sekuriti sedia untuk dijual adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara kos perolehan aset tersebut dengan nilai saksama semasa aset tersebut tolak penjejasan nilai yang diiktiraf terdahulu. Apabila penurunan nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kerugian kumulatif dalam pendapatan komprehensif lain akan direklasifikasikan dari ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penjejasan nilai instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dibawa pada kos akan diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa aset kewangan yang sama.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (l) Penjejasan Nilai (sambungan)

##### (i) Aset Kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak dipelaraskan semula melalui untung atau rugi pada tahun berikutnya.

##### (ii) Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa untuk aset-aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan bagi mengenalpasti sama ada terdapat tanda-tanda penjejasan nilai.

Jika terdapat tanda-tanda penjejasan nilai, amaun dibawa akan terus disusutkan kepada jumlah diperolehi semula. Penjejasan nilai akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pelarasan semula penjejasan nilai yang diiktiraf pada tahun-tahun terdahulu hanya akan dibuat apabila terdapat tanda-tanda penjejasan nilai aset-aset berkenaan tidak lagi wujud atau telah berkurang. Pelarasan semula hanya diiktiraf setakat amaun dibawa bagi aset-aset berkenaan (ditolak susut nilai) yang telah dikenal pasti tiada penjejasan nilai telah diiktiraf. Semua pelarasan akan dikreditkan ke untung atau rugi.

#### (m) Inventori

Inventori dan kerja dalam pelaksanaan dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, mana yang lebih rendah.

Kos meliputi kos bahan-bahan mentah langsung (dikira mengikut kaedah masuk dulu keluar dulu atau asas purata wajaran), buruh langsung, perbelanjaan langsung dan bahagian tertentu kos overhed pengeluaran. Untuk mendapatkan nilai realisasi bersih, peruntukan dibuat bagi semua barang usang dan kurang laris.

Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam perniagaan biasa, ditolak anggaran kos kesiapan dan anggaran kos yang perlu untuk jualan. Inventori harta siap terdiri daripada kos tanah dan kos pembangunan yang berkaitan.

#### (n) Aset Biologi

Perbelanjaan bagi tanaman baru dan tanaman semula hasil tanaman yang berlainan yang dibelanjakan sehingga tanaman matang adalah dipermodalkan.

Susut nilai dan kos pinjaman luar yang berkaitan dengan pembangunan ladang baru adalah dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos-kos tanaman belum matang yang dipermodalkan. Perbelanjaan tanaman semula yang dibelanjakan ke atas tanaman yang sama dicajkan ke untung atau rugi di dalam tahun ianya berlaku. Perbelanjaan pembangunan tanaman tidak dilunaskan.

#### (o) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi deposit, wang tunai dan baki bank, yang mudah ditukarkan kepada tunai yang mana tertakluk kepada jumlah risiko yang tidak signifikan dalam perubahan nilai. Ini juga termasuk overdraf bank yang merupakan sebahagian daripada pengurusan tunai Kumpulan.

#### (p) Bil Dan Penerimaan Belum Bayar

Bil dan penerimaan belum bayar bagi syarikat subsidiari di dalam sektor bank dan kewangan terdiri daripada bil dan penerimaan yang didiskaunkan semula dan masih belum dijelaskan di pasaran.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

**(q) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos.

**(r) Cukai Pendapatan**

Perbelanjaan cukai bagi tempoh semasa terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai diiktiraf dalam untung atau rugi, kecuali setakat yang ia berkaitan dengan butiran yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang cukai yang digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh pelaporan di mana subsidiari-subsidiari dan cawangan Kumpulan beroperasi dan menjana pendapatan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara yang timbul di antara amaun yang berkait dengan aset dan liabiliti untuk tujuan percukaian dan amaun dibawa dalam penyata kewangan. Bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambilkira jika ianya timbul daripada pengiktirafan permulaan sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi selain daripada sebuah penggabungan perniagaan yang pada masa transaksi tersebut tidak memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian perakaunan mahupun percukaian.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya menjelang akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan diaplikasi apabila aset cukai tertunda berkaitan direalisasi atau liabilti cukai tertunda dilangsaikan.

**(s) Pertukaran Mata Wang**

Penyata kewangan Kumpulan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsian Kumpulan. Semua urus niaga dicatat dalam Ringgit Malaysia. Setiap entiti dalam Kumpulan menentukan mata wang fungsian sendiri dan item-item yang termasuk dalam penyata kewangan bagi setiap entiti diukur menggunakan mata wang fungsian tersebut.

**(i) Urus Niaga dan Baki**

Urus niaga dalam mata wang asing dinilai dalam mata wang fungsian Kumpulan dan direkodkan pada pengiktirafan permulaan dalam mata wang fungsi pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada akhir tempoh pelaporan.

Item bukan kewangan dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh mula urus niaga. Butiran bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian butiran kewangan atau menterjemah butiran kewangan pada akhir tempoh pelaporan diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang diiktiraf permulaannya dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di bawah rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan daripada pelupusan operasi asing.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran ke atas butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam untung atau rugi kecuali perbezaan yang timbul daripada penterjemahan butiran bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (s) Pertukaran Mata Wang (sambungan)

##### (ii) Penyata Kewangan Kumpulan

Untuk tujuan penyatuan, aset dan liabiliti operasi asing diterjemahkan kepada RM pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada akhir tempoh pelaporan dan keuntungan atau kerugian diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Semasa pelupusan operasi asing, komponen pendapatan komprehensif lain yang berkaitan dengan operasi tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### (t) Harta Tanah Dilelong

Harta tanah dilelong adalah dinyatakan pada nilai terendah amaun dibawa dan nilai saksama ditolak kos jualan.

#### (u) Manfaat Kakitangan

##### (i) Manfaat Jangka Pendek

Gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan Kumpulan dan LTAT pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

##### (ii) Pelan Caruman Tetap

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan Kumpulan dan LTAT apabila urus niaga berlaku.

##### (iii) Manfaat Perubatan Selepas Persaraan

Kumpulan dan LTAT telah memperuntukkan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangan-kakitangannya yang telah bersara dan pasangan. Pesara yang dilantik sebagai pegawai kontrak akan menggunakan manfaat ini selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Peruntukan manfaat perubatan ini meliputi kos rawatan sepenuhnya di hospital/klinik Panel dan Kerajaan. Peruntukan ini diiktiraf secara akruan di dalam pendapatan komprehensif lain dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai liabiliti manfaat kakitangan.

Pengiraan amaun tanggungan manfaat perubatan selepas persaraan adalah berdasarkan penilaian tahunan aktuari dengan menganggarkan amaun manfaat yang berhak diterima oleh kakitangan berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh mereka dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Manfaat tersebut ditentukan oleh aktuari menggunakan kaedah Aktuari Unjuran Kredit Unit. Kumpulan dan LTAT mengiktiraf keuntungan atau kerugian aktuari dalam pendapatan komprehensif lain.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

(a) Kadar inflasi terhadap kos rawatan ialah 7% setahun; dan
(b) Kadar diskaun ialah pada 6% setahun.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

**(u) Manfaat Kakitangan (sambungan)**

**(iv) Manfaat Pelan Ganjaran**

Manfaat pelan ganjaran menyediakan sejumlah manfaat yang ditakrifkan melalui gaji dan tempoh perkhidmatan.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

(a) Kadar diskaun ialah 5.1% setahun (2013: 4.9% setahun); dan
(b) Kadar kenaikan gaji ialah 6% setahun.

**(v) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan dividen dari pelaburan saham adalah diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk pembayaran dividen telah dipastikan.

Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila kawalan, risiko signifikan dan pemilikan barangan tersebut dipindahkan kepada pelanggan.

**(w) Geran**

Pemberian geran tahunan yang diterima daripada kerajaan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 23 dan Seksyen 3 (1A) (1994-Seksyen 3A), Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101), adalah diiktiraf atas asas tunai.

Geran yang diterima dibahagikan kepada empat kumpulan wang iaitu:

**(i) Kumpulan Wang Mengurus**

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk tujuan membiayai perbelanjaan operasi dan diambil kira sebagai pendapatan dalam untung atau rugi.

**(ii) Kumpulan Wang Pembangunan Aset Tetap**

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk tujuan membiayai pembelian harta tanah, loji dan peralatan dan dilunaskan dalam tempoh jangka hayat kegunaan harta tanah, loji dan peralatan atau apabila harta tanah, loji dan peralatan dihapus kira.

**(iii) Kumpulan Wang Skim Pinjaman Kakitangan**

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk tujuan membiayai pinjaman kakitangan dan dikreditkan ke kumpulan wang pinjaman kakitangan.

**(iv) Dana Skim Pembiayaan Mikro *Public Private Partnership* (PPP) - Skim Pembiayaan Mikro (SPM) - Usahawan Veteran(UV) - Angkatan Tentera Malaysia (ATM)**

Dana Mikro PPP-SPM-UV-ATM wang ini adalah diterima daripada UKAS (Unit Kerjasama Awam Swasta) di bawah program NBOS 7 (National Blue Ocean Strategy) bagi tujuan pembiayaan pinjaman kepada veteran ATM untuk inisiatif pembangunan usahawan. Penerimaan dana adalah dikreditkan ke akaun Dana Skim Pembiayaan Mikro PPP-SPM-UV-ATM.

## 3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

| Kumpulan | Harta Tanah Milik Bebas | | Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Panjang | | Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Pendek | | Kapal dan Pesawat | Loji & Peralatan Lain | Bangunan Dalam Binaan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tanah RM'000 | Bangunan RM'000 | Tanah RM'000 | Bangunan RM'000 | Tanah RM'000 | Bangunan RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| **2014** | | | | | | | | | | |
| **Kos/Penilaian** | | | | | | | | | | |
| **Baki pada 1 Januari** | **1,028,434** | **1,161,371** | **601,436** | **667,983** | **20,335** | **239,007** | **1,161,186** | **1,623,845** | **224,169** | **6,727,766** |
| Penambahan | **12,275** | **42,488** | **163,147** | **184,617** | **-** | **-** | **-** | **73,546** | **189,010** | **665,083** |
| Penjualan/Pelarasan/Pelupusan | **(2,207)** | **(706)** | **(3,418)** | **(14,546)** | **-** | **(166)** | **-** | **(37,215)** | **(7,751)** | **(66,009)** |
| Pindah ke pelaburan harta tanah (Nota 6) | **-** | **-** | **(1,395)** | **(980)** | **-** | **-** | **-** | **7,536** | **(11,216)** | **(6,055)** |
| Pindah dari sewa pajak tanah prabayaran (Nota 7) | **-** | **-** | **6,152** | **-** | **-** | **-** | **-** | **-** | **-** | **6,152** |
| Pindah ke aset-aset tidak ketara (Nota 9) | **-** | **-** | **-** | **-** | **-** | **-** | **-** | **(5,438)** | **(1,751)** | **(7,189)** |
| Pindah dari aset biologi (Nota 4) | **-** | **678** | **-** | **100** | **-** | **-** | **-** | **-** | **-** | **778** |
| Pengambilalihan syarikati sub subsidiari (Nota 48) | **-** | **-** | **-** | **7,930** | **-** | **8,373** | **-** | **61,711** | **(2)** | **78,012** |
Operasi BHB, PCMSB dan BRMSB adalah dibiayai oleh aliran tunai dari operasi dan pinjaman-pinjaman di dalam Ringgit Malaysia. Polisi kepada risiko ini adalah untuk memperolehi profil kadar faedah yang wajar melalui penggabungan kemudahan perbankan yang berkadar tetap dan berubah.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 43. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

### Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

#### (ii) Risiko kadar faedah (sambungan)

| Kumpulan | Amaun dibawa RM'000 | Kurang dari 1 tahun RM'000 |
|---|---|---|
| **2014** | | |
| **Deposit** | **323,406** | **323,406** |
| **Wang Tunai dan Baki Bank** | **242,708** | **242,708** |
| 2013 | | |
| Deposit | 53,550 | 53,550 |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 405,718 | 405,718 |

#### (iii) Risiko kredit

Pendedahan kepada risiko kredit dikawal dengan usaha melaburkan aset-aset tunai di dalam pelaburan yang terjamin dan menguntungkan. Risiko kredit juga dikawal dengan menetapkan had kredit, mendapatkan jaminan bank di mana sesuai dan memastikan bahawa jualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan yang hanya mempunyai sejarah kredit yang bersesuaian dan melaksanakan semakan berkala ke atas kedudukan kewangan pelanggan. BHB, PCMSB dan BRMSB beranggapan tiada kerugian risiko kredit yang matan yang dijangkakan terbit daripada kemungkinan kegagalan pelanggan menjelaskan hutang.

#### (iv) Risiko pasaran

Untuk pembelian produk utama, PCMSB menetapkan paras-paras harga tetap dan berubah yang wajar dan di mana sesuai, mendapatkan bekalan fizikal bagi mencapai paras-paras harga tersebut.

#### (v) Risiko pertukaran mata wang

BHB adalah terdedah kepada risiko mata wang asing disebabkan aktiviti-akitiviti operasi biasanya, luaran dan antara subsidiari BHB di mana mata wang denominasi berbeza dengan mata wang tempatan, Ringgit Malaysia (RM). Polisi BHB adalah untuk meminimumkan pendedahan operasi subsidiari-subsidiari/ aktiviti-aktiviti luar negara kepada risiko transaksi dengan memadankan hasil mata wang tempatan ke atas perbelanjaan mata wang tempatan. Mata wang-mata wang yang menyebabkan tertimbulnya risiko ini terutamanya ialah Dolar AS dan Euro. Pendedahan terhadap pertukaran asing sentiasa dipastikan berada pada tahap yang boleh diterima.

PCMSB adalah terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing. Bagi mengurangkan pendedahan risiko ini, PCMSB mengambil tindakan memasuki kontrak-kontrak pertukaran mata wang asing hadapan.

### (h) Affin Holdings Berhad (AHB)

AHB telah menetapkan objektif dan polisi untuk mengurus risiko yang timbul ke atas instrumen-instrumen kewangan. Rangka kerja dan polisi-polisi pengurusan risiko AHB adalah berpandukan kepada objektif-objektif khusus untuk memastikan polisi-polisi pengurusan risiko yang komprehensif dan mencukupi ditetapkan untuk menangani elemen-elemen risiko-risiko utama dalam operasi. Penentuan objektif pengurusan risiko kewangan secara menyeluruh adalah konsisten dan sejajar dengan strategi untuk mewujud dan meningkatkan nilai pemegang-pemegang saham dengan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh dan berhemat.

Dalam mencapai objektif untuk mendapat pulangan maksimum bagi pemegang-pemegang saham, Lembaga Pengarah AHB bertanggungjawab untuk mengenal pasti elemen-elemen risiko dalam operasinya. Dengan pelbagai risiko yang dihadapi, terutamanya dalam operasi perbankan, penekanan diberikan kepada pentingnya pengurusan risiko yang mempunyai mekanisma yang jelas, komprehensif dengan strategi-strategi bagi mengenal pasti, mengawasi, mengurus dan mengawal faktor-faktor risiko yang relevan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 43. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

**Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)**

**(h) Affin Holdings Berhad (AHB) (sambungan)**

**(i) Risiko pasaran**

Risiko pasaran ialah risiko kerugian kepada kedudukan portfolio AHB yang timbul daripada pergerakan dalam harga pasaran. Objektif pengurusan risiko pasaran AHB adalah untuk memastikan risiko pasaran ini dikenal pasti, diukur, dikawal, diurus dan dilaporkan dengan sewajarnya.

Pendedahan AHB kepada risiko pasaran berpunca terutama daripada risiko kadar faedah dan risiko kadar pertukaran asing. Risiko kadar faedah timbul daripada perbezaan masa antara tempoh matang atau penilaian semula aset, liabiliti dan derivatif. AHB juga terdedah kepada risiko asas di mana terdapat ketidaksepadanan antara perubahan harga lindung nilai dan perubahan harga aset yang dilindung nilai. Risiko kadar pertukaran asing timbul apabila kedudukan milikan dan kehendak pelanggan tidak dilindung nilai.

**(ii) Risiko kredit**

Risiko kredit adalah kemungkinan kerugian kewangan akibat kegagalan pelanggan atau pihak lain untuk menyelesaikan obligasi kewangan dan kontrak kepada Kumpulan. Risiko kredit berpunca terutamanya daripada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, komitmen pinjaman yang timbul daripada aktiviti pinjaman itu, dan juga melalui transaksi kewangan dengan pihak lain termasuk aktiviti pasaran wang antara bank, instrumen derivatif yang digunakan untuk perlindungan nilai dan sekuriti hutang.

Pengurusan risiko kredit adalah ditadbir oleh satu set polisi kredit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kelulusan pihak-pihak berkaitan adalah diwakilkan kepada Pengurusan Senior dan Jawatankuasa Pengurusan Pinjaman Kumpulan untuk melaksanakan polisi kredit dan memastikan piawaian pemberian kredit yang kukuh.

Pengurusan Risiko Kumpulan (‘GRM’) berfungsi dengan aliran laporan langsung kepada Lembaga Jawatankuasa Pengurusan Risiko (‘BRMC’) diadakan untuk memastikan aliran pematuhan piawaian risiko dan disiplin. Laporan Pengurusan Portfolio risiko adalah dihantar secara kerap kepada BRMC.

Garis Panduan pinjaman dan strategi kredit digubal dan dimasukkan dalam Pelan Kredit Tahunan. Perniagaan-perniagaan baru tertakluk dengan kriteria penerimaan risiko dan piawaian-piawaian kelayakan kriteria/kecergasan pelanggan yang ditetapkan dalam Pelan Kredit. Pelan Kredit dikaji semula sekurang-kurangnya setahun sekali dan diluluskan oleh BRMC.

**(iii) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko semasa dan prospektif untuk pendapatan atau modal yang timbul dari ketidakmampuan pihak bank untuk menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya. Risiko kecairan termasuk ketidakupayaan untuk menguruskan pengurangan secara tiba-tiba atau perubahan dalam peruntukan sumber. Risiko kecairan juga timbul daripada kegagalan untuk menyedari perubahan dalam keadaan pasaran yang menjejaskan keupayaan untuk mencairkan aset-aset dengan cepat dan dengan sedikit kerugian nilai.

Pengurusan risiko kecairan secara asasnya diuruskan oleh Kumpulan. Objektif pengurusan risiko kecairan adalah untuk memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi untuk memenuhi obligasi kontrak dan undang-undang tanpa menanggung kerugian yang tidak boleh diterima serta untuk menjalankan urus niaga yang baru. Proses pengurusan kecairan Kumpulan melibatkan pengwujudan polisi-polisi dan had-had pengurusan risiko kecairan, pemantauan had-had risiko kecairan, ujian tekanan dan pengwujudan pelan pembiayaan luar jangka. Pengurusan risiko kecairan ini adalah tertakluk kepada pemerhatian berkala untuk memastikan kesesuaian dengan keadaan pasaran semasa yang relevan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 43. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

**Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)**

**(h) Affin Holdings Berhad (AHB) (sambungan)**

**(iii) Risiko kecairan (sambungan)**

Pemantauan kecairan dilaksanakan melalui unjuran kontrak dan tingkah laku aliran tunai, yang dibina daripada Rangka Kerja Kecairan BNM ('LF'). Rangka Kerja Kecairan memastikan keadaan kecairan berdasarkan kontrak dan tingkah laku-aliran tunai aset-aset, liabiliti dan komitmen luar kunci kira-kira, dengan mengambil kira nilai boleh realisasi tunai aset-aset mudah tunai yang layak. Rangka Kerja Kecairan ini juga disokong oleh nisbah menunjukkan struktur pembiayaan bank untuk memantau pergantungan pada sumber-sumber pembiayaan yang tertentu. Aset cair melebihi keperluan kawal selia akan dikekalkan bagi kontigensi sekiranya berlaku krisis kecairan.

Kumpulan menggunakan petunjuk risiko kecairan sebagai amaran awal mengenai sebarang perubahan struktur pengurusan risiko kecairan. Risiko kecairan dikesan menggunakan petunjuk kualitatif dan kuantitatif dalaman dan luaran. Kedudukan mudah tunai dalam mata wang-mata wang utama diawasi ketat dengan mengesan kewujudan pembiayaan mata wang asing dari jangka pendek hingga jangka panjang dan mematuhi prinsip-prinsip bagi ciptaan aset mata wang asing.

**Basel III Piawaian Kecairan**

Jawatankuasa Basel membangunkan Nisbah Perlindungan Kecairan (LCR) dan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih ('NSFR') dengan matlamat untuk memperkukuhkan daya tahan sistem perbankan. LCR dan NSFR dikaji setiap bulan untuk penilaian jangka pendek dan jangka panjang profil risiko kecairan bank subsidiari-subsidiari.

BRMC dipertanggungjawab untuk polisi kecairan kumpulan walaupun pengurusan strategik kecairan telah ditugaskan kepada ALCO. BRMC juga memaklumkan secara tetap keadaan kecairan dalam Kumpulan.

Analisis profil kematangan liabiliti kewangan AHB berdasarkan aliran tunai tidak terdiskaun berkontrak adalah seperti di jadual berikut:

| AHB | Amaun dibawa RM'000 | Kurang dari 1 tahun RM'000 | Antara 1 - 5 tahun RM'000 |
|---|---|---|---|
| **2014** | | | |
| **Pemiutang** | **1,289,080** | **1,150,476** | **138,604** |
| 2013 | | | |
| Pemiutang | 1,044,322 | 1,027,583 | 16,739 |

**(iv) Risiko operasi**

Risiko operasi adalah risiko kerugian akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, tindakan ke atas atau oleh pihak lain, infrastruktur atau teknologi atau peristiwa di luar jangka bank yang memberi kesan operasi, termasuk bencana alam, aktiviti penipuan dan pengubahan wang haram/pembiayaan keganasan.

Kumpulan menguruskan risiko operasi melalui persekitaran terkawal di mana dasar-dasar dan prosedur digubal setelah mengambil kira aktiviti setiap unit perniagaan, pasaran di mana ia beroperasi dan keperluan kawalan dikuatkuasakan.

Kumpulan menerima pakai Pendekatan Petunjuk Asas bagi tujuan pengiraan keperluan modal bagi risiko operasi. Keperluan modal dikira dengan mengambil 15% daripada purata pendapatan kasar tahunan bank di dalam tempoh tiga tahun sebelumnya.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 43. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

**Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)**

**(h) Affin Holdings Berhad (AHB) (sambungan)**

**(iv) Risiko operasi (sambungan)**

Risiko ditakrifkan melalui penggunaan alat penilaian dan diukur menggunakan had yang dipetakan terhadap matriks risiko. Prosedur pemantauan dan kawalan adalah termasuk penggunaan piawaian utama kawalan, pengesanan bebas risiko, prosedur sokongan dan rancangan luar jangka termasuk pelan pemulihan bencana dan kesinambungan pelan perniagaan. Ini disokong oleh kajian semula berkala yang dijalankan oleh Audit Dalaman Kumpulan bagi memastikan proses Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan adalah cukup dan berkesan.

Kumpulan bertindak untuk mengumpul, menganalisa dan melaporkan risiko kerugian operasi dan peristiwa nyaris kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan dan Lembaga Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Tindakan pencegahan dan pemulihan yang bersesuaian akan dikaji bagi keberkesanan dan dilaksanakan untuk mengurangkan berulangnya peristiwa tersebut.

Sebagai satu keperluan, semua Penyelaras Risiko Operasi mesti memenuhi Program Persijilan Risiko Operasi Dalaman (termasuk anti penggubahan wang haram/pembiayaan keganasan dan pengurusan kesinambungan perniagaan). Para penyelaras ini akan melalui satu latihan pembelajaran sendiri dalam talian untuk mengukur tahap kemahiran dan tahap pengetahuan mereka. Ini akan membolehkan Pengurusan Risiko Kumpulan untuk menetapkan aktiviti latihan dan pembangunan yang sesuai bagi penyelaras-penyelaras ini.

**(v) Risiko kadar faedah**

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti AHB dikategorikan berdasarkan kontrak penilaian harga semula atau tempoh kematangan, yang mana lebih awal. Jurang di luar penyata kedudukan kewangan menunjukkan komitmen dan luar jangkaan yang sensitif terhadap kadar faedah.

| AHB | Amaun dibawa RM'000 | Kurang dari 1 tahun RM'000 | Antara 1 - 5 tahun RM'000 | Tidak sensitif faedah RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | |
| **Deposit** | **2,215,242** | **145,000** | **235,000** | **1,835,242** |
| **Wang Tunai dan Baki Bank** | **7,360,588** | **7,196,416** | **-** | **164,172** |
| 2013 | | | | |
| Deposit | 2,013,729 | 357,639 | 105,000 | 1,551,090 |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 9,331,374 | 9,111,505 | - | 219,869 |

## 44. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA

**a) Penentuan nilai saksama**

Instrumen kewangan merangkumi aset dan liabiliti kewangan. Nilai saksama adalah harga yang akan diterima dari penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusniaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Anggaran nilai saksama instrumen kewangan adalah menghampiri amaun dibawa masing-masing seperti ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan kecuali daripada aset kewangan dan liabiliti kewangan berikut:

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 44. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA (sambungan)

### a) Penentuan nilai saksama (sambungan)

| Kumpulan | Nota | Amaun Dibawa RM'000 | Nilai Saksama Tahap 1 RM'000 | Tahap 2 RM'000 | Tahap 3 RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | | | |
| **Aset Kewangan** | | | | | | |
| Sekuriti dipegang hingga matang | **14** | **652,501** | **-** | **649,709** | **-** | **649,709** |
| Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | **16** | **40,454,897** | **-** | **40,207,095** | **-** | **40,207,095** |
| **Liabiliti Kewangan** | | | | | | |
| Deposit dari pelanggan | **29** | **49,587,268** | **-** | **50,605,254** | **-** | **50,605,254** |
| Deposit dari bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain | **29** | **5,367,803** | **-** | **5,367,441** | **-** | **5,367,441** |
| Obligasi rekursa atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad | **30** | **139,147** | **-** | **140,764** | **-** | **140,764** |
| Pinjaman | **29** | **972,458** | **-** | **973,634** | **-** | **973,634** |
| 2013 | | | | | | |
| Aset Kewangan | | | | | | |
| Sekuriti dipegang hingga matang | 14 | 624,033 | - | 619,407 | - | 619,407 |
| Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | 16 | 36,871,566 | - | 36,613,829 | - | 36,613,829 |
| Liabiliti Kewangan | | | | | | |
| Deposit dari pelanggan | 29 | 46,376,101 | - | 47,288,110 | - | 47,288,110 |
| Deposit dari bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain | 29 | 3,983,912 | - | 3,984,399 | - | 3,984,399 |
| Obligasi rekursa atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad | 30 | 397,790 | - | 406,113 | - | 406,113 |
| Pinjaman | 29 | 972,432 | - | 973,177 | - | 973,177 |

### (b) Hierarki nilai saksama

Aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama pada tarikh pelaporan dianalisis mengikut tahap dalam hierarki nilai saksama seperti berikut:

| | Tahap 1 RM'000 | Tahap 2 RM'000 | Tahap 3 RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | |
| **Kumpulan** | | | | |
| **Aset kewangan** | | | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | | | | |
| - disebut harga | **2,199,553** | **-** | **-** | **2,199,553** |
| - tidak disebut harga | **-** | **-** | **437,693** | **437,693** |
| - lain-lain | **92,434** | **12,249,836** | **147,564** | **12,489,834** |
| Sekuriti dipegang untuk urus niaga | **200,870** | **163,877** | **-** | **364,747** |
| Aset derivatif | **-** | **170,635** | **-** | **170,635** |
| | **2,492,857** | **12,584,348** | **585,257** | **15,662,462** |
| **Aset bukan kewangan** | | | | |
| Pelaburan harta tanah | **-** | **1,500,378** | **575,921** | **2,076,299** |
| **Liabiliti kewangan** | | | | |
| Liabiliti derivatif | **-** | **326,105** | **-** | **326,105** |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 44. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA (sambungan)

### (b) Hierarki nilai saksama (sambungan)

| | Tahap 1 RM'000 | Tahap 2 RM'000 | Tahap 3 RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| LTAT | | | | |
| **Aset Kewangan** | | | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | | | | |
| - disebut harga | **1,992,184** | **-** | **-** | **1,992,184** |
| - tidak disebut harga | **-** | **-** | **257,855** | **257,855** |
| Sekuriti dipegang untuk urus niaga | **181,967** | **-** | **-** | **181,967** |
| | **2,174,151** | **-** | **257,855** | **2,432,006** |
| **Aset bukan kewangan** | | | | |
| Pelaburan harta tanah | **-** | **-** | **420,000** | **420,000** |
| 2013 | | | | |
| Kumpulan | | | | |
| Aset Kewangan | | | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | | | | |
| - disebut harga | 2,054,681 | - | 130,729 | 2,185,410 |
| - tidak disebut harga | - | - | 504,695 | 504,695 |
| - lain-lain | - | 8,625,099 | - | 8,625,099 |
| Sekuriti dipegang untuk urus niaga | 173,934 | 149,575 | - | 323,509 |
| Aset derivatif | - | 59,014 | - | 59,014 |
| | 2,228,615 | 8,833,688 | 635,424 | 11,697,727 |
| Aset bukan kewangan | | | | |
| Pelaburan harta tanah | - | 964,050 | 899,275 | 1,863,325 |
| Liabiliti kewangan | | | | |
| Liabiliti derivatif | - | 93,973 | - | 93,973 |
| LTAT | | | | |
| Aset Kewangan | | | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | | | | |
| - disebut harga | 1,995,649 | - | - | 1,995,649 |
| - tidak disebut harga | - | - | 234,379 | 234,379 |
| Sekuriti dipegang untuk urus niaga | 173,934 | - | - | 173,934 |
| | 2,169,583 | - | 234,379 | 2,403,962 |
| Aset bukan kewangan | | | | |
| Pelaburan harta tanah | - | - | 410,880 | 410,880 |

Pada tarikh pelaporan, aset kewangan yang diukur dengan teknik-teknik penilaian menggunakan input yang tidak boleh diperhatikan dengan ketara (Tahap 3) termasuk saham tidak disebut harga.

Bagi kepentingan anggaran, Kumpulan dan LTAT menggunakan pendekatan yang terkini berdasarkan metodologi seperti aliran tunai terdiskaun dan aset ketara bersih yang diluluskan untuk penilaian nilai saksama. Pelarasan ini menunjukkan nilai-nilai anggaran yang digunakan oleh Kumpulan dan LTAT bagi penilaian yang dihasilkan berdasarkan ketidaktentuan dalam input adalah sesuai.

Pelaburan harta tanah dinilai semula berdasarkan penilaian profesional bebas yang menggunakan pasaran terbuka sebagai asas penilaian. Penilaian dilaksanakan oleh penilai bebas bertauliah yang mengambilkira pengalaman dari segi lokasi dan kategori harta tanah yang dinilai. Perubahan pada nilai harta tanah pada Tahap 3 dianalisis secara tahunan apabila laporan penilaian dari penilai bebas diperolehi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 45. OBLIGASI PAJAKAN OPERASI

Kumpulan sebagai Pemajak

Pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| Tidak melebihi 1 tahun | **2,733** | 42,486 |
| Melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun | **12,130** | 22,015 |
| Melebihi 5 tahun | **14,490** | 16,905 |
| | **29,353** | 81,406 |

Kumpulan dan LTAT sebagai Pemberi Pajak

Kumpulan dan LTAT telah memeterai pajakan harta tanah komersial bagi pelaburan harta tanah. Pajakan tidak boleh dibatalkan ini mempunyai baki tempoh pajakan di antara satu hingga enam tahun. Semua pajakan memasukkan klausa yang membolehkan penyemakan semula ke atas caj sewa apabila pembaharuan pajakan dibuat berdasarkan keadaan pasaran semasa.

Jumlah pembayaran pajakan minimum pada masa hadapan di bawah pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| Tidak melebihi 1 tahun | **110,683** | 96,023 | **25,509** | 27,238 |
| Melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun | **103,980** | 81,259 | **9,309** | 34,818 |
| | **214,663** | 177,282 | **34,818** | 62,056 |

## 46. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN

Urus niaga penting antara pihak berkaitan yang berlaku adalah seperti berikut:

| | | Kumpulan/LTAT | |
|---|---|---|---|
| | | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| **a)** | **Urus niaga dengan Syarikat Subsidiari/Perbadanan** | | |
| | **i) Pendapatan** | | |
| | Faedah daripada deposit dan pasaran wang | **12,186** | 20,904 |
| | Keuntungan dari deposit jangka pendek dan pasaran wang Perbankan Islam | **102** | 62 |
| | Faedah dari Nota Jangka Pertengahan | **18,970** | 18,970 |
| | Keuntungan dari Junior Sukuk Musharakah | **4,638** | - |
| | Faedah dari pendahuluan kepada PPHM | **3,795** | 2,533 |
| | Sewaan | **705** | 658 |
| | Dividen diterima | **336,100** | 317,832 |
| | Keuntungan penjualan saham | **306,037** | 109,407 |
| | | **682,533** | 470,366 |
| | **ii) Perbelanjaan** | | |
| | Yuran pengurusan dan penyenggaraan bangunan | **3,463** | 2,969 |
| | Yuran pengurusan ke atas pengurusan portfolio | **294** | 128 |
| | Komisen atas jualan Taman LTAT, Bukit Jalil | **-** | 74 |
| | Perkhidmatan multimedia | **93** | 242 |
| | | **3,850** | 3,413 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 46. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN (sambungan)

| | Kumpulan/LTAT | |
|---|---|---|
| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| **iii) Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari** | | |
| Pendahuluan kepada PPHM | **57,640** | 74,640 |
| Penjualan saham | **7,190** | 42,790 |
| Faedah daripada deposit dan pasaran wang | **285** | 2,004 |
| Keuntungan dari deposit jangka pendek dan pasaran wang Perbankan Islam | **-** | 57 |
| Faedah dari Nota Jangka Pertengahan | **3,326** | 3,326 |
| Faedah dari pendahuluan kepada PPHM | **7,473** | 3,678 |
| Keuntungan terakru Junior Sukuk Musharakah | **63** | - |
| Dividen diterima | **51,849** | 55,149 |
| Pengurusan portfolio | **1,373** | 4,564 |
| | **129,199** | 186,208 |
| **iv) Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari** | | |
| Penyenggaraan bangunan | **897** | 1,434 |
| Pembelian saham | **137,961** | 17,501 |
| Projek Taman LTAT, Bukit Jalil | **5,328** | 5,453 |
| Deposit dan jaminan | **251** | 251 |
| Yuran pengurusan portfolio | **1,182** | 840 |
| Pelbagai | **85** | 11 |
| | **145,704** | 25,490 |

**(b) Urus niaga dengan Kerajaan Malaysia**

**Boustead Holdings Berhad**

i) Pada 7 September 2012, syarikat subsidiari Boustead Holdings Berhad telah menerima surat lantikan daripada Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) untuk membekal dan menghantar alat ganti, perkhidmatan penyelenggaraan dan latihan bagi skuadron frigate ke-23 Tentera Laut Diraja Malaysia pada nilai kontrak berjumlah RM70 juta untuk tempoh 3 tahun dari tarikh penerimaan lantikan tersebut. Pendapatan agregat diiktiraf bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM13 juta (2013: RM5 juta).

Pada 16 Disember 2011, syarikat sub-subsidiari telah menerima surat lantikan daripada KEMENTAH untuk mereka bentuk, membina, melengkap, memasang, mengintegrasi, uji cuba dan menyerahkan 6 unit *"Second Generation Patrol Vessels Littoral Combat Ships (Frigate Class)"* (LCS ) pada kontrak bernilai RM9 bilion. Pendapatan agregat diiktiraf berdasarkan surat lantikan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM999 juta (2013: RM1,527 juta).

Pada 2 Disember 2009, syarikat subsidiari telah menandatangani kontrak dengan KEMENTAH untuk menyediakan Perkhidmatan Program Tambahan Hayat bagi Corvette Kelas Kasturi (KD Kasturi dan KD Lekir) pada nilai kontrak RM704 juta. Pendapatan agregat diiktiraf bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM132 juta (2013: RM85 juta).

ii) Pada 16 Mac 2011, syarikat subsidiari telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tempoh sepuluh tahun berakhir pada 30 November 2019 bagi hak dan kuasa untuk membeli, menyimpan, membekal dan mengedar produk yang diluluskan (ubat dan bukan ubat yang diluluskan oleh KKM) kepada pelanggan sektor awam seperti hospital kerajaan, pejabat kesihatan, klinik kesihatan, klinik pergigian atau mana-mana institusi kesihatan atau yang seumpamanya di Malaysia yang dikendalikan dan dikawal oleh KKM dan seperti yang ditetapkan oleh KKM dari masa ke semasa. Pendapatan agregat diiktiraf bagi tahun berjumlah RM1,732 juta (2013: RM1,443 juta).

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 47. PERKARA-PERKARA PENTING

### a) Buroi Mining Sdn Bhd

LTAT telah membeli saham Buroi Mining Sdn Bhd (Buroi) pada bulan Oktober 2007 berjumlah RM55 juta dari Encik Ling Lee Soon (LLS) iaitu pemegang saham dalam syarikat tersebut selepas kajian dibuat bagi menentukan sama ada syarikat ini berdaya maju dan mampu memberikan pulangan. Berdasarkan kontrak, LLS hendaklah membeli balik *(buy-back)* saham tersebut sekiranya perjanjian bekalan arang batu tidak ditandatangani oleh Buroi dengan pemilik janakuasa *(Metading Power Plant)* yang terletak di Mukah, Sarawak. Oleh kerana perjanjian bekalan arang batu itu tidak ditandatangani, LTAT telah memfailkan tuntutan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengarahkan LLS membeli balik saham-saham tersebut pada harga kos pelaburan sebanyak RM55 juta.

Pada 18 Ogos 2014, pihak Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan LLS sebagai defendan dikehendaki membayar kepada LTAT sebagai plaintif sejumlah RM55 juta, bayaran faedah 5% setahun bermula pada 18 Ogos 2014 sehingga pembayaran penuh dijelaskan dan kos perundangan berjumlah RM0.15 juta. Pihak defendan telah mengemukakan rayuan untuk membuat pembayaran secara ansuran tetapi tidak diterima oleh LTAT. Sehingga kini, LTAT belum menerima sebarang bayaran balik. Oleh itu, LTAT telah memutuskan untuk memfailkan tindakan bankrupsi terhadap LLS. Jumlah faedah 5% setahun bermula pada 18 Ogos 2014 sehingga 31 Disember 2014 sebanyak RM1.02 juta.

### b) ATES Sdn Bhd dan Beta Tegap Sdn Bhd

LTAT bersetuju untuk mengambil alih Projek Penguatkuasaan Secara Automatik (AES) di Malaysia dengan melanggan sebanyak 50% ekuiti di dalam IRAT Properties Sdn Bhd bersamaan dengan 57,370,892 unit saham biasa. IRAT Properties Sdn Bhd adalah syarikat yang memiliki 100% ekuiti di dalam ATES Sdn Bhd dan Beta Tegap Sdn Bhd iaitu syarikat operator projek AES. Baki 50% di dalam IRAT Properties Sdn Bhd dipegang oleh Boustead Holdings Berhad.

### c) Ascendsys Holdings Sdn Bhd

LTAT telah bersetuju untuk melanggan 25,000,000 Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus (RCPS) dengan kadar dividen 6.5% dalam Ascendsys Holdings Sdn Bhd pada harga terbitan RM1.00 bagi setiap RCPS dengan kos pelaburan berjumlah RM25 juta tertakluk kepada:

i. LTAT menerima dokumen pengesahan daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk membayar balik semua bayaran yang belum dijelaskan,
ii. Wang langganan LTAT akan digunakan untuk pembiayaan modal syarikat, dan
iii. Syarikat itu akan disenaraikan di pasaran ACE pada tahun 2015.

Sehingga 31 Disember 2014, Ascendsys sedang dalam proses penyediaan cadangan penyenaraian di Bursa Malaysia dan perjanjian langganan RCPS antara LTAT dan Ascendsys akan dimuktamadkan dalam tahun 2015.

### d) Cadangan pemindahan dan pembangunan semula Pangkalan TUDM di Butterworth, Seberang Perai Utara

Konsortium di antara LTAT, TSR Capital dan Pembinaan Bukit Timah Sdn Bhd telah mewujudkan sebuah syarikat usaha sama baru di bawah nama LTP Wibawa Sdn Bhd (LWSB) bagi melaksanakan cadangan pemindahan dan pembangunan semula pangkalan TUDM Butterworth Seberang Perai Utara.

Pangkalan udara baru yang dicadangkan akan dibina di atas tanah seluas kira-kira 1,047 ekar tanah yang terletak di Mukim 13 Daerah Utara, Pulau Pinang iaitu kira-kira 15 km dari pangkalan TUDM sedia ada di Butterworth, Pulau Pinang.

LWSB akan mempunyai modal berbayar sebanyak RM400 juta yang akan dipanggil dari pemegang saham dalam tempoh lebih dari 6 tahun. Sehingga kini modal berbayar LWSB adalah RM0.40 juta dan LTAT telah membuat pelaburan sebanyak RM0.12 juta mengikut pegangan LTAT sebanyak 30% di dalam LWSB.

Perjanjian Pengambilan Tanah di antara Kerajaan Malaysia dan Syarikat Harta & Tanah Sdn Bhd dan LTP Wibawa Sdn Bhd mengenai pengambilan tanah sedang dimuktamadkan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 47. PERKARA-PERKARA PENTING (sambungan)

### e) LTAT Surian Tower 2 Mutiara Damansara

Panel Pelaburan 3/2014 di dalam mesyuaratnya pada 22 September 2014 telah bersetuju untuk membeli bangunan Surian Tower 2 di Mutiara Damansara daripada Mutiara Rini Sdn Bhd pada harga RM317.55 juta. Perjanjian Jual Beli dijangka akan dimuktamadkan dalam tahun 2015.

### f) Perpindahan Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL)

LTAT telah menandatangani Perjanjian Memorandum dengan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) bertarikh 11 Februari 2015, di mana LTAT bersetuju memberi pendahuluan berjumlah RM150 juta kepada PPHM untuk modal kerja bagi pelaksanaan Projek Perpindahan Kemudahan Pangkalan Udara Sungai Besi Kuala Lumpur (PUKL).

Setakat 11 Mei 2015, LTAT telah membuat pembayaran pendahuluan secara berperingkat kepada PPHM berjumlah RM97 juta.

### g) Jendela Hikmat Sdn Bhd (JHSB)

LTAT telah menandatangani Perjanjian Langganan bertarikh 11 Ogos 2008 untuk melanggan 100,000,000 unit saham keutamaan bernilai RM100 juta dengan kadar dividen 10% setahun untuk tempoh masa 5 tahun. Saham keutamaan ini boleh ditebus semula oleh JHSB sebelum atau pada 31 Julai 2013.

Sehingga kini JHSB belum dapat membayar dividen dan menebus saham keutamaan kerana pindah milik tanah hanya dibuat di dalam tahun 2013.

JHSB akan dapat menjana pendapatan apabila tanah tersebut dibangunkan setelah 'Master Plan' diperolehi. Pada masa yang sama syarikat sedang mempertimbangkan menjual sebahagian tanah yang dipegang. Nilai pasaran tanah milik JHSB (tanpa kelulusan Master Plan) adalah dianggarkan RM1 billion atau bersamaan RM25.50 sesaham. Syarikat menganggarkan nilai tanah milik syarikat akan meningkat setelah kelulusan 'Master Plan' diperolehi.

## 48. PENGAMBILALIHAN

**Pengambilalihan syarikat sub subsidiari**

Kesan pengambilalihan aset dan liabiliti syarikat sub subsidiari adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| Harta tanah, loji dan peralatan (Nota 3) | **(25,356)** | (817,878) |
| Aset biologi (Nota 4) | **-** | (502,169) |
| Sewa pajak prabayaran (Nota 7) | **(1,503)** | - |
| Aset-aset tidak ketara | **(230,229)** | - |
| Aset cukai tertunda (Nota 15) | **(1,289)** | - |
| Syarikat-syarikat bersekutu | **(6,892)** | - |
| Sekuriti sedia untuk dijual | **(1,456,498)** | - |
| Sekuriti dipegang hingga matang | **(304,602)** | - |
| Pinjaman dan akaun belum terima | **(873,936)** | - |
| Inventori | **(4,869)** | - |
| Sekuriti dipegang untuk urus niaga | **(116,788)** | (3,584) |
| Aset derivatif | **(21,869)** | - |
| Deposit | **(53,140)** | - |
| Wang tunai dan baki bank | **(1,156,821)** | (21,500) |
| Jumlah Aset | **(4,253,792)** | (1,345,131) |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 48. PENGAMBILALIHAN (sambungan)

**Pengambilalihan syarikat sub subsidiari (sambungan)**

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| Pinjaman jangka panjang | **5,000** | 90,000 |
| Liabiliti cukai tertunda (Nota 15) | **5,648** | - |
| Pinjaman | **2,509,988** | - |
| Pemiutang | **543,898** | 209,352 |
| Liabiliti derivatif | **28,575** | - |
| Cukai | **3,312** | - |
| Jumlah Liabiliti | **3,096,421** | 299,352 |
| Peruntukan nilai saksama aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diambil alih | **(1,157,371)** | (1,045,779) |
| Kepentingan bukan mengawal | **41,557** | - |
| Nilai saksama aset bersih berkaitan dengan kepentingan dahulunya dipegang | **7,809** | - |
| Muhibah | **(436,074)** | - |
| Jumlah kos atas pengambilalihan | **(1,544,079)** | (1,045,779) |
| Deposit dibayar pada tahun sebelumnya | **4,505** | - |
| Tunai dan kesetaraan tunai diambil alih | **1,156,821** | 21,500 |
| Penebusan unit terpilih (SUR) dibayar kepada pemegang unit syarikat subsidiari | **-** | 564,321 |
| Amaun dibawa Kumpulan ke atas pelaburan di dalam syarikat subsidiari | **-** | 481,458 |
| Aliran tunai (keluar)/masuk bersih atas pengambilalihan | **(382,753)** | 21,500 |

## 49. PENDEDAHAN KEUNTUNGAN DIREALISASI DAN BELUM DIREALISASI

Pecahan keuntungan terkumpul pada tarikh pelaporan Kumpulan dan LTAT kepada keuntungan direalisasi dan belum direlisasi adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | LTAT | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
| Jumlah keuntungan terkumpul LTAT, Perbadanan dan syarikat-syarikat subsidiari | | | | |
| - direalisasi | **5,143,650** | 4,755,132 | **343,477** | 325,981 |
| - belum direalisasi | **632,704** | 449,364 | **66,049** | 91,693 |
| | **5,776,354** | 5,204,496 | **409,526** | 417,674 |
| Jumlah bahagian pendapatan terkumpul syarikat-syarikat bersekutu | | | | |
| - direalisasi | **1,076,232** | 946,510 | **-** | - |
| - belum direalisasi | **79,747** | 67,197 | **-** | - |
| Jumlah bahagian pendapatan terkumpul pelaburan dalam usaha sama | | | | |
| - direalisasi | **(13,758)** | (19,690) | **-** | - |
| - belum direalisasi | **(1,080)** | 4,610 | **-** | - |
| | **6,917,495** | 6,203,123 | **409,526** | 417,674 |
| Pelarasan penyatuan | **(5,320,460)** | (3,571,542) | **-** | - |
| | **1,597,035** | 2,631,581 | **409,526** | 417,674 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 50. ANGKA PERBANDINGAN

Persembahan dan klasifikasi item-item tertentu di dalam penyata kewangan ini telah diubah suai. Angka-angka perbandingan bagi item-item tersebut telah dikelaskan semula sejajar dengan tahun semasa.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
# Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Penyata Kedudukan Kewangan | 136 |
| Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain | 137 |
| Penyata Perubahan Ekuiti | 138 |
| Penyata Aliran Tunai | 139 |
| Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan | 140 |




# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
Pada 31 Disember 2014

| | Nota | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Harta tanah, loji dan peralatan | 3 | **89,057** | 93,045 |
| Pembangunan harta tanah | 4 | **529,933** | 462,091 |
| Pelaburan harta tanah | 5 | **420,372** | 411,252 |
| Syarikat-syarikat subsidiari | 6 | **3,991,855** | 3,018,226 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | 7 | **219,219** | 277,802 |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 8 | **2,538,427** | 2,479,434 |
| Pinjaman dan akaun belum terima | 9 | **421,000** | 271,000 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **8,209,863** | 7,012,850 |
| **Aset Semasa** | | | |
| Pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan | 10 | **87,150** | 64,979 |
| Sekuriti dipegang untuk urus niaga | 11 | **181,967** | 173,934 |
| Pinjaman dan akaun belum terima | 9 | **278,071** | 848,394 |
| Deposit | 12 | **546,847** | 1,100,767 |
| Wang tunai dan baki bank | | **14,598** | 16,843 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **1,108,633** | 2,204,917 |
| **JUMLAH ASET** | | **9,318,496** | 9,217,767 |
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | |
| **Ekuiti** | | | |
| Akaun caruman ahli | 13 | **8,685,370** | 8,279,749 |
| Kumpulan wang rizab | 14 | **173,708** | 165,595 |
| Rizab sekuriti sedia untuk dijual | | **(385,748)** | 7,448 |
| Rizab penilaian semula aset | | **10,509** | 10,509 |
| Keuntungan terkumpul | | **409,526** | 417,674 |
| **Jumlah Ekuiti** | | **8,893,365** | 8,880,975 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Liabiliti manfaat kakitangan | 15 | **60,661** | 59,319 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | **60,661** | 59,319 |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Peruntukan faedah unit amanah | 16 | **195,678** | 211,411 |
| Pemiutang | 17 | **168,792** | 66,062 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **364,470** | 277,473 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **425,131** | 336,792 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **9,318,496** | 9,217,767 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
|---|---|---|---|
| Pendapatan | 18 | **1,004,490** | 951,159 |
| Pendapatan-pendapatan lain | 19 | **10,975** | 10,266 |
| **Jumlah pendapatan bagi tahun** | | **1,015,465** | 961,425 |
| (Kerugian)/Keuntungan nilai saksama bersih sekuriti dipegang untuk urus niaga | 20 | **(34,324)** | 5,529 |
| Penjejasan nilai saham | 21 | **(69,037)** | (48,685) |
| Penjejasan nilai penghutang | | **(222)** | - |
| Perbelanjaan kakitangan | 22 | **(40,719)** | (40,582) |
| Perbelanjaan operasi | 23 | **(22,682)** | (21,083) |
| Susut nilai | | **(5,239)** | (5,090) |
| **Untung sebelum cukai dan zakat** | | **843,242** | 851,514 |
| Cukai dan Zakat | 24 | **(66)** | (566) |
| **Untung bersih bagi tahun** | | **843,176** | 850,948 |
| **Pendapatan komprehensif lain** | | | |
| Item tidak akan dikelas semula ke untung atau rugi | | | |
| Pengukuran semula manfaat perubatan selepas persaraan | | **-** | (11,709) |
| Obligasi manfaat ditentukan - Pelan ganjaran | | **-** | (25,774) |
| Pengukuran semula obligasi manfaat ditentukan - Pelan ganjaran | | **410** | - |
| | | **410** | (37,483) |
| Item mungkin/akan dikelas semula ke untung atau rugi | | | |
| (Kerugian)/Keuntungan bersih ke atas sekuriti sedia untuk dijual | | | |
| - Perubahan ke atas nilai saksama | | **(333,554)** | 224,173 |
| - Pindah ke untung atau rugi atas jualan | | **(68,812)** | (134,061) |
| - Kerugian terkumpul dikelaskan semula ke untung atau rugi | | **9,170** | - |
| | | **(393,196)** | 90,112 |
| **Pendapatan komprehensif lain bagi tahun** | | **(392,786)** | 52,629 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | | **450,390** | 903,577 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Akaun Caruman Ahli RM'000 | Kumpulan Wang Rizab RM'000 | Rizab Sekuriti Sedia Untuk Dijual RM'000 | Rizab Penilaian Semula Aset RM'000 | Keuntungan Terkumpul RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | | | | |
| **Baki pada 1 Januari** | | **8,279,749** | **165,595** | **7,448** | **10,509** | **417,674** | **8,880,975** |
| Untung atau rugi bagi tahun | | **-** | **-** | **-** | **-** | **843,176** | **843,176** |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | **-** | **-** | **(393,196)** | **-** | **410** | **(392,786)** |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | | **-** | **-** | **(393,196)** | **-** | **843,586** | **450,390** |
| **Transaksi dengan ekuiti pemilik** | | | | | | | |
| Pengasingan ke akaun dormant | | **(2,327)** | **-** | **-** | **-** | **-** | **(2,327)** |
| Pembayaran kepada tentera/bekas tentera (sumbangan 'one off') | | **-** | **-** | **-** | **-** | **(1,250)** | **(1,250)** |
| Pindah dari keuntungan terkumpul | | **-** | **8,113** | **-** | **-** | **(8,113)** | **-** |
| Pelarasan caruman | **25** | **(153)** | **-** | **-** | **-** | **-** | **(153)** |
| Pelarasan unit amanah | | **-** | **-** | **-** | **-** | **5** | **5** |
| Caruman diterima pada tahun | | **770,358** | **-** | **-** | **-** | **-** | **770,358** |
| Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran | | **566,335** | **-** | **-** | **-** | **(566,335)** | **-** |
| Bonus pada kadar 1% pada tahun | | **73,083** | **-** | **-** | **-** | **(73,083)** | **-** |
| Pengeluaran caruman pada tahun | | **(982,890)** | **-** | **-** | **-** | **-** | **(982,890)** |
| Pengeluaran perumahan pada tahun | | **(18,785)** | **-** | **-** | **-** | **-** | **(18,785)** |
| Faedah unit amanah pada kadar 7% pada tahun | | **-** | **-** | **-** | **-** | **(195,678)** | **(195,678)** |
| Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya | | **-** | **-** | **-** | **-** | **(7,280)** | **(7,280)** |
| **Jumlah transaksi dengan ekuiti pemilik** | | **405,621** | **8,113** | **-** | **-** | **(851,734)** | **(438,000)** |
| **Baki pada 31 Disember** | | **8,685,370** | **173,708** | **(385,748)** | **10,509** | **409,526** | **8,893,365** |
| 2013 | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari | | 7,767,246 | 155,345 | (82,664) | 10,509 | 480,827 | 8,331,263 |
| Untung atau rugi bagi tahun | | - | - | - | - | 850,948 | 850,948 |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | - | - | 90,112 | - | (37,483) | 52,629 |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun | | - | - | 90,112 | - | 813,465 | 903,577 |
| Transaksi dengan ekuiti pemilik | | | | | | | |
| Pengasingan ke akaun dormant | | (2,963) | - | - | - | - | (2,963) |
| Pembayaran kepada bekas tentera tidak berpencen (sumbangan 'one off') | | - | - | - | - | (42,196) | (42,196) |
| Pindah dari keuntungan terkumpul | | - | 10,250 | - | - | (10,250) | - |
| Pelarasan caruman | 25 | 275 | - | - | - | 382 | 657 |
| Pelarasan unit amanah | | - | - | - | - | 80 | 80 |
| Caruman diterima pada tahun | | 747,666 | - | - | - | - | 747,666 |
| Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran | | 537,357 | - | - | - | (537,357) | - |
| Bonus pada kadar 1% pada tahun | | 69,549 | - | - | - | (69,549) | - |
| Pengeluaran caruman pada tahun | | (825,159) | - | - | - | - | (825,159) |
| Pengeluaran perumahan pada tahun | | (14,222) | - | - | - | - | (14,222) |
| Faedah unit amanah pada kadar 8% pada tahun | | - | - | - | - | (211,411) | (211,411) |
| Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya | | - | - | - | - | (6,317) | (6,317) |
| Jumlah transaksi dengan ekuiti pemilik | | 512,503 | 10,250 | - | - | (876,618) | (353,865) |
| Baki pada 31 Disember | | 8,279,749 | 165,595 | 7,448 | 10,509 | 417,674 | 8,880,975 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
|---|---|---|---|
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Operasi** | | | |
| Penerimaan tunai dari geran | | **62,950** | 45,646 |
| Penerimaan tunai daripada pelanggan | | **4,046** | 3,927 |
| Penerimaan pendahuluan dari kerajaan untuk pembangunan Kuarters Kerajaan | | **26,048** | - |
| Penerimaan sewaan | | **734** | 744 |
| Bayaran tunai kepada kakitangan | | **(41,877)** | (33,427) |
| Bayaran tunai kepada pembekal | | **(23,861)** | (28,419) |
| Penerimaan dari/(Pendahuluan) kepada PPHM | | **17,000** | (57,640) |
| Tunai janaan dari/(digunakan untuk) aktiviti operasi | | **45,040** | (69,169) |
| Bayaran faedah unit amanah | | **(211,411)** | (196,928) |
| Bayaran di bawah skim faedah kematian & hilang upaya | | **(7,109)** | (6,100) |
| Bayaran geran kepada PERHEBAT | | **(62,950)** | (45,646) |
| Bayaran manfaat kakitangan | | **(4,534)** | (608) |
| Bayaran kepada bekas tentera tidak berpencen (sumbangan 'one off') | | **-** | (42,197) |
| Bayaran pendahuluan kepada PPHM untuk pembangunan Kuarters Kerajaan | | **(21,307)** | - |
| Bayaran zakat | | **(378)** | (2,044) |
| Tunai bersih digunakan untuk aktiviti-aktiviti operasi | | **(262,649)** | (362,692) |
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Pelaburan** | | | |
| Pembelian harta tanah, loji dan peralatan | | **(1,647)** | (5,155) |
| Pembelian pembangunan harta tanah | | **(65,267)** | (327,243) |
| Pelaburan harta tanah | | **(401)** | (144) |
| Pembelian syarikat-syarikat subsidiari | | **(289,403)** | - |
| Pelaburan tambahan dalam syarikat-syarikat subsidiari | | **(811,967)** | (74,656) |
| Pembelian syarikat-syarikat bersekutu | | **(120)** | - |
| Pelaburan tambahan dalam syarikat-syarikat bersekutu | | **-** | (175) |
| Pembelian sekuriti sedia untuk dijual | | **(2,308,836)** | (4,187,853) |
| Pemulangan modal saham sekuriti sedia untuk dijual | | **83** | 5,824 |
| Pelaburan dalam sekuriti dipegang untuk urusniaga | | **(7,022)** | (13,825) |
| Pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan | | **(17,910)** | (12,935) |
| Penerimaan faedah dan keuntungan | | **51,954** | 49,668 |
| Penjualan harta tanah, loji dan peralatan | | **26** | - |
| Penjualan pembangunan harta tanah | | **278,923** | 258,082 |
| Penjualan syarikat-syarikat subsidiari | | **530,474** | 166,517 |
| Penjualan syarikat-syarikat bersekutu | | **-** | 114 |
| Penjualan sekuriti sedia untuk dijual | | **2,202,126** | 4,062,222 |
| Dividen diterima daripada syarikat-syarikat subsidiari | | **336,100** | 312,774 |
| Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu | | **46,895** | 31,044 |
| Dividen diterima daripada sekuriti sedia untuk dijual | | **68,467** | 71,891 |
| Pembelian Junior Sukuk Musharakah | | **(150,000)** | - |
| Pendapatan lain dari syarikat-syarikat bersekutu | | **267** | 39 |
| Penerimaan sewaan daripada pelaburan harta tanah | | **22,365** | 24,175 |
| Bayaran balik kredit cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri | | **59,854** | - |
| Tunai bersih (digunakan untuk)/ dari aktiviti-aktiviti pelaburan | | **(55,039)** | 360,364 |
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan** | | | |
| Penerimaan caruman ahli | | **770,698** | 748,026 |
| Pengeluaran caruman ahli | | **(1,009,175)** | (842,552) |
| Tunai bersih digunakan untuk aktiviti-aktiviti pembiayaan | | **(238,477)** | (94,526) |
| **Pengurangan bersih tunai dan kesetaraan tunai** | | **(556,165)** | (96,854) |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari** | | **1,117,610** | 1,214,464 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember** | 26 | **561,445** | 1,117,610 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen. Pejabat berdaftar adalah di Tingkat 12, Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, Peti Surat 11542, 50748 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengikut Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) adalah bagi mentadbir dan melabur kumpulan wang caruman anggota-anggota Angkatan Tentera Lain-Lain Pangkat yang mencarum secara wajib dan Pegawai Angkatan Tentera dan Anggota Kerahan Angkatan Sukarela yang mencarum secara sukarela. Aktiviti ini meliputi proses mengumpul, mengurus dan melabur dana wang caruman dalam pembangunan harta tanah (nota 4), pelaburan harta tanah (nota 5), syarikat-syarikat subsidiari (nota 6), syarikat-syarikat bersekutu (nota 7), sekuriti sedia untuk dijual (nota 8), pinjaman dan akaun belum terima (nota 9), pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan (nota 10), sekuriti dipegang untuk urus niaga (nota 11) dan deposit (nota 12).

LTAT juga melaksanakan program-program latihan peralihan bagi anggota Angkatan Tentera yang akan atau yang telah bersara.

Bilangan keseluruhan pegawai dan kakitangan LTAT setakat 31 Disember 2014 ialah 266 orang (31 Disember 2013 : 258 orang).

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

### 2.1 Asas Penyediaan

#### (a) Pernyataan Pematuhan

Penyata kewangan adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) yang diluluskan dan diterima pakai di Malaysia bagi entiti selain daripada entiti swasta yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Pada 19 November 2011, MASB telah mengumumkan rangka kerja perakaunan baru yang diluluskan iaitu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja MFRS).

Pada 2 September 2014, MASB telah mengumumkan *Transitioning Entities* dikehendaki untuk menerima pakai Rangka Kerja Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) bagi tahun kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. *Transitioning Entities* terdiri daripada entiti-entiti yang berada di bawah skop MFRS 141: Pertanian dan/atau *IC Interpretation* 15: Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah termasuk syarikat induk, pelabur utama dan syarikat usaha sama. Secara amnya, *Transitioning Entities* adalah entiti yang terlibat di dalam industri perladangan dan pertanian yang telah diberi pilihan untuk terus menerima pakai Rangka Kerja Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS).

LTAT yang berada di bawah skop *Transitioning Entities* memilih untuk menerima pakai rangka kerja MFRS bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Apabila LTAT membentangkan penyata kewangan MFRS kali pertama pada 1 Januari 2017, LTAT dikehendaki menyatakan semula penyata kewangan perbandingan bagi menunjukkan kesan menerima pakai rangka kerja MFRS. Pelarasan semasa peralihan perlu dibuat secara retrospektif ke atas baki mula keuntungan terkumpul.

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai oleh LTAT dalam penyata kewangan ini adalah konsisten dengan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kecuali penerimaan pakai FRS baharu dan pindaan yang berkuat kuasa bagi penyata kewangan mulai 1 Januari 2014 seperti berikut:

- Pindaan kepada FRS 10 Penyata Kewangan yang Disatukan - Entiti-Entiti Pelaburan.
- Pindaan kepada FRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-Entiti Lain.
- Pindaan kepada FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan - Entiti-Entiti Pelaburan.
- Pindaan kepada FRS 132 Pembentangan Instrumen Kewangan - Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan.
- Pindaan kepada FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan - Tarikh mandatori FRS 9 dan Peralihan Pendedahan.
- Pindaan kepada FRS 136 Penjejasan Nilai Aset: Pendedahan Jumlah Yang Boleh Diperolehi Untuk Aset Bukan Kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

#### (a) Pernyataan Pematuhan (sambungan)

- Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran: Pembaharuan Derivatif dan Penerusan Perakaunan Lindung Nilai.

Penerimaan pakai FRS baharu atau pindaan tidak memberi kesan kepada kedudukan penyata kewangan LTAT.

#### (b) Piawaian yang Dikeluarkan Tapi Belum Berkuat Kuasa

LTAT tidak menerima pakai FRS baharu dan pindaan yang belum berkuat kuasa:

| | Tarikh Berkuat Kuasa |
|---|---|
| - Pindaan kepada FRS 119 Pelan Manfaat: Sumbangan Kakitangan | 1 Julai 2014 |
| - Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran FRSs 2010-2012 | 1 Julai 2014 |
| - Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran FRSs 2011-2013 | 1 Julai 2014 |
| - Pindaan kepada FRS 11 Perakaunan bagi Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama. | 1 Januari 2016 |
| - Pindaan kepada FRS 116 dan FRS 138 Penjelasan Kaedah Yang Diterima Pakai Bagi Susut Nilai Dan Pelunasan | 1 Januari 2016 |
| - FRS 9 Instrumen Kewangan (2014) | 1 Januari 2018 |

#### (c) Asas Pengukuran

Penyata kewangan LTAT telah disediakan mengikut kelaziman kos kecuali untuk harta tanah tertentu dan instrumen kewangan yang diukur pada amaun penilaian semula atau nilai saksama pada akhir setiap tempoh pelaporan seperti yang dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

#### (d) Penggunaan Pertimbangan dan Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan LTAT memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Andaian utama berkaitan dengan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran pada akhir setiap tempoh pelaporan yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang seperti di bawah:

##### (i) Penjejasan Nilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan

LTAT mengkaji semula amaun dibawa bagi harta tanah, loji dan peralatan pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, jumlah aset boleh diperolehi semula atau nilai kegunaan dianggarkan. Menentukan nilai kegunaan bagi harta tanah, loji dan peralatan memerlukan penentuan aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana daripada penggunaan berterusan dan pelupusan aset tersebut. Penyediaan anggaran aliran tunai masa hadapan melibatkan pertimbangan dan anggaran yang signifikan. Walau bagaimanapun, LTAT percaya bahawa andaian yang wajar dan munasabah, perubahan yang signifikan dalam andaian boleh memberi kesan ke atas penilaian jumlah yang boleh diperolehi dan boleh membawa kepada caj penjejasan nilai masa hadapan. Sebarang penjejasan nilai yang terhasil mungkin memberi kesan buruk ke atas kedudukan kewangan dan operasi LTAT.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

#### (d) Penggunaan Pertimbangan dan Anggaran (sambungan)

##### (ii) Penjejasan Nilai Pinjaman dan Akaun Belum Terima

LTAT menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti nyata bahawa aset kewangan telah terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti nyata penjejasan nilai, LTAT mempertimbangkan faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang dan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti nyata penjejasan nilai, jumlah dan aliran tunai masa hadapan dianggar berdasarkan kerugian masa lalu untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang sama.

##### (iii) Pembangunan Harta Tanah

LTAT mengiktiraf pendapatan dan perbelanjaan pembangunan harta tanah dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah peringkat kesiapan. Peringkat kesiapan diukur merujuk kepada pembahagian kos pembangunan harta tanah yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah kos pembangunan harta tanah yang dianggarkan.

Pertimbangan signifikan diperlukan dalam menentukan peringkat kesiapan, tahap kos pembangunan harta tanah yang ditanggung, jumlah pendapatan pembangunan harta tanah dan kos yang dianggarkan, dan juga pulangan bagi kos pembangunan harta tanah. Dalam membuat pertimbangan, LTAT menilai berdasarkan pengalaman lepas dan juga bergantung kepada kerja pakar.

##### (iv) Penjejasan Nilai Pelaburan Ekuiti

Untuk pelaburan ekuiti, penurunan dalam nilai saksama daripada kos yang signifikan dan berlanjutan adalah petunjuk nyata penjejasan nilai. Pertimbangan pengurusan diperlukan untuk menilai tempoh dan jangka masa selagi nilai saksama pelaburan ekuiti adalah di bawah kos.

##### (v) Anggaran Nilai Saksama Aset Kewangan

Untuk aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, yang nilai saksama tidak boleh diperoleh daripada pasaran aktif, nilai saksama ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. LTAT secara amnya menggunakan teknik penilaian yang diiktiraf secara meluas dengan input yang dapat dilihat di pasaran, pertimbangan diperlukan sekiranya data dapat dilihat di pasaran tidak diperolehi.

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

#### (a) Syarikat-Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat (termasuk entiti berstruktur) di mana LTAT mempunyai kawalan. Kawalan dicapai apabila LTAT mempunyai kuasa ke atas syarikat penerima pelaburan, terdedah kepada, atau berhak, atas pulangan boleh ubah daripada penglibatan dengan syarikat penerima pelaburan dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan terhadap pulangan menerusi kuasanya ke atas syarikat penerima pelaburan.

LTAT menilai semula sama ada ia mengawal syarikat penerima pelaburan sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan yang dinyatakan.

Apabila LTAT mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi tetapi mempunyai hak yang mencukupi untuk memberikannya keupayaan yang praktikal untuk mengarahkan aktiviti berkenaan secara unilateral, LTAT mempertimbangkan semua fakta dan keadaan dalam menilai sama ada hak mengundi LTAT memberikan kuasa, termasuk:

- saiz pegangan hak mengundi LTAT berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain;

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (a) Syarikat-Syarikat Subsidiari (sambungan)

- potensi hak mengundi yang dipegang oleh LTAT, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- hak yang timbul daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- sebarang fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa LTAT mempunyai atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti berkaitan pada ketika keputusan perlu dibuat, termasuk corak pengundian pada mesyuarat pemegang saham yang lepas.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak penjejasan nilai.

#### (b) Syarikat-Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu ditakrifkan sebagai syarikat di mana LTAT mempunyai pengaruh signifikan. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan-keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat-syarikat bersekutu tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos setelah ditolak penjejasan nilai.

#### (c) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah dikategorikan dan diukur dengan menggunakan dasar perakaunan seperti berikut:

##### (i) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran

Instrumen kewangan adalah diiktiraf pada penyata kedudukan kewangan apabila, dan apabila sahaja LTAT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Instrumen kewangan pada permulaan diiktiraf pada nilai saksama campur kos transaksi kecuali aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi, yang diiktirafkan pada nilai saksama.

Pembelian dan penjualan pelaburan adalah diiktiraf atau dinyah iktiraf pada tarikh urus niaga, tarikh LTAT membeli atau menjual aset tersebut.

##### (ii) Kategori dan Pengukuran

Instrumen kewangan LTAT adalah dikategorikan seperti berikut:

**Aset Kewangan**

**1) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama ke Untung atau Rugi**

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi sekiranya ia dipegang untuk urus niaga atau ditentukan pada pengiktirafan awal.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dinyatakan pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

**2) Pinjaman dan Akaun Belum Terima**

Pinjaman dan akaun belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Aset kewangan yang dikelaskan dalam kategori ini termasuk tunai dan baki dengan bank-bank, pinjaman dan pendahuluan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (c) Instrumen Kewangan (sambungan)

##### (ii) Kategori dan Pengukuran (sambungan)

**2) Pinjaman dan Akaun Belum Terima (sambungan)**

Pinjaman dan akaun belum terima diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif, ditolak penjejasan nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan akaun belum terima tidak lagi diiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan akaun belum terima dikelaskan sebagai aset semasa, kecuali yang mempunyai tarikh matang melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan dikelaskan sebagai aset bukan semasa.

**3) Sekuriti Sedia Untuk Dijual**

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual dan tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori lain aset kewangan.

Aset kewangan di bawah kategori sedia untuk dijual diukur pada nilai saksama dan keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Sekuriti sedia untuk dijual dinyatakan pada nilai saksama kecuali apabila tiada harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak dapat diukur dengan tepat adalah diukur pada kos. Dalam ketiadaan harga pasaran yang boleh dilihat, teknik penilaian akan digunakan.

Semua aset kewangan kecuali sekuriti dipegang untuk urus niaga adalah tertakluk kepada penilaian penjejasan nilai.

**Liabiliti Kewangan**

Semua liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi adalah dinilai berikutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

##### (iii) Amalan Biasa Pembelian atau Penjualan Aset Kewangan

Amalan biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak di mana terma memerlukan penghantaran aset dalam jangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran tersebut.

Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan adalah diiktiraf atau dinyah iktiraf, di mana yang sesuai dengan perakaunan tarikh niaga. Perakaunan tarikh niaga merujuk kepada:

a) Pengiktirafan aset belum diterima dan liabiliti belum dibayar pada tarikh niaga; dan
b) Aset yang dijual, pengiktirafan untung atau rugi, pelupusan dan pengiktirafan penerima daripada pembeli untuk pembayaran pada tarikh niaga.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (c) Instrumen Kewangan (sambungan)

##### (iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tidak lagi wujud atau aset kewangan tersebut telah dipindahkan kepada pihak yang lain tanpa memegang kawalan atau risiko dan pampasan hak milik telah dipindah sejumlah yang signifikan. Apabila aset kewangan telah dinyah iktiraf keseluruhannya, perbezaan di antara amaun dibawa dengan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang diiktiraf ke ekuiti akan diiktirafkan ke dalam untung atau rugi.

#### (d) Pengukuran Nilai Saksama

LTAT mengukur instrumen kewangan dan aset bukan kewangan seperti pelaburan harta tanah, pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima dari penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi penjualan aset tersebut atau memindahkan liabiliti sama ada:

- di pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- jika tiada pasaran yang utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau paling menguntungkan mestilah boleh diakses oleh LTAT.

Peserta pasaran akan menggunakan nilai saksama bagi aset atau liabiliti bagi menetapkan harga aset atau liabiliti, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset dengan baik atau menjual kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara terbaik.

LTAT menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan di mana data adalah mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak dapat dilihat.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan seperti berikut:

- Tahap 1 : Harga pasaran disebut harga tidak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- Tahap 2 : Selain daripada harga pasaran disebut harga yang dilihat sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3 : Input yang tidak dapat dilihat untuk aset dan liabiliti.

Bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, LTAT menentukan sama ada pemindahan telah berlaku antara tahap dalam hierarki dengan pengkategorian nilai semula (berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (e) Harta Tanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua butiran harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos. Kos-kos berikutnya adalah dimasukkan dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, seperti sewajarnya, hanya apabila kemungkinan manfaat-manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan butiran tersebut akan masuk ke dalam LTAT dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj ke untung atau rugi apabila ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan awal, harta tanah, loji dan peralatan selain daripada tanah milik bebas dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang penjejasan nilai terkumpul.

LTAT tidak menerima pakai polisi penilaian tetap dan telah menggunakan peruntukan peralihan IAS 16 (semakan) harta tanah, loji dan peralatan yang membenarkan aset-aset dinyatakan pada penilaian semasa tolak susut nilai terkumpul. Penilaian yang telah ditentukan oleh penilai profesional bebas adalah berdasarkan pasaran terbuka.

Sebarang lebihan daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan diambil kira di dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula aset kecuali, sekiranya ia merupakan pembalikan kepada lebihan penilaian bagi aset yang sama yang telah dicaj ke untung atau rugi sebelumnya.

Susut nilai terkumpul akan dihapuskan daripada amaun dibawa dan dinyatakan pada nilai saksama. Lebihan daripada penilaian semula sesuatu aset yang diambil kira di dalam rizab penilaian semula aset akan dipindahkan ke dalam keuntungan terkumpul sekiranya aset tersebut dilupus atau dijual.

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat kegunaan yang tidak terhad dan tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajak jangka panjang dilunaskan sepanjang jangka masa pajakan. Bangunan dalam binaan tidak disusutnilaikan memandangkan aset tersebut belum sedia untuk diguna. Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada baki nilai sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | |
| - Milik bebas | 2% |
| - Pegangan pajak jangka panjang | 2% - 20% |
| Loji dan peralatan lain | 20% |

Amaun dibawa, jangka hayat kegunaan dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran sebelum ini dan jangkaan corak penggunaan manfaat-manfaat ekonomi masa hadapan yang terangkum dalam butiran harta tanah, loji dan peralatan tersebut.

Sesuatu butiran harta tanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi pada masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih jika ada, dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

Susut nilai pada tahun hanya dikira bagi harta tanah, loji dan peralatan yang dibeli sebelum 1 Julai. Susut nilai bagi pembelian selepas 30 Jun akan disusut nilai pada tahun berikutnya. Harta tanah, loji dan peralatan dengan nilai belian kurang dari RM1,000 per unit akan dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

#### (f) Pembangunan Harta Tanah

Pembangunan harta tanah merupakan tanah di mana tiada aktiviti dilaksanakan. Pembangunan harta tanah dinyatakan pada kos ditolak sebarang penjejasan nilai terkumpul.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

**(g) Pelaburan Harta Tanah**

Pelaburan harta tanah adalah harta tanah yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau bagi penambahan nilai modal atau kedua-duanya. Harta tanah yang disewakan kepada syarikat-syarikat subsidiari LTAT untuk menjalankan operasi perniagaan diambil kira sebagai diduduki sendiri dan bukan pelaburan harta tanah.

LTAT telah menerima pakai kaedah nilai saksama dalam mengukur pelaburan harta tanah. Pelaburan harta tanah diukur pada permulaanya pada kos, termasuk kos urus niaga. Lanjutan daripada pengiktirafan permulaan, semua harta tanah diukur pada nilai saksama, dengan apa-apa perubahan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dipindahkan kepada pelaburan harta tanah berikutan daripada perubahan dalam penggunaannya, apa-apa perbezaan yang timbul dari tarikh pindahan antara amaun dibawa sesuatu harta tanah, loji dan peralatan berkenaan sejurus sebelum pindahan dan nilai saksamanya diiktiraf dalam untung atau rugi. Sekiranya lebihan nilai saksama menterbalikkan penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini, lebihan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Bagi pelaburan harta tanah, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi menggunakan aset secara terbaik atau dengan menjual kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset ini secara terbaik. Nilai saksama pelaburan harta tanah ditentukan oleh penilai profesional bebas.

Pelaburan harta tanah dinyah iktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila pelaburan harta tanah tersebut ditarik balik daripada digunakan secara kekal dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusan berkenaan.Sebarang keuntungan atau kerugian ke atas penamatan atau pelupusan sesuatu pelaburan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatan atau pelupusan dibuat.

Pelaburan harta tanah dalam binaan adalah diklasifikasikan sebagai pelaburan harta tanah. Jika nilai saksama pelaburan harta tanah dalam binaan tidak dapat ditentukan dengan tepat, pelaburan harta tanah adalah diukur pada kos sehingga nilai saksama dapat ditentukan atau pembinaan selesai, yang mana yang terdahulu.

**(h) Pajakan**

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika terdapat perpindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Harta tanah sewa pajak jangka panjang merupakan pajakan kewangan dan diklasifikasikan dalam harta tanah, loji dan peralatan.

**(i) Penjejasan Nilai**

**(1) Aset Kewangan**

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai sekuriti dipegang untuk urus niaga, syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu) adalah dinilai pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk nyata penjejasan nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang ada impak ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut.

Kerugian yang dijangkakan akibat daripada peristiwa masa hadapan, walau bagaimana berlaku, adalah tidak diiktiraf.

Untuk pelaburan ekuiti, penurunan dalam nilai saksama daripada kos yang signifikan atau berlanjutan adalah petunjuk nyata penjejasan nilai.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

#### (i) Penjejasan Nilai (sambungan)

##### (1) Aset Kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai bagi pinjaman dan akaun belum terima adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur dengan mengambil kira perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset tersebut. Amaun dibawa aset tersebut dikurangkan dengan menggunakan akaun elaun.

Penjejasan nilai aset kewangan sekuriti sedia untuk dijual adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara kos perolehan aset tersebut dengan nilai saksama semasa aset tersebut tolak penjejasan nilai yang diiktiraf terdahulu. Apabila penurunan nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kerugian kumulatif dalam pendapatan komprehensif lain akan direklasifikasikan dari ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penjejasan nilai instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dibawa pada kos akan diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa aset kewangan yang sama.

Penjejasan nilai yang diiktiraf dalam untung atau rugi bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak dipelaraskan semula melalui untung atau rugi.

##### (2) Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa untuk aset-aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan bagi mengenal pasti sama ada terdapat tanda-tanda penjejasan nilai.

Jika terdapat tanda-tanda penjejasan nilai, amaun dibawa akan terus disusutkan kepada nilai diperolehi semula. Penjejasan nilai akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pelarasan semula penjejasan nilai yang diiktiraf pada tahun-tahun terdahulu hanya akan dibuat apabila terdapat tanda-tanda penjejasan nilai aset-aset berkenaan tidak lagi wujud atau telah berkurang. Pelarasan semula hanya diiktiraf setakat amaun dibawa bagi aset-aset berkenaan (ditolak susut nilai) yang telah dikenal pasti tiada penjejasan nilai telah diiktiraf. Semua pelarasan akan dikreditkan ke untung atau rugi.

#### (j) Pembangunan Harta Tanah Dalam Pelaksanaan

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan terdiri daripada kos tanah dalam pembangunan berserta kos pembangunan yang berkaitan untuk keseluruhan projek dan kos langsung bangunan.

Hasil dan perbelanjaan daripada pembangunan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan kaedah peringkat kesiapan, apabila keputusan kewangan terhadap aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan sempurna. Peringkat kesiapan dikira menggunakan peratusan pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan yang telah ditanggung di atas kerja yang telah dijalankan setakat tarikh berkaitan terhadap jumlah anggaran pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan.

Apabila keputusan kewangan tidak dapat dianggarkan menggunakan dasar yang munasabah, hasil diiktiraf hanya setakat di mana kos yang dijangka dapat diperolehi semula dan kos atas harta tanah yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka di atas projek pembangunan, termasuk kos yang akan ditanggung sepanjang tempoh kecacatan, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan serta-merta.

Lebihan atau kurangan hasil yang diiktiraf dalam untung atau rugi daripada bil kepada pembeli adalah dikelaskan sebagai bil terakru dalam penghutang atau bil dalam pelaksanaan dalam pemiutang.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

**(j) Pembangunan Harta Tanah Dalam Pelaksanaan (sambungan)**

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset, di mana ianya diukur pada kos dan nilai realisasi bersih, mana yang lebih rendah.

**(k) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai mengandungi deposit, wang tunai dan baki bank yang mudah alih tunai dan tertakluk kepada jumlah risiko tidak ketara semasa perubahan nilai.

**(l) Pemiutang**

Pemiutang adalah dinyatakan pada kos.

**(m) Mata Wang Asing**

Urus niaga dalam mata wang asing diiktiraf pada kadar pertukaran yang lazim pada tarikh urus niaga.

Pada setiap akhir tempoh pelaporan, butiran kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh tersebut.

Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul, jika ada diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain apabila berlaku.

**(n) Manfaat Kakitangan**

**(i) Manfaat Jangka Pendek**

Gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan LTAT pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

**(ii) Pelan Caruman Tetap**

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan LTAT apabila berlaku.

**(iii) Manfaat Perubatan Selepas Persaraan**

LTAT telah memperuntukkan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangan-kakitangannya yang telah bersara dan pasangan. Pesara yang dilantik sebagai pegawai kontrak akan menggunakan manfaat ini selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Peruntukan manfaat perubatan ini meliputi kos rawatan sepenuhnya di hospital/klinik Panel dan Kerajaan. Peruntukan ini diiktiraf secara akruan di dalam pendapatan komprehensif lain dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai liabiliti manfaat kakitangan.

Pengiraan amaun tanggungan manfaat perubatan selepas persaraan adalah berdasarkan penilaian tahunan aktuari dengan menganggarkan amaun manfaat yang berhak diterima oleh kakitangan berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh mereka dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Manfaat tersebut ditentukan oleh aktuari menggunakan kaedah Aktuari Unjuran Kredit Unit. LTAT mengiktiraf keuntungan atau kerugian aktuari dalam pendapatan komprehensif lain.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

**(n) Manfaat Kakitangan (sambungan)**

**(iii) Manfaat Perubatan Selepas Persaraan (sambungan)**

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

(a) Kadar inflasi terhadap kos rawatan ialah 7% setahun; dan
(b) Kadar diskaun ialah pada 6% setahun.

**(iv) Manfaat Pelan Ganjaran**

Manfaat pelan ganjaran menyediakan sejumlah manfaat yang ditakrifkan melalui gaji dan tempoh perkhidmatan.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

(a) Kadar diskaun ialah 5.1% setahun (2013: 4.9% setahun); dan
(b) Kadar kenaikan gaji ialah 6% setahun.

**(o) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan dividen dari pelaburan saham adalah diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk pembayaran dividen telah dapat dipastikan.

Pendapatan daripada kontrak dan pembangunan harta tanah diiktiraf melalui kaedah peringkat kesiapan.

Pemberian (geran) tahunan yang diterima daripada Kerajaan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 23 dan Seksyen 3 (1A) (1994-Seksyen 3A), Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101), adalah diiktiraf atas asas tunai.

**(p) Bayaran Balik Perbelanjaan dan Pelarasan Pendapatan atau Perbelanjaan**

Bayaran balik perbelanjaan dan pelarasan terlebih dan terkurang dinyatakan sebelumnya bagi pendapatan atau perbelanjaan adalah dipelaraskan ke akaun-akaun berkenaan pada tahun semasa.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Harta Tanah Milik Bebas | Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Panjang | | Loji Dan Peralatan Lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Tanah | Bangunan | | |
| | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| **2014** | | | | | |
| **Kos/Penilaian** | | | | | |
| **Baki pada 1 Januari** | **130** | **50,000** | **36,770** | **36,224** | **123,124** |
| Penambahan | **-** | **-** | **122** | **1,137** | **1,259** |
| Pelupusan | **-** | **-** | **-** | **(1,988)** | **(1,988)** |
| Pelarasan | **-** | **-** | **(1)** | **(7)** | **(8)** |
| **Baki pada 31 Disember** | **130** | **50,000** | **36,891** | **35,366** | **122,387** |
| **Susut nilai terkumpul** | | | | | |
| **Baki pada 1 Januari** | **3** | **768** | **1,138** | **28,170** | **30,079** |
| Penambahan | **3** | **768** | **1,329** | **3,139** | **5,239** |
| Pelupusan | **-** | **-** | **-** | **(1,988)** | **(1,988)** |
| **Baki pada 31 Disember** | **6** | **1,536** | **2,467** | **29,321** | **33,330** |
| **Amaun Dibawa** | **124** | **48,464** | **34,424** | **6,045** | **89,057** |
| 2013 | | | | | |
| Kos/Penilaian | | | | | |
| Baki pada 1 Januari | 130 | 50,000 | 34,000 | 35,487 | 119,617 |
| Penambahan | - | - | 2,770 | 3,411 | 6,181 |
| Pelupusan | - | - | - | (70) | (70) |
| Pelarasan | - | - | - | (2,604) | (2,604) |
| Baki pada 31 Disember | 130 | 50,000 | 36,770 | 36,224 | 123,124 |
| Susut nilai terkumpul | | | | | |
| Baki pada 1 Januari | - | - | - | 24,920 | 24,920 |
| Penambahan | 3 | 768 | 1,138 | 3,261 | 5,170 |
| Pelupusan | - | - | - | (68) | (68) |
| Pelarasan | - | - | - | 57 | 57 |
| Baki pada 31 Disember | 3 | 768 | 1,138 | 28,170 | 30,079 |
| Amaun Dibawa | 127 | 49,232 | 35,632 | 8,054 | 93,045 |

## 4. PEMBANGUNAN HARTA TANAH

| | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Harta Tanah Milik Bebas** | | |
| **Baki pada 1 Januari** | **-** | - |
| Pembelian dalam tahun | **32,146** | - |
| | **32,146** | - |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 4. PEMBANGUNAN HARTA TANAH (sambungan)

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Harta Tanah Pajakan Jangka Panjang** | | |
| **Baki pada 1 Januari** | **462,091** | 126,695 |
| Penambahan | **35,696** | 335,396 |
| | **497,787** | 462,091 |
| **Baki pada 31 Disember** | **529,933** | 462,091 |

## 5. PELABURAN HARTA TANAH

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari** | **411,252** | 400,002 |
| Keuntungan nilai saksama bersih | **8,680** | 8,340 |
| Penambahan | **440** | 2,910 |
| **Baki pada 31 Disember** | **420,372** | 411,252 |
| **Pada Nilai Saksama** | | |
| Tanah milik bebas | **172,100** | 163,500 |
| Bangunan milik bebas | **232,000** | 232,000 |
| Tanah sewa pajak jangka panjang | **11,200** | 10,670 |
| Bangunan sewa pajak jangka panjang | **4,700** | 4,710 |
| | **420,000** | 410,880 |
| **Pada Kos** | | |
| Pelaburan harta tanah dalam binaan | **372** | 372 |
| | **372** | 372 |
| | **420,372** | 411,252 |

## 6. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Pada Kos** | | |
| Saham disebut harga | **3,584,505** | 2,610,876 |
| Perbadanan | **108,000** | 108,000 |
| Saham tidak disebut harga | **299,350** | 299,350 |
| | **3,991,855** | 3,018,226 |
| **Pada Nilai Pasaran** | | |
| Saham disebut harga | **5,303,644** | 5,791,474 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 7. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Saham tidak disebut harga, pada kos | **276,947** | 291,599 |
| Penjejasan nilai saham (Nota 21) | **(57,728)** | (13,797) |
| | **219,219** | 277,802 |

## 8. SEKURITI SEDIA UNTUK DIJUAL

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Pada Nilai Saksama** | | |
| Saham disebut harga | **1,992,184** | 1,995,649 |
| Saham tidak disebut harga | **259,485** | 234,379 |
| | **2,251,669** | 2,230,028 |
| **Pada Kos** | | |
| Saham tidak disebut harga | **138,870** | 173,913 |
| Saham keutamaan boleh tebus terkumpul tidak disebut harga | | |
| - syarikat bersekutu | **110,027** | 110,027 |
| - pelaburan lain-lain | **40,000** | 354 |
| | **288,897** | 284,294 |
| Penjejasan nilai saham | **(2,139)** | (34,888) |
| | **286,758** | 249,406 |
| | **2,538,427** | 2,479,434 |

## 9. PINJAMAN DAN AKAUN BELUM TERIMA

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Bukan Semasa** | | |
| Nota Jangka Pertengahan | **271,000** | 271,000 |
| Junior Sukuk Musharakah | **150,000** | - |
| | **421,000** | 271,000 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 9. PINJAMAN DAN AKAUN BELUM TERIMA (sambungan)

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Semasa** | | |
| Akaun belum terima lain-lain | **3,688** | 167,195 |
| Amaun belum terima daripada penjualan pembangunan harta tanah | **-** | 278,199 |
| Cukai akan diperolehi dari Lembaga Hasil Dalam Negeri | **42,087** | 110,370 |
| Faedah terakru bagi deposit | **293** | 1,390 |
| Keuntungan terakru bagi deposit - Perbankan Islam | **369** | 615 |
| Dividen terakru | **5,471** | 15,202 |
| Pinjaman perumahan kakitangan | **8,770** | 8,011 |
| Pinjaman kenderaan kakitangan | **846** | 665 |
| Pinjaman komputer kakitangan | **-** | 2 |
| Pinjaman peribadi kakitangan | **1,191** | 997 |
| Pendahuluan kakitangan | **47** | 49 |
| Pelbagai prabayaran | **612** | 5,187 |
| Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari | **129,199** | 186,208 |
| Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu | **77,908** | 52,768 |
| Amaun terhutang daripada pengurusan portfolio | **4,931** | 18,298 |
| Akaun kawalan pengurusan bangunan | **1,097** | 1,039 |
| Deposit pembelian harta tanah | **-** | 643 |
| Deposit dan jaminan | **1,562** | 1,556 |
| | **278,071** | 848,394 |

Akaun belum terima lain-lain, amaun terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai syarat bayaran yang tetap kecuali pendahuluan sebanyak RM48 juta kepada Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) untuk projek pemindahan Pangkalan Udara Sungai Besi, Kuala Lumpur pada kadar 6.5% setahun.

Analisis pengumuran akaun belum terima lain-lain pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Kurang daripada 1 tahun | **1,947** | 165,365 |
| 1 hingga 3 tahun | **1,597** | 1,825 |
| Melebihi 3 tahun | **144** | - |
| Melebihi 5 tahun | **-** | 5 |
| | **3,688** | 167,195 |

## 10. PEMBANGUNAN HARTA TANAH DALAM PERLAKSANAAN

Pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan adalah projek perumahan di Taman LTAT, Bukit Jalil Kuala Lumpur untuk ditawarkan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara sebagai melaksanakan tanggungjawab korporat LTAT kepada anggota ATM.

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Kos pembangunan Taman LTAT adalah seperti berikut: | | |
| Tanah pada kos | | |
| **Baki pada 1 Januari** | **9,439** | 8,248 |
| Perbelanjaan tahun semasa | **214** | - |
| Pelarasan | **-** | 1,202 |
| Penjualan | **-** | (11) |
| | **9,653** | 9,439 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 10. PEMBANGUNAN HARTA TANAH DALAM PERLAKSANAAN (sambungan)

| | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Kos pembangunan | | |
| **Baki pada 1 Januari** | **55,540** | 37,772 |
| Perbelanjaan tahun semasa | **22,576** | 15,857 |
| Pelarasan | **(619)** | 1,911 |
| | **77,497** | 55,540 |
| **Baki pada 31 Disember** | **87,150** | 64,979 |

## 11. SEKURITI DIPEGANG UNTUK URUS NIAGA

| | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Saham disebut harga, pada nilai saksama | | |
| Dagangan Terus LTAT | **51,255** | 38,543 |
| Pengurusan Portfolio | **130,712** | 135,391 |
| | **181,967** | 173,934 |

## 12. DEPOSIT

| | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Deposit jangka pendek dan pasaran wang | | |
| - syarikat sub-subsidiari | **322,252** | 615,251 |
| - institusi-institusi lain | **122,241** | 289,249 |
| | **444,493** | 904,500 |
| Deposit jangka pendek dan pasaran wang Perbankan Islam | | |
| - syarikat sub-subsidiari | **-** | 44,850 |
| - institusi-institusi lain | **71,941** | 128,397 |
| | **71,941** | 173,247 |
| Deposit jangka pendek pengurusan portfolio | **30,413** | 23,020 |
| | **546,847** | 1,100,767 |

## 13. AKAUN CARUMAN AHLI

Jumlah akaun caruman ahli yang terkumpul setakat 31 Disember 2014 ialah RM8,685.37 juta (31 Disember 2013: RM8,279.75 juta). Jumlah ini diperolehi setelah mengambil kira penerimaan caruman dalam tahun, dividen yang dikreditkan pada kadar 7% (2013:7%) setahun, dividen atas pengeluaran pada kadar 7% (2013:7%) setahun, bonus pada kadar 1% (2013: 1%) setahun dan ditolak pengeluaran dan pengasingan ke akaun dormant dalam tahun.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 14. KUMPULAN WANG RIZAB

Rizab ini dikendalikan mengikut Seksyen 11(2) Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101). Pergerakan akaun ini pada tahun adalah seperti berikut:

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari** | **165,595** | 155,345 |
| Pindah dari keuntungan terkumpul | **8,113** | 10,250 |
| **Baki pada 31 Disember** | **173,708** | 165,595 |

## 15. LIABILITI MANFAAT KAKITANGAN

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Manfaat perubatan selepas persaraan** | | |
| Obligasi manfaat ditentukan | **34,848** | 31,373 |
| **Manfaat pelan ganjaran** | | |
| Obligasi manfaat ditentukan | **25,813** | 27,946 |
| | **60,661** | 59,319 |
| **Pergerakan dalam liabiliti bersih dalam penyata kedudukan kewangan** | | |
| **Manfaat perubatan selepas persaraan** | | |
| **Liabiliti bersih pada 1 Januari** | **31,373** | 17,740 |
| Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi | **3,922** | 2,224 |
| Pengukuran semula manfaat perubatan selepas persaraan | **-** | 11,709 |
| Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar | **(447)** | (300) |
| | **34,848** | 31,373 |
| **Manfaat pelan ganjaran** | | |
| **Liabiliti bersih pada 1 Januari** | **27,946** | - |
| Obligasi manfaat ditentukan | **-** | 25,774 |
| Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi | **2,570** | 2,558 |
| Pengukuran semula manfaat pelan ganjaran | **(410)** | - |
| Manfaat pelan ganjaran dibayar | **(4,293)** | (386) |
| | **25,813** | 27,946 |
| **Liabiliti bersih pada 31 Disember** | **60,661** | 59,319 |

## 16. PERUNTUKAN FAEDAH UNIT AMANAH

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari** | **211,411** | 196,912 |
| Peruntukan pada tahun | **195,678** | 211,411 |
| | **407,089** | 408,323 |
| Bayaran dalam tahun | **(211,411)** | (196,912) |
| **Baki pada 31 Disember** | **195,678** | 211,411 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 17. PEMIUTANG

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Caruman ahli akan dibayar | **511** | 564 |
| Akaun dormant | **2,024** | 7,105 |
| Cukai atas pendapatan sewaan | **-** | 6,326 |
| Ubah suai Bangunan LTAT | **255** | 255 |
| Pemiutang-pemiutang lain | **9,306** | 12,671 |
| Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari | **145,704** | 25,490 |
| Amaun terhutang kepada pengurusan portfolio | **2,448** | 4,987 |
| Deposit dari penyewa | **5,715** | 5,835 |
| Pelbagai deposit dan jaminan | **2,829** | 2,829 |
| | **168,792** | 66,062 |

Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai syarat bayaran yang tetap.

Akaun dormant diasingkan daripada akaun caruman ahli di bawah Seksyen 4, Peraturan-Peraturan Tabung Angkatan Tentera (Pengendalian & Pembayaran Balik Caruman Bagi Akaun Dormant) 2009, Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101).

## 18. PENDAPATAN

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Pendapatan dari faedah-faedah | | |
| - faedah dari deposit tetap | **-** | 13 |
| - faedah dari deposit jangka pendek dan pasaran wang | **22,902** | 27,834 |
| - keuntungan dari deposit jangka pendek dan pasaran wang Perbankan Islam | **2,900** | 5,544 |
| | **25,802** | 33,391 |
| Pendapatan dari pelaburan sekuriti sedia untuk dijual | | |
| - dividen saham disebut harga | **69,858** | 101,771 |
| - dividen saham tidak disebut harga | **8,377** | 6,079 |
| - dividen saham keutamaan boleh tebus tidak disebut harga | **10,997** | 13,158 |
| - keuntungan penjualan saham disebut harga | **48,513** | 116,481 |
| - keuntungan nilai saksama bersih dipindahkan dari rizab sekuriti sedia untuk dijual | **68,812** | 134,061 |
| | **206,557** | 371,550 |
| Pendapatan dari pelaburan sekuriti dipegang untuk urus niaga | | |
| - dividen saham disebut harga | **5,681** | 6,429 |
| - keuntungan penjualan saham disebut harga | **7,774** | 19,881 |
| - pendapatan deposit dan baki-baki lain | **1,224** | 1,387 |
| - perbelanjaan | **(2,606)** | (2,656) |
| | **12,073** | 25,041 |
| Pendapatan dari pinjaman dan akaun belum terima | | |
| - keuntungan dari Junior Sukuk Musharakah | **4,638** | - |
| - faedah dari Nota Jangka Pertengahan | **18,970** | 18,970 |
| - faedah dari pendahuluan kepada PPHM | **3,795** | 2,534 |
| | **27,403** | 21,504 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 18. PENDAPATAN (sambungan)

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Pendapatan dari pelaburan syarikat-syarikat subsidiari | | |
| - dividen saham disebut harga | **288,043** | 271,393 |
| - dividen saham tidak disebut harga | **20,697** | 26,209 |
| - dividen saham Perbadanan | **27,360** | 20,230 |
| - keuntungan penjualan saham disebut harga | **306,037** | 109,407 |
| | **642,137** | 427,239 |
| Pendapatan dari pelaburan syarikat-syarikat bersekutu | | |
| - dividen saham tidak disebut harga | **45,659** | 35,559 |
| - keuntungan penjualan saham tidak disebut harga | **14,508** | - |
| - pendapatan lain | **267** | 47 |
| | **60,434** | 35,606 |
| Pendapatan sewaan | | |
| - sewaan harta tanah, loji dan peralatan | | |
| - sewaan dari syarikat-syarikat subsidiari | **705** | 658 |
| - sewaan-sewaan lain | **28** | 47 |
| - sewaan dari pelaburan harta tanah | **29,351** | 30,448 |
| | **30,084** | 31,153 |
| Keuntungan bersih penjualan pembangunan harta tanah | **-** | 5,675 |
| | **1,004,490** | 951,159 |

## 19. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Faedah pinjaman kenderaan kakitangan | **23** | 23 |
| Faedah pinjaman perumahan kakitangan | **287** | 283 |
| Faedah pinjaman komputer kakitangan | **-** | 1 |
| Faedah pinjaman peribadi kakitangan | **43** | 14 |
| Keuntungan/(Kerugian) penjualan harta tanah, loji dan peralatan | **28** | (1) |
| Keuntungan nilai saksama bersih daripada pelaburan harta tanah | **8,680** | 8,340 |
| Pelbagai | **1,914** | 1,606 |
| | **10,975** | 10,266 |

## 20. (KERUGIAN)/KEUNTUNGAN NILAI SAKSAMA BERSIH SEKURITI DIPEGANG UNTUK URUS NIAGA

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Dagangan Terus LTAT | **(16,073)** | (330) |
| Pengurusan Portfolio | **(18,251)** | 5,859 |
| | **(34,324)** | 5,529 |

## 21. PENJEJASAN NILAI SAHAM

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Syarikat-syarikat bersekutu (Nota 7) | **(57,728)** | (13,797) |
| Sekuriti sedia untuk dijual | **(11,309)** | (34,888) |
| | **(69,037)** | (48,685) |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 22. PERBELANJAAN KAKITANGAN

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Gaji dan elaun kakitangan | **(26,003)** | (27,951) |
| Faedah persaraan dan ganjaran | **(4,918)** | (5,152) |
| Manfaat perubatan selepas persaraan | **(3,922)** | (2,224) |
| Manfaat pelan ganjaran | **(2,570)** | (2,558) |
| Perubatan kakitangan | **(2,561)** | (1,884) |
| Latihan kakitangan | **(373)** | (492) |
| Pemberian insentif dan kemudahan lain | **(372)** | (321) |
| | **(40,719)** | (40,582) |

## 23. PERBELANJAAN OPERASI

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Perjalanan dan pengangkutan pejabat | **(267)** | (269) |
| Perkhidmatan perhubungan | **(922)** | (874) |
| Utiliti | **(149)** | (162) |
| Perkhidmatan percetakan | **(215)** | (224) |
| Bekalan dan bahan-bahan pejabat | **(470)** | (793) |
| Penyenggaraan dan pembaikan | **(984)** | (1,185) |
| Kos penyenggaraan bangunan | **(13,907)** | (12,349) |
| Perkhidmatan iktisas dan pengurusan | **(1,946)** | (1,825) |
| Yuran Audit | **(258)** | (235) |
| Bayaran emolumen pengarah-pengarah | **(543)** | (489) |
| Tanggungjawab korporat (CR) | **(2,114)** | (2,193) |
| Perbelanjaan-perbelanjaan lain | **(907)** | (485) |
| | **(22,682)** | (21,083) |

## 24. CUKAI DAN ZAKAT

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Cukai | | |
| - Lebihan peruntukan tahun terdahulu | **312** | - |
| Zakat | **(378)** | (566) |
| | **(66)** | (566) |

Di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 5) 1974, LTAT dikecualikan daripada cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada pelaburan-pelaburan selain daripada sewa, yang dibuat di bawah Seksyen 15 Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101).

Pada 16 April 2012, YB Menteri Kewangan selaras dengan Seksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah meluluskan pengecualian peringkat statutori ke atas pendapatan sewaan LTAT bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016.

Zakat ialah zakat perniagaan yang dibayar bagi mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Zakat dikira mengikut kaedah alternatif yang diluluskan oleh Lembaga LTAT iaitu pada kadar 2.5% dari wang tunai dan baki bank (tidak termasuk wang tunai dan baki bank yang dipegang oleh pengurusan portfolio) setakat 31 Disember 2013 (2013:RM0.57 juta pada kadar 2.5% dari wang tunai dan baki bank setakat 31 Disember 2012).

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

## 25. PELARASAN CARUMAN

| | **2014 RM'000** | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Caruman terlebih kredit | **(149)** | (33) |
| Dividen terlebih kredit | **(4)** | (5) |
| | **(153)** | (38) |
| Pengaktifan semula akaun tak wujud | | |
| Caruman | **-** | 30 |
| Dividen dan bonus | **-** | 283 |
| | **(153)** | 275 |
| Pelarasan ke atas dividen | **-** | 382 |
| | **(153)** | 657 |

## 26. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

